



JOHOR CORPORATION

Laporan Tahunan 2015

ڤرّادان جوهر
Perbadanan Johor

Membina dan Membela

BISNES UTAMA/STRATEGIK



BISNES KULIM

Diterajui Kulim (Malaysia) Berhad. Ditubuhkan pada 1933 di United Kingdom sebagai Kulim Rubber Plantations Limited. Aktiviti utama: Perladangan (kelapa sawit), *Intrapreneur Ventures* serta Minyak dan Gas (O&G). Strategi pengurusan dan pertumbuhan Kulim berpandukan Visi 30:30.



BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad adalah kumpulan penjagaan kesihatan dan perubatan pakar swasta terbesar di Malaysia. Ia tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak 1994. Menguruskan 25 hospital swasta di Malaysia; Indonesia (dua); Bangladesh (satu) selain melabur sejumlah saham di sebuah hospital swasta di Thailand serta sebuah hospital dan pusat penjagaan warga emas di Australia. Didokong lebih 1,000 pakar perubatan dan 12,322 anggota pekerja.



BISNES MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN

Diterajui QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd. Aktiviti utama: Bisnes Makanan dan Perkhidmatan Restoran. Jumlah anggota pekerja: 30,000 orang. Melaksanakan rantaian nilai yang bersepada sepenuhnya. Pemegang francais dan pengendali rangkaian restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja. Pemegang francais dan pengendali rangkaian Pizza Hut di Malaysia dan Singapura. Terlibat secara meluas dalam industri penternakan ayam melalui aktiviti pengeluaran makanan ayam, penghasilan baka dan pengurusan ladang kontrak ayam pedaging, pusat penetasan dan pemprosesan produk hilir berdasarkan ayam jenama Ayamas, serta pelbagai perniagaan lain termasuk kilang roti, komisari, pengeluaran sos jenama Life dan syarikat pengedaran QSR Trading Sdn Bhd.



PELABURAN STRATEGIK BISNES INTRAPRENEUR DAN O&G

Skim ini adalah pendekatan Johor Corporation dalam usaha mewujudkan budaya berbisnes terutama di kalangan anggota pekerja dan masyarakat luar yang mempunyai minat berbisnes. Khususnya dalam bidang ternakan, pertanian dan O&G.



BISNES HARTANAH

Diterajui Johor Land Berhad sejak 1972 melibatkan pembangunan harta tanah kediaman dan komersil dengan 1,214 hektar tanah simpanan di lokasi strategik dalam Iskandar Malaysia. Projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan ialah Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Taman Seroja, Taman Damansara Aliff, Bandar Baru Majidee, Larkin Central Park, Kempas, Bandar Baru Tampoi, Pasir Gudang dan Sri Gading di Batu Pahat. Melaksanakan konsep pembangunan mampan dengan menyediakan kediaman berkualiti serta perjiranan beridentiti sendiri untuk pelanggan dalam setiap perbandarannya dan menyediakan ruang serta lokasi komersil yang strategik untuk perniagaan. Menjayakan Dasar Perumahan Rakyat Johor menerusi pembinaan 8,000 unit perumahan mampu milik Johor (RMMJ) bermula 2013 hingga 2020.

PELABURAN HARTANAH

• DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Menjalankan aktiviti pelaburan harta tanah komersil dan pengurusan bangunan khususnya pusat beli-belah, bangunan pejabat, terminal pengangkutan, bazar, kompleks sukan dan resort.

• AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

REIT Islamik pertama di dunia dan REIT Islamik berkaitan kesihatan pertama di Asia.

• AL-SALĀM REIT

REIT Islamik kedua terbitan Johor Corporation.

PEMBANGUNAN KOMPLEKS PERINDUSTRIAN

• TPM TECHNOPARK SDN BHD

Membangunkan kawasan perindustrian dan berperanan sebagai pengurus projek Johor Corporation. Terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur. Merupakan agen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik Johor Corporation.

• PELABUHAN TANJUNG LANGSAT

Pelabuhan Tanjung Langsat seluas 405 hektar merupakan pintu masuk dan tulang belakang kepada Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.



BISNES UTAMA/STRATEGIK



BISNES KULIM

Diterajui Kulim (Malaysia) Berhad. Ditubuhkan pada 1933 di United Kingdom sebagai Kulim Rubber Plantations Limited. Aktiviti utama: Perladangan (kelapa sawit), *Intrapreneur Ventures* serta Minyak dan Gas (O&G). Strategi pengurusan dan pertumbuhan Kulim berpandukan Visi 30:30.



BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad adalah kumpulan penjagaan kesihatan dan perubatan pakar swasta terbesar di Malaysia. Ia tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak 1994. Menguruskan 25 hospital swasta di Malaysia; Indonesia (dua); Bangladesh (satu) selain melabur sejumlah saham di sebuah hospital swasta di Thailand serta sebuah hospital dan pusat penjagaan warga emas di Australia. Didokong lebih 1,000 pakar perubatan dan 12,322 anggota pekerja.



BISNES MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN

Diterajui QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd. Aktiviti utama: Bisnes Makanan dan Perkhidmatan Restoran. Jumlah anggota pekerja: 30,000 orang. Melaksanakan rantaian nilai yang bersepada sepenuhnya. Pemegang francais dan pengendali rangkaian restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja. Pemegang francais dan pengendali rangkaian Pizza Hut di Malaysia dan Singapura. Terlibat secara meluas dalam industri penternakan ayam melalui aktiviti pengeluaran makanan ayam, penghasilan baka dan pengurusan ladang kontrak ayam pedaging, pusat penetasan dan pemprosesan produk hilir berdasarkan ayam jenama Ayamas, serta pelbagai perniagaan lain termasuk kilang roti, komisari, pengeluaran sos jenama Life dan syarikat pendedaran QSR Trading Sdn Bhd.



PELABURAN STRATEGIK BISNES INTRAPRENEUR DAN O&G

Skim ini adalah pendekatan Johor Corporation dalam usaha mewujudkan budaya berbisnes terutama di kalangan anggota pekerja dan masyarakat luar yang mempunyai minat berbisnes. Khususnya dalam bidang ternakan, pertanian dan O&G.



BISNES HARTANAH

Diterajui Johor Land Berhad sejak 1972 melibatkan pembangunan harta tanah kediaman dan komersil dengan 1,214 hektar tanah simpanan di lokasi strategik dalam Iskandar Malaysia. Projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan ialah Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Taman Seroja, Taman Damansara Aliff, Bandar Baru Majidee, Larkin Central Park, Kempas, Bandar Baru Tampoi, Pasir Gudang dan Sri Gading di Batu Pahat. Melaksanakan konsep pembangunan mampan dengan menyediakan kediaman berkualiti serta perjiranan beridentiti sendiri untuk pelanggan dalam setiap perbandarannya dan menyediakan ruang serta lokasi komersil yang strategik untuk perniagaan. Menjayakan Dasar Perumahan Rakyat Johor menerusi pembinaan 8,000 unit perumahan mampu milik Johor (RMMJ) bermula 2013 hingga 2020.

PELABURAN HARTANAH

• DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Menjalankan aktiviti pelaburan harta tanah komersil dan pengurusan bangunan khususnya pusat beli-belah, bangunan pejabat, terminal pengangkutan, bazar, kompleks sukan dan resort.

• AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

REIT Islamik pertama di dunia dan REIT Islamik berkaitan kesihatan pertama di Asia.

• AL-SALĀM REIT

REIT Islamik kedua terbitan Johor Corporation.

PEMBANGUNAN KOMPLEKS PERINDUSTRIAN

• TPM TECHNOPARK SDN BHD

Membangunkan kawasan perindustrian dan berperanan sebagai pengurus projek Johor Corporation. Terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur. Merupakan agen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik Johor Corporation.

• PELABUHAN TANJUNG LANGSAT

Pelabuhan Tanjung Langsat seluas 405 hektar merupakan pintu masuk dan tulang belakang kepada Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.



FAKTA SEPINTAS LALU

PERANAN ENTITI KOMERSIL



Jumlah Hektar
SAWIT BERTANAM Dalam Dan Luar Negara

56,302



Jumlah Pesakit Yang
TELAH DIRAWAT Di Hospital KPJ Dalam Dan Luar Negara

2,814,530



Jumlah Rangkaian
RESTORAN Dalam Dan Luar Negara

748 KFC **449** PIZZA HUT



Jumlah Unit
RUMAH YANG DIBANGUNAKAN Dalam Dan Luar Negara


31,062

PERANAN PEMBANGUNAN



Bilangan
KAWASAN PERINDUSTRIAN

31



Bilangan
SYARIKAT BEROPERASI

1,228



Bilangan
PELABURAN DITERIMA



RM 63 Bilion



187,361

Peluang Pekerjaan
YANG DIWUJUDKAN

PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT


Jumlah Dana
Disalurkan Untuk
PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT

>RM 112



Jumlah
MASJID

6



18,000 Juta Kariah



1.13 Juta Orang

Jumlah Pesakit Dirawat
DI KLINIK & HOSPITAL WAQAF AN-NUR

VISI

Membina dan Membela

MISI

Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.

Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.

Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mampan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.

Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

RASIONAL MOTIF MUKA HADAPAN

MOTIF ini adalah kombinasi tiga lakaran yang popular dalam seni ukiran masyarakat Melayu, Cina dan India yang menyatu secara harmoni dan diangkat menjadi antara simbol dan teras kepada pembentukan muafakat Bangsa Johor yang padu, rukun serta berkemajuan.



KANDUNGAN

SEKSYEN 1

PENYATA KORPORAT	2
------------------------	---

SEKSYEN 2

MENGENAI JOHOR CORPORATION

Profil & Maklumat Korporat	7
Struktur Bisnes & Korporat	8
Lembaga Pengarah	10
Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.....	12
Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding	12
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)	13
Jawatankuasa Teraju Korporat.....	14
Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)	16
Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)	18

SEKSYEN 3

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

Ulasan Kewangan.....	20
Ringkasan Prestasi Kewangan (Johor Corporation) 2011-2015	21
Ringkasan Prestasi Kewangan (Kumpulan) 2011-2015.....	22

SEKSYEN 4

PROSPEK

Laporan Ekonomi	23
Bisnes KULIM.....	25
Bisnes Kesihatan Pakar	29
Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran	31
Divisyen Hartanah.....	35
Divisyen Pembangunan Industri.....	43
Divisyen Pembangunan Bisnes	48
Divisyen Tanggungjawab Korporat	50
Modal Insan.....	53

SEKSYEN 5

TADBIR URUS KORPORAT

Penyata Tadbir Urus Korporat.....	54
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam	57
Laporan Jawatankuasa Audit	59

SEKSYEN 6

PENYATA KEWANGAN

.....	61
-------	----

CIRI-CIRI BAHARU DI DALAM LAPORAN TAHUNAN INI



Kod QR ini menghubungkan anda dengan maklumat yang boleh diakses menerusi telefon pintar anda, seperti layar ke maklumat lanjut mengenai topik-topik tertentu. Muat turun aplikasi dalam telefon pintar anda, imbas gambar kod pada laman yang berkaitan dan ia akan dibuka dalam pelayar (Safari, Google Chrome atau lain-lain) di telefon bimbit anda menerusi "Bakodo" atau "i-nigma" untuk iPhone, "QR Code Scanner Pro" untuk BlackBerry® dan "Barcode Scanner" untuk Android.



Laporan ini boleh diakses di laman web www.jcorp.com.my



Ikon ini akan membantu anda mengimbang dengan pantas bidang di mana pencapaian kami adalah memuaskan dan di mana pencapaian yang kurang memuaskan supaya anda boleh menantikan penambahbaikannya dalam laporan akan datang.

Enam cara mudah untuk mengakses lebih banyak maklumat daripada Laporan Tahunan Johor Corporation 2015:

- i. Lakukan carian i-Nova App daripada Apple App Store atau Google Play menggunakan telefon pintar anda.
- ii. Klik pada aplikasi (app) tersebut dan muat turun. (Periksa peranti anda untuk memastikan kesesuaian sebelum memuat turun).
- iii. Sebaik sahaja selesai muat turun, klik dan buka untuk melancarkan Augmented Reality (AR) App.
- iv. Klik pada butang “start” i-Nova App untuk melancarkan kamera AR.
- v. Cari “AR Icon” di dalam laporan ini dan lakukan imbasan menggunakan kamera AR untuk membolehkan anda mendapatkan kandungan interaktif AR.
- vi. Anda boleh klik pada butang interaktif untuk mencari kandungan tambahan.

PENYATA KORPORAT

DATO' MOHAMED
KHALED BIN NORDIN

Pengerusi
Johor Corporation

KETAHANAN DALAM MENGHADAPI CABARAN

Meskipun getir melalui ketidaktentuan ekonomi global dan pertumbuhan serantau yang perlahan sepanjang 2015, Johor Corporation tetap mencapai prestasi membanggakan selaras dengan impak Pelan Transformasi Strategik Bisnes (BTP) 2013-2022 yang dilaksanakan. Ini memperkuatkan lagi ketahanan organisasi kami daripada terkesan oleh ketidaktentuan, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran (VUCA) pasaran dunia.



Berdasarkan sasaran untuk mencapai sifar hutang pada 2022, Johor Corporation kekal fokus terhadap pertumbuhan lima bisnes terasnya – Perladangan; Prisihat (Kesihatan Pakar); Makanan & Perkhidmatan Restoran; Pembangunan dan Pelaburan Hartanah & Pembangunan Kompleks Perindustrian; serta Minyak & Gas (O&G) – di samping meningkatkan kecekapan bisnes bagi memperoleh aliran tunai lebih tinggi melalui portfolio aset dan bisnes baharu Johor Corporation.

Johor Corporation berada di atas landasan betul dalam perjalanan transformasinya yang membolehkan konglomerat negeri ini menyusun semula selain memperkuat proses, sistem dan keupayaan organisasi bagi membolehkan jentera operasinya merentas halangan dan mengatasi cabaran landskap ekonomi serta bisnes yang dinamik tetapi sengit.

Falsafah Pengurusan Kesinambungan Bisnes turut berjaya membentuk momentum terhadap strategi yang memacu inisiatif organisasi sepanjang 2015 dengan menggerakkan inovasi dan amalan tadbir urus korporat sebagai pemacu utama perjalanan transformasinya selain mengekalkan inisiatif korporat dan strategik bagi meningkatkan kecekapan organisasi dan mengurangkan kos keseluruhan

sebagai sebahagian daripada perancangan jangka panjang mewujudkan operasi bisnes lebih mampan.

Antara pencapaian penting 2015 adalah penyelesaian penstrukturkan semula organisasi korporat Johor Corporation menjadi lima divisyen utama. Ini bertujuan menyokong dan memacu pertumbuhan bagi bisnes sedia ada – pembangunan hartanah komersil, kediaman dan perindustrian – di samping menjana lebih banyak hasil pendapatan melalui projek baharu seperti Hab Perabot Muar, pembangunan kawasan perindustrian di Pengerang, pembangunan *Ibrahim International Business District (IIBD)*, Johor Bahru serta kerja-kerja menaiktaraf Larkin Sentral melibatkan ruang niaga bazar di Aras 1 Bangunan Pasar selain menyediakan Hentian Teksi Berpusat bagi semua teksi bandar, teksi Singapura dan kereta sewa.

PRESTASI KEWANGAN

Pada 2015, Johor Corporation mahupun Kumpulan telah merekodkan prestasi kewangan yang memuaskan menerusi pelbagai segmen bisnesnya. Sumbangan pendapatan utama daripada syarikat dalam Kumpulan mendorong peningkatan pendapatan sebanyak 15.9% kepada RM5.3 bilion berbanding 2014. Hasilnya, Kumpulan

PENYATA KORPORAT



merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM549 juta. Di peringkat entiti, Johor Corporation mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak RM370 juta (181%) sekaligus mengumpulkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM275 juta. Peningkatan ketara ini disumbangkan terutamanya oleh dividen khas daripada Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) hasil pelupusan kepentingan dalam New Britain Palm Oil Limited (NBPOL).

Prestasi kewangan Kumpulan mencerminkan asas bisnes yang kukuh hasil pelaburan agresif dalam pelbagai bentuk bisnes yang bertujuan menjana pendapatan dan keuntungan lebih kukuh walaupun berdepan dengan ketidaktentuan iklim bisnes serta kesuraman ekonomi.

Meskipun harga minyak mentah tidak menentu dan disusuli dengan kejatuhan mendadak pada 2015, segmen O&G menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu 220%. Kenaikan sebanyak RM400 juta berbanding 2014 itu diperolehi melalui kontrak baharu bernilai RM877.5 juta.

Segmen Pembangunan Industri turut merekodkan peningkatan positif iaitu RM126 juta berbanding 2014 dengan mencatatkan pendapatan keseluruhan RM212 juta –

peningkatan 147%. Bagaimanapun, Bisnes Hartanah mengalami penurunan pendapatan sebanyak RM66 juta (9%) bagi tempoh sama kesan daripada pasaran hartanah kediaman yang agak lemah serta pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh kerajaan pada April 2015 selain langkah kawal selia yang diperkenalkan bagi menyekat pertumbuhan hutang isi rumah.

Bisnes Kesihatan Pakar menjana pendapatan lebih baik iaitu meningkat RM335 juta (13%) berbanding 2014. Sektor itu mencatatkan pendapatan RM2.85 bilion pada 2015 yang disumbangkan hasil daripada program menaiktaraf beberapa hospital sedia ada serta pembukaan sebuah hospital baharu.

Bisnes Perladangan juga mencatatkan prestasi cemerlang dengan pendapatan RM847 juta di saat kejatuhan harga minyak sawit ke paras yang paling rendah dalam tempoh enam tahun pada Ogos 2015. Ketidakstabilan harga itu kesan cuaca kemarau dan berjerebu yang memberi tamparan hebat terhadap sektor perladangan di Asia Tenggara.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran menjana pendapatan RM58 juta melalui 60 rangkaian Kedai Ayamas dan Restoran Rasamas. Angka ini tidak mengambil kira

**DATO' KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM**

**PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF
JOHOR CORPORATION**

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

PENYATA KORPORAT

kewangan kepada isi rumah. Situasi itu bertambah buruk dengan kehadiran tanda-tanda pasaran pekerjaan yang semakin lemah.

Ekonomi negara turut terkesan oleh kejatuhan permintaan dan harga komoditi seperti minyak mentah serta minyak sawit mentah. Kejatuhan harga minyak sejak 2014, bertambah buruk apabila menjunam ke paras terendah dalam tempoh 11 tahun pada Disember 2015. Harga minyak sawit mentah pula menjunam ke paras terendah dalam tempoh enam tahun pada Ogos 2015 akibat kemarau melanda ladang di Asia Tenggara serta jerebu daripada kebakaran hutan di Indonesia.

Selain itu, prospek bisnes terjejas oleh prospek eksport yang mendatar dan ketidakstabilan nilai Ringgit Malaysia.

Walaupun begitu, ekonomi Malaysia mengatasi jangkaan dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5% pada suku keempat dan mendorong pertumbuhan tahunan keseluruhan sebanyak 5.0%. Hal ini didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh dan meningkat secara mendadak pada tempoh tersebut. Sepanjang tempoh kemerosotan ekonomi global dan cabaran ekonomi tempatan ini, Johor Corporation kekal bertahan dan berada pada kedudukan yang betul dengan mengalami pertumbuhan dan memperoleh keuntungan yang mampan serta mampu memberi sumbangan terhadap pembangunan negeri Johor.

PERISTIWA KORPORAT

Terdapat beberapa peristiwa penting berlangsung sepanjang 2015 yang memberi impak positif dan pengukuhan penjenamaan serta sumbangan besar terhadap prestasi cemerlang Johor Corporation dan Kumpulan.

Pastinya, pelancaran IIBD oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada 22 November 2015 melakar sejarah korporat kami yang tersendiri. Johor Corporation dengan penuh takzim melalui ruangan ini merafakkan ucapan Menjunung Kasih Ke Bawah DYMM Tuanku yang sudi bercemar duli berangkat bagi menyempurnakan majlis pelancaran IIBD sekaligus menandakan sokongan dan naungan



DYMM Tuanku terhadap Johor Corporation serta anggota pekerjanya yang berjumlah 60,643 orang.

Selain itu, langkah strategik Johor Corporation melalui pengumuman oleh Kulim pada November 2015 untuk pelaksanaan Pengurangan Modal Terpilih dan Pembayaran Semula (SCR) turut menarik perhatian awam.

Pengambilalihan itu membawa kepada penswastaan Kulim sebagai syarikat milik penuh Johor Corporation dan penarikan semula penyenaraianya di Bursa Malaysia. SCR yang dicadangkan itu dijangka selesai menjelang suku ketiga 2016.

PENYATA KORPORAT

Johor Land Berhad pula mengotakkan komitmen awalnya dengan menyerahkan 304 unit rumah kos rendah dan mampu milik daripada 8,000 unit di Taman Seroja, Johor Bahru. Jumlah itu adalah sebahagian daripada yang perlu dibina menjelang 2020. Manakala TPM Technopark Sdn Bhd berjaya menyempurnakan projek kem baharu Askar Timbalan Setia Negeri (TSN) dan telah menyerahkannya kepada Kerajaan Negeri Johor.

Johor Corporation turut menyenaraikan Al-Salām REIT di Bursa Malaysia iaitu REIT Islam kedua yang disenaraikan oleh Johor Corporation selepas Al-Aqar Healthcare REIT; dengan aset yang dinilai pada kadar RM949.7 juta serta modal pasaran RM539.4 juta.


Johor Corporation turut melebarkan sayap bisnesnya ke sektor berkaitan O&G melalui E.A. Technique (M) Berhad. Keupayaan misi membawa masuk pelabur domestik dan asing turut terserlah apabila Johor Corporation membawa masuk pelaburan baharu lebih RM3 bilion ke zon perindustrian Pelabuhan Tanjung Langsat.

Selain itu, Johor Corporation melancarkan peringkat keempat (terakhir) bagi skim belian balik Dana Johor RM1 Seunit (SDJ1) pada September 2015 melibatkan peruntukan RM49.43 juta dengan 24,321 pemegang unit yang diberi 49.43 juta unit Al-Salām REIT bernilai RM1.00 seunit tiap satu.

Terakhir, keputusan kerajaan negeri supaya Johor Corporation melaksanakan peranan agen pembangunan negeri dengan bertindak sebagai pentadbir Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang juga menjadi antara sari peristiwa korporat yang signifikan kepada kami pada 2015.

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Dari sudut imej dan penjenamaan, Johor Corporation terus menerima pengiktirafan dan anugerah antarabangsa atas kecemerlangannya apabila diiktiraf sebagai *Premier Corporate Brand* oleh *The BrandLaureate Special Edition World Awards 2015*. Anugerah itu hadir selepas satu lagi pengiktirafan daripada *The BrandLaureate* diberi kepada Johor Corporation melalui *The BrandLaureate Awards Billion Dollar Brand* pada Februari 2015. KFC Malaysia turut diiktiraf melalui anugerah *Brand Excellence in Quick Service Restaurant for Fried Chicken*.



PELABURAN baharu lebih RM3 BILION ke zon perindustrian Pelabuhan Tanjung Langsat

MEMBINA KETAHANAN SEKURITI MAKANAN

Pengeluaran makanan yang mampan untuk memastikan sekuriti makanan di Malaysia telah menjadi komponen yang semakin penting dalam agenda negara. Justeru, Johor Corporation turut komited dengan peranannya untuk memastikan negara mampu menghasilkan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat melalui industri penternakan lembu dan ayam.

Johor Corporation melalui Ihsan Permata Sdn Bhd (IPSB) bekerjasama dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam ‘Projek Lembu Fidlot Berimpak Tinggi TERAJU/DVS/JCorp’ untuk memberi nafas baharu kepada 10 fidlot lembu pertama daripada 20 di Johor sejak Jun 2014. IPSB dilantik sebagai integrator, manakala DVS menyediakan akses kepada semua fidlot di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Johor dengan pembiayaan projek RM7.78 juta yang disediakan TERAJU.

Kara Holdings Sdn Bhd (KARA) yang ditubuhkan pada 2014 untuk menyumbang kepada rantaian nilai Industri Ayam Halal (*Halal Poultry Industry*) kini menjalankan proses rasionalisasi berterusan dengan memberi tumpuan kepada pencapaian perolehan dan margin tinggi melalui peningkatan jualan ayam dan produk sampingannya.

TADBIR URUS KORPORAT

Perkembangan terkini landskap bisnes, ekonomi dan sosio-ekonomi pada abad ke-21 ini menuntut institusi ekonomi memperkasakan kerangka dan amalan tadbir urus supaya dapat disesuaikan dengan keperluan dan keadaan semasa yang mencabar. Johor Corporation berpegang kepada tanggapan utama tadbir urus korporat seperti dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan 1999, di mana ianya melibatkan konsep tadbir urus korporat yang melangkaui undang-undang dan peraturan korporat tetapi pada dasarnya merujuk kepada sistem, proses dan struktur dalam sesebuah organisasi.

Bagi memperkuatkannya lagi rangka kerja tadbir urus korporat di samping memantapkan lagi peranan sebagai sebuah institusi ekonomi negeri Johor, Johor Corporation telah memperkenalkan konsep Misi Kesinambungan Bisnes di peringkat entiti. Idea utama misi ini ialah memastikan kami kekal relevan dan berdaya tahan sebagai sebuah institusi ekonomi dalam landskap abad ke-21.

Dalam meningkatkan keupayaan berinovasi dan menjayakan aktiviti tanggungjawab korporat, Johor Corporation dari masa ke semasa terus memperkuatkannya penerapan amalan tadbir urus korporat yang baik melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan Pejabat Ketua Pegawai Integriti seperti melaksanakan Program Pengurusan Risiko Integriti serta menganjurkan sesi taklimat integriti kepada intrapreneur, kontraktor, pembekal serta mereka yang berurusan dengan Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan. Dalam memperkuatkannya lagi pengurusan kontrak dan projek, Jabatan Inspektorat melakukan pelbagai pemeriksaan dan penilaian aktiviti mahupun projek yang dilaksanakan Johor Corporation serta syarikat dalam Kumpulan. Penemuan dan hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan kepada jawatankuasa tadbir urus berkaitan termasuk Jawatankuasa Audit Johor Corporation untuk perbincangan lanjut serta mendapatkan nasihat bagi langkah penambahbaikan.

PENYATA KORPORAT

Johor Corporation akan terus komited melaksana dan menerapkan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat dalam Kumpulan melalui Ahli Lembaga Pengarah, sistem pentadbiran syarikat dan juga semua jawatankuasa tadbir urusnya.

MODAL INSAN

Pembangunan modal insan dan pengukuhan keupayaan anggota pekerja adalah antara fokus utama Johor Corporation. Antaranya, hasil Kajian Tahap Kepuasan Anggota Pekerja yang dijalankan pada 2014, Johor Corporation pada 2015 telah merangka Pelan Intervensi untuk mengumpul cadangan penambahbaikan daripada anggota pekerja bagi membolehkan tindakan penambahbaikan yang dijangka dilaksanakan pada 2016.

Selain itu, program pengukuhan sahsiah, kemahiran dan penerokaan ilmu di kalangan anggota pekerja diteruskan. Ini termasuk menerapkan pematuhan terhadap nilai murni dan ibadah dalam aspek pekerjaan menerusi program Mukmin Profesional Modul Ke-2 serta meneruskan Program Kepimpinan Johor Corporation bagi menggilap dan membentuk pelapis barisan kepimpinan untuk meneruskan penguasaan dan kelangsungan konglomerat ini.

Kelab *Toastmaster* turut ditubuhkan bagi mempertingkatkan kemahiran anggota pekerja terutama kaedah berkomunikasi. Selain itu, *Johor Corporation Chartered Accountancy Programme (JCAP)* dilancarkan bagi melahirkan lebih ramai Aktauntan Bertauliah melibatkan kos RM7.2 juta. Pada masa sama, Johor Corporation turut melaksanakan inisiatif pembiayaan pelajaran yang dikenali sebagai *Johor Corporation Education Sponsorship Programme* bagi melahirkan 100 graduan dalam bidang ekonomi, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan dengan peruntukan kewangan berjumlah RM16 juta.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Dalam melunaskan peranan ketiga penubuhannya, Johor Corporation terus komited dengan pelbagai program dalam menzahirkan tanggungjawab korporatnya terhadap masyarakat yang memerlukan. Tugas itu kini digalas oleh Divisyen Tanggungjawab Korporat melalui penyeliaan Jabatan Bisnes

Amal dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad. Pada 2015, Johor Corporation menuangi 24 Organisasi Bisnes Amal melibatkan kluster pembangunan sosial dan kebajikan awam, sukan dan rekreasi, pembangunan usahawan serta kebajikan anggota pekerja.

Program tanggungjawab korporat Johor Corporation turut merangkumi sokongan kepada individu yang mahu memulakan bisnes dengan menawarkan kemahiran dan latihan pentadbiran kepada mereka. Sepanjang 2015, kami menyumbang RM18.2 juta bagi program pembangunan keusahawanan.

Program Keusahawanan BISTARI bagi memupuk minat dan semangat keusahawanan kalangan pelajar diteruskan dengan objektif membina potensi mereka untuk menjadi usahawan masa hadapan. Pada 2015, seramai 1,050 pelajar dari 70 sekolah menengah dan 1,000 murid dari 100 sekolah rendah di seluruh Johor menyertai program tersebut.

SEKALUNG BUDI

Dalam bekerja keras meneruskan pencapaian lalu dan memastikan prestasi lebih cemerlang pada tahun mendatang, ini hanya dapat dicapai dengan sokongan semua pihak. Justeru, Johor Corporation merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Persekutuan, semua pemegang kepentingan dan semua badan berkaitan, pihak bank dan penasihat kewangan, pelanggan, rakan strategik, pemegang kepentingan terbesar termasuk semua pemegang saham senaraian awam dan institusi yang membuat pelaburan dalam syarikat tersenarai dalam Kumpulan yang telah menyatakan atau memberikan sokongan terhadap semua pelan korporat dan transaksi bisnes sepanjang 2015.

Pastinya, penghargaan dan terima kasih juga kepada seluruh Ahli Lembaga Pengarah di atas segala sumbangan yang tidak ternilai selain panduan, kebijaksanaan serta kepakaran sehingga berjaya meletakkan entiti ini di atas landasan kukuh dalam meneruskan operasi bisnes, melunaskan peranan serta memberi perkhidmatan berkualiti dan melebarluaskan rantaian nilai dan sinergi bisnes demi semua pemegang kepentingan mahupun masyarakat amnya sepanjang 2015.

PENGHARGAAN

Penglibatan dan kesungguhan 60,643 anggota pekerja Kumpulan Johor Corporation dalam memacu jentera operasi dan pengurusan adalah kekuatan sebenar dalam menjamin kesinambungan entiti ini terus kukuh dan berupaya mengharungi persekitaran ekonomi yang mencabar dan saingan pasaran yang sengit. Prestasi yang direkodkan pada 2015 membuktikan seluruh barisan pengurusan mahupun sokongan telah menumpahkan komitmen, kesetiaan dan dedikasi mereka sekaligus meletakkan Johor Corporation di atas persada kejayaan yang sentiasa membanggakan dan berkesinambungan pada tahun-tahun mendatang.

Kejayaan kami sebagai sebuah Kumpulan juga tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa ketekunan, etika dan nilai moral yang tinggi serta komitmen yang mendalam seluruh anggota pekerja untuk melakukan yang terbaik. Kami juga sentiasa akur dan menyedari tuntutan supaya entiti ini terus melakukan proses penambahbaikan sistem selain menerapkan nilai murni dan inovasi dalam usaha membina bisnes yang kompetitif, bermutu serta memberi manfaat kepada Bangsa Johor khasnya.

**Johor Corporation
31 Mac 2016**



PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT



Pejabat Berdaftar JOHOR CORPORATION

Level 11, Menara KOMTAR,
Johor Bahru City Centre,
80000 Johor Bahru, Johor,
Malaysia.

Telefon : +607-219 2692
Faks : +607-223 3175
ISO Faks : +607-224 2692
Emel : pdnjohor@jcorp.com.my

Pejabat JOHOR CORPORATION

CAWANGAN KUALA LUMPUR
Level 11, Menara JC Corp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Telefon : +603-27872692
Faks : +603-27872700

Juruaudit

PricewaterhouseCoopers

Level 16, Menara Ansar
Jalan Trus, Peti Surat 296
80730 Johor Bahru, Johor,
Malaysia.

Bank Utama MAYBANK

Lot M1-22, 106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru, Johor,
Malaysia.



Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.jcorp.com.my

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).

Sebagai sebuah konglomerat negeri, Johor Corporation melalui syarikat dalam Kumpulan menceburi bisnes utama merangkumi bisnes:

- KULIM - Kulim (Malaysia) Berhad.
- Kesihatan Pakar (Prisihatin) - KPJ Healthcare Berhad.
- Makanan & Perkhidmatan Restoran - QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd.
- Pembangunan Hartanah - Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, TPM Technopark Sdn Bhd & Tanjung Langsat Port Sdn Bhd, Al-'Aqar Healthcare REIT & Al-Salām REIT.
- Bisnes Intrapreneur.
- Hospitaliti.

Johor Corporation menjadi peneraju pasaran tempatan dalam beberapa bisnes utama dan telah mengembangkan operasi ke seberang laut.

Bisnes KULIM memiliki operasi dan kepentingan bisnes di:

- Malaysia : 50,999 hektar
- Indonesia : 40,645 hektar

Bisnes Kesihatan Pakar yang diterajui melalui KPJ Healthcare Berhad di dalam negara, telah dikembangkan sehingga ke:

- Jakarta, Indonesia
- Brisbane, Australia
- Bangkok, Thailand
- Dhaka, Bangladesh

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia ke:

- Singapura
- Brunei
- Kemboja

Bilangan Syarikat Tersenarai di Bursa Malaysia: 5 syarikat



Kulim (Malaysia) Berhad (23320-V)



KPJ HEALTHCARE BERHAD



352



246



60,643

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2


SEKSYEN 3

SEKSYEN 4


SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

STRUKTUR BISNES & KORPORAT



STRUKTUR BISNES & KORPORAT



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

LEMBAGA PENGARAH



1. YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN

Menteri Besar Johor
Merangkap Pengerusi Johor Corporation

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mei 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.

2. YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA

Ketua Setiausaha Negara
Merangkap Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Berumur 61 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

3. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

Berumur 52 tahun. Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) daripada Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2010 dan sebagai Pemangku Presiden dan Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.

4. YB DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM

Setiausaha Kerajaan Johor

Berumur 61 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 10 April 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1981. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

5. YB DATO' ISHAK BIN SAHARI

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Berumur 54 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1986. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

6. YB TUAN HAJI MOHD NASIR BIN ABD SALAM

Pegawai Kewangan Negeri Johor

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 20 Jun 2015. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1983. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

7. YBHG DATUK SERI DR RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik semula sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 15 April 2015. Sebelum ini iaitu mulai 1 Februari 2009, beliau adalah Pengarah Johor Corporation yang juga mewakili Kerajaan Persekutuan yang dilantik ketika menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem Dan Kawalan), Kementerian Kewangan sehingga 18 Oktober 2011 iaitu sebelum beliau berpindah ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Australia National University, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Western Michigan USA, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Kemanusiaan (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

LEMBAGA PENGARAH



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

2

7

8

9

10

12

8. YBHG DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA

**Timbalan Ketua Setiausaha
Perbendaharaan (Dasar)
Kementerian Kewangan Malaysia**

Berumur 57 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, United Kingdom, Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan.

9. YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan
Malaysia (MIDA)**

Berumur 55 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Mac 2016. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

10. YBHG DATO' DR HAFSAH BINTI HASHIM

**Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia**

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Mulai 1 Disember 2015 beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Bisnes dari Aston University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia.

11. YB TUAN HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY

**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan,
Penerangan,
Pembangunan Usahawan & Koperasi
Negeri Johor**

Berumur 49 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.

12. YBHG ENCIK IZADDEEN BIN DAUD

**Pengerusi Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah Johor Corporation**

Berumur 48 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perakaunan dan Undang-Undang (Kepujian) dari De Montfort University, Leicester, United Kingdom pada 1991. Beliau kini merupakan Pengarah Universiti Utara Malaysia dan Uniutama Holdings Sdn Bhd (syarikat pelaburan induk Universiti yang terlibat dalam pelaburan harta tanah dan pembangunan, Pengurusan Hotel, Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan). Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Iskandar Investment Berhad, Permodalan Darul Takzim dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor.

13 ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Johor Corporation

Berumur 49 tahun. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 19 Julai 2013. Beliau merupakan setiausaha syarikat bertauliah dan berkelulusan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK). Beliau merupakan Ahli Bersekutu Persatuan Institut Setiausaha-Setiausaha dan Pentadbir-Pentadbir Berkutan Malaysia. Beliau kini merupakan Pengurus Besar, Jabatan Hal-Ehwal Syarikat, Johor Corporation.



Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.jcorp.com.my

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH



PENGURUSI

1. **ENCIK IZADDEEN BIN DAUD**
Pengarah Bebas

AHLI-AHLI

2. **YB TUAN HAJI MOHD NASIR
BIN ABD SALAM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor
3. **PUAN HAJAH ZAINAH BINTI MUSTAFA**
Ahli Bebas

SETIAUSAHA

4. **ENCIK ONN BIN ISMAIL**
Naib Presiden
Pematuhan & Tadbir Urus

JEMAAH LEMBAGA TAWARAN DAN JEMAAH LEMBAGA PELANTIKAN PERUNDING



PENGURUSI

1. **YB DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM**
Setiausaha Kerajaan Negeri

AHLI-AHLI

2. **YB TUAN HAJI MOHD NASIR ABD SALAM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor
3. **YB DATO' KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif
4. **TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd
Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif
Divisyen Pembangunan Industri

SETIAUSAHA

5. **ENCIK ABD RAHIM BIN MUSTAFFA**
Timbalan Pengurus Besar
Unit Tanah
Divisyen Pembangunan Industri

JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)



Pengerusi

1. YB DATO' KAMARUZZAMAN

BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif

AHLI-AHLI

2. TUAN HAJI AHAMAD BIN MOHAMAD

Pengarah Urusan

Kulim (Malaysia) Berhad

3. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM

Pengarah Urusan

TPM Technopark Sdn Bhd

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif

Divisyen Pembangunan Industri

4. TUAN HAJI LUKMAN

BIN HAJI ABU BAKAR

Pengarah Urusan

Johor Land Berhad

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif

Divisyen Hartanah

5. YBHG DATO' AMIRUDDIN

BIN ABDUL SATAR

Presiden/Pengarah Urusan

KPJ Healthcare Berhad

6. ENCIK ROZAINI BIN MOHD SANI

Naib Presiden Kanan

Divisyen Kewangan & Khidmat Korporat

Pengerusi Induk Modal Insan

7. TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI

Naib Presiden Kanan

Divisyen Tanggungjawab Korporat

Pengarah Eksekutif

Kulim (Malaysia) Berhad

Ketua Eksekutif

Waqaf An-Nur Corporation Berhad

8. TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM

Naib Presiden Kanan

Divisyen Pembangunan Bisnes

Pengarah Eksekutif

KPJ Healthcare Berhad

9. ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL

Naib Presiden

Pembangunan Strategik

Divisyen Pembangunan Bisnes

10. ENCIK ONN BIN ISMAIL

Naib Presiden

Pematuhan & Tadbir Urus

11. ENCIK MOHAMED IZAHAM

BIN ABDUL RANI

Pengarah Eksekutif

QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd

SETIAUSAHA BERSAMA

12. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR

Pengurus Besar

Jabatan Hal Ehwal Syarikat

13. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS

Pengurus

Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

JAWATANKUASA TERAJU KORPORAT



PENGERUSI

1. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU

KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif

TIMBALAN PENGERUSI I

2. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM

Pengarah Urusan

TPM Technopark Sdn Bhd

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif

Divisyen Pembangunan Industri

TIMBALAN PENGERUSI II

3. ENCIK ROZAINI BIN MOHD SANI

Naib Presiden Kanan

Divisyen Kewangan & Khidmat Korporat

AHLI-AHLI

4. TUAN HAJI LUKMAN BIN ABU BAKAR

Pengarah Urusan

Johor Land Berhad

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif

Divisyen Hartanah

5. TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI

Naib Presiden Kanan

Divisyen Tanggungjawab Korporat

Pengarah Eksekutif

Kulim (Malaysia) Berhad

Ketua Eksekutif

Waqaf An-Nur Corporation Berhad

9. TUAN HAJI YUSAINI BIN SIDEK

Pengarah Urusan

Damansara Reit Managers Sdn Berhad

Pengarah Eksekutif

Damansara Assets Sdn Bhd

Naib Presiden

Hartanah Komersil

Divisyen Hartanah

10. ENCIK AZLI BIN MOHAMED

Ketua Pegawai Kewangan

Kulim (Malaysia) Berhad

11. ENCIK JOHARI SHUKRI BIN JAMIL

Naib Presiden

Perhubungan Bisnes & Komersil

Divisyen Pembangunan Industri

Pengarah Eksekutif

Tanjung Langsat Port Sdn Bhd

12. TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL

RAHMAN

Naib Presiden

Pembangunan Portfolio

Divisyen Pembangunan Bisnes

7. ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL

Naib Presiden

Pembangunan Strategik

Divisyen Pembangunan Bisnes

8. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD

Pengarah Eksekutif

TPM Technopark Sdn Bhd

Naib Presiden

Teknikal & Pra Pembangunan

Divisyen Pembangunan Industri

JAWATANKUASA TERAJU KORPORAT



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

- | | | |
|---|--|--|
| 13. YM UNGKU HARUN AL 'RASHID
BIN AHMAD
Naib Presiden
Modal Insan dan Pentadbiran | 18. PUAN HAJAH NORISHAH
BINTI MOHD SETH
Pengurus Besar
Waqaf An-Nur Corporation Berhad | SETIAUSAHA BERSAMA
23. TUAN HAJI JAMALLUDIN BIN KALAM
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Syarikat |
| 14. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Syarikat | 19. ENCIK AZMAN BIN TAMBI CHIK
Pengurus Besar
Jabatan Komunikasi Strategik | 24. ENCIK MUHAMMAD ASHRAF
BIN MOHD YUNUS
Eksekutif
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif |
| 15. PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD
Pengurus Besar
Jabatan Nilai & Budaya | 20. ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI
Pengurus Besar
Jabatan Perbendaharaan & Kewangan Korporat | |
| 16. PUAN WAN SU BINTI ALI
Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang | 21. ENCIK MOHAMAD SALLEH BIN
MOHAMAD YUSOF
Pengurus Besar
Jabatan Percukaian & Insurans Kumpulan | |
| 17. PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah | 22. ENCIK SHAF'E'I BIN SULAIMAN
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Special Administration | |

JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)



PENGERUSI

1. ENCIK ROZAINI BIN MOHD SANI

Naib Presiden Kanan

Divisyen Kewangan & Khidmat Korporat

TIMBALAN PENGERUSI

2. ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL

Naib Presiden

Pembangunan Strategik

Divisyen Pembangunan Bisnes

AHLI-AHLI

3. PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD

Pengurus Besar

Jabatan Nilai & Budaya

4. PUAN RABIAHUL ADAWIAH BINTI ADNAN

Pengurus Besar

Jabatan Khidmat Hartanah

5. ENCIK MOHD FAIZAL BIN ABDULLAH

Pengurus Besar

Jabatan Perancangan Strategik

6. TUAN HAJI ROSDI BIN YAACUB

Pengurus Besar

TPM Technopark Sdn Bhd

7. ENCIK AZMAN BIN TAMBI CHIK

Pengurus Besar

Jabatan Komunikasi Strategik

8. ENCIK MD ZIN BIN MD YASIN

Pengurus Besar Kanan

Damansara Assets Sdn Bhd

9. TUAN HAJI JAMALLUDIN BIN KALAM

Timbalan Pengurus Besar

Jabatan Hal Ehwal Syarikat

10. ENCIK MOHD FADZIL BIN MOHD NOOR

Timbalan Pengurus Besar

Jabatan Pentadbiran

JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)



11. CIK NARIMAH BINTI ABDULLAH

Timbalan Pengurus Besar

Pembantu Khas kepada Naib Presiden Kanan/
Ketua Eksekutif
Divisyen Pembangunan Industri

12. PUAN HAJAH ROHANA BINTI MD TAHIR

Timbalan Pengurus Besar

Jabatan Pembangunan Bisnes

13. PUAN HAJAH NOOR RUZILAWATI

BINTI RUDDIN

Pengurus Kanan
Jabatan Bisnes Amal

14. PUAN SUHAINI BINTI TAIB

Timbalan Pengurus

Modal Insan & Pentadbiran

15. PUAN NURUL AIDEA BINTI SENIN

Timbalan Pengurus

Jabatan Undang-Undang

16. PUAN ZARINA BINTI ISMAIL

Timbalan Pengurus

Jabatan Perbendaharaan & Kewangan Korporat

17. ENCIK ROHAIME BIN ROSPILUJI

Eksekutif Kanan

Jabatan Percukaian & Insurans Kumpulan

18. PUAN YUS ZIANA BINTI SELAMAT

Eksekutif Kanan

Jabatan Perakaunan Kumpulan

SETIAUSAHA BERSAMA

19. ENCIK MUHAMMAD AIMAN 'IZZAT BIN ABDULLAH

Eksekutif

Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

20. CIK NUR IZZATI BINTI AZMAN

Eksekutif

Jabatan Hal Ehwal Syarikat

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)



PENGERUSI

- 1. ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL**
Naib Presiden
 Pembangunan Strategik
 Divisyen Pembangunan Bisnes

AHLI-AHLI

- 2. TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM**
Naib Presiden Kanan
 Divisyen Pembangunan Bisnes
Pengarah Eksekutif
 KPJ Healthcare Berhad
- 3. YBHG DATO' AMIRUDDIN
BIN ABDUL SATAR**
Presiden/Pengarah Urusan
 KPJ Healthcare Berhad
- 4. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD**
Pengarah Eksekutif
 TPM Technopark Sdn Bhd
Naib Presiden
 Teknikal & Pra Pembangunan
 Divisyen Pembangunan Industri

5. TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL

RAHMAN
Naib Presiden
 Pembangunan Portfolio
 Divisyen Pembangunan Bisnes

6. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR

Pengurus Besar
 Jabatan Hal Ehwal Syarikat

7. PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN

Pengurus Besar
 Jabatan Khidmat Hartanah

JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)



8. ENCIK AZMAN BIN TAMBI CHIK

Pengurus Besar
Jabatan Komunikasi Strategik

11. TUAN HAJI MAT SALLEH BIN HASSAN

Pengerusi
JCorp Intrapreneur (M) Berhad

SETIAUSAHA

**13. ENCIK MUHAMMAD ASHRAF
BIN MOHD YUNUS**

Eksekutif

Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

9. ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI

Pengurus Besar
Jabatan Perbendaharaan & Kewangan Korporat

**12. PUAN HAJAH ANDEK NOOR HUDAYAH
BINTI BACHOK**

Timbalan Pengurus
Jabatan Undang-Undang

10. ENCIK MOHD FAIZAL BIN ABDULLAH

Pengurus Besar
Jabatan Perancangan Strategik

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

ULASAN KEWANGAN

AMAUN DALAM RM JUTA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan 2015	Kumpulan 2014	Johor Corporation 2015	Johor Corporation 2014
Hasil	5,318	4,587	574	204
Keuntungan kasar	1,531	1,310	453	155
EBITDA*	1,334	1,522	416	344
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	549	601	275	208
Cukai pendapatan	(125)	(121)	(56)	13
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	424	480	219	221
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	1,316	247	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai	1,740	727	219	221


PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan 2015	Kumpulan 2014	Johor Corporation 2015	Johor Corporation 2014
Aset bukan semasa	13,368	12,258	5,259	5,737
Aset semasa	5,445	8,090	1,118	1,124
Jumlah aset	18,813	20,348	6,377	6,861
Liabiliti bukan semasa	7,724	6,688	3,714	3,717
Liabiliti semasa	3,368	6,331	992	1,682
Jumlah liabiliti	11,092	13,019	4,706	5,399
Jumlah ekuiti	7,721	7,329	1,671	1,462
Jumlah ekuiti dan liabiliti	18,813	20,348	6,377	6,861


* EBITDA - Pendapatan sebelum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN (JOHOR CORPORATION) 2011-2015


PEROLEHAN
RM (JUTA)




JUMLAH ASET
RM (JUTA)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI
RM (JUTA)




JUMLAH LIABILITI
RM (JUTA)



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI
RM (JUTA)



JUMLAH EKUITI
RM (JUTA)



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4


SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN (KUMPULAN) 2011-2015


PEROLEHAN
RM (JUTA)

5,071 9,970 4,735 4,587 5,318




JUMLAH ASET
RM (JUTA)

19,890 20,085 18,554 20,348 18,813




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI
RM (JUTA)

540 617 1,224 601 549




JUMLAH LIABILITI
RM (JUTA)

12,645 12,402 11,981 13,019 11,092




KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI
RM (JUTA)

376 390 985 480 424



JUMLAH EKUITI
RM (JUTA)

7,245 7,683 6,573 7,329 7,721



LAPORAN EKONOMI

Tahun 2015 merupakan tempoh permulaan yang agak sukar bagi Malaysia. Selain cabaran ekonomi luaran, ekonomi tempatan dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kedudukan fiskal negara, kenaikan kos sara hidup dan ketidaktentuan politik.

Ini menyebabkan ekonomi Malaysia lebih terjejas berbanding ekonomi rakan serantau lain. Malahan, siri cabaran itu turut menyumbang kepada:

- Pengaliran keluar dana asing yang agak besar jumlahnya dari pasaran kewangan domestik;
- Keanjalan prestasi pasaran ekuiti; dan
- Kedudukan Ringgit yang lemah berbanding matawang serantau.

Dalam konteks persekitaran ekonomi luaran, kegagalan Rizab Persekutuan di Amerika Syarikat (AS) untuk membuat keputusan melaksanakan polisi kewangan yang ketat pada mulanya telah meningkatkan kebimbangan berhubung kedudukan ekonomi negara itu. Bagaimanapun, petunjuk ekonominya menjelang penghujung 2015 menunjukkan penambahbaikan di mana penanda aras kadar faedah dinaikkan 25 mata asas ke paras di antara 0.25% hingga 0.5%. Namun, pertumbuhan ekonomi AS agak perlahan pada kadar 2.4% bagi 2015, sama seperti tahun sebelumnya sejajar kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia.

Perkembangan di China turut mempengaruhi trajektori ekonomi global pada 2015, termasuk Malaysia. Dalam hal ini, prestasi perdagangan luar Malaysia tidak terkecuali. Walaupun terdapat penambahbaikan menjelang penghujung tahun, rakan perdagangan utama sepatutnya mengambil kesempatan terhadap kelemahan Ringgit untuk mengukuhkan eksport masing-masing. Sebaliknya, pengukuhan eksport adalah agak kecil.

Secara keseluruhan, peningkatan keanjalan pasaran kewangan global dibangkitkan oleh:

- Ketiadaan keputusan Rizab Persekutuan AS berhubung peningkatan kadar faedah;
- Kepincangan pasaran saham di China; dan
- Kejatuhan harga minyak mentah yang berterusan.

Semua faktor itu mencetus kegelisahan di kalangan ekonomi global termasuk Malaysia. Faktor itu diburukkan lagi dengan penurunan nilai Yuan. Kejatuhan harga minyak mentah dan senario kemerosotan permintaan global menyebabkan perolehan hasil minyak yang lebih rendah kepada negara. Ini mendorong kerajaan mengurangkan perbelanjaan awam dan meletakkan kedudukan fiskal negara di bawah perhatian agensi penarafan antarabangsa.

Petunjuk ekonominya menjelang penghujung 2015 menunjukkan penambahbaikan di mana penanda aras kadar faedah dinaikkan 25 mata asas ke paras di antara 0.25% hingga 0.5%.

Dalam konteks persekitaran dalaman, ekonomi tempatan akur dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah iaitu pada kadar 5% pada 2015 berbanding 6% pada 2014. Selain rintangan luaran, kelembapan penggunaan dalaman menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Ini disebabkan:

- Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST);
- Pemansuhan subsidi secara berperingkat; dan
- Harga barang import yang lebih mahal berikutan kelemahan nilai Ringgit.

Sepanjang 2015, Ringgit berada di bawah tekanan yang tinggi didorong aliran keluar modal yang drastik. Ia juga berkait rapat dengan faktor dalaman dan luaran terutama kejatuhan harga minyak mentah, peningkatan jangkaan mengenai kenaikan kadar faedah di AS dan ketidaktentuan persekitaran politik tanahair.

Impak pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dirasai seluruh dunia. Dalam konteks Johor Corporation, Kumpulan berhadapan dengan peningkatan kebimbangan mengenai persekitaran bisnes yang lebap tetapi kompetitif dan kos menjalankan bisnes yang tinggi. Walaupun tumpuan diberikan kepada bisnes domestik, masalah luaran mencetuskan lebih cabaran kepada Johor Corporation dan Kumpulan. Kesan berganda kelembapan global menjadikan bisnes domestik terdedah kepada risiko yang tinggi mendorong pelaporan kadar pendapatan yang rendah.

Bisnes hartaan dan bisnes berorientasikan penggunaan seperti segmen hospitaliti, kesihatan pakar dan makanan terpaksa berhadapan tekanan kelemahan penggunaan dalaman apabila ekonomi bergerak lebih perlahan berikutan kebimbangan mengenai prospek pekerjaan. Pengguna lebih berhati-hati dalam perbelanjaan berikutan peningkatan kos sara hidup. Pada masa sama, semua segmen bisnes Johor Corporation turut merasakan kesan peningkatan kos menjalankan bisnes dengan pelaksanaan GST dan peningkatan harga sumber yang diimport. Peningkatan persaingan di pasaran menjadikan bisnes Johor Corporation lebih mencabar. Lebihan tawaran di pasaran hartaan bukan petanda baik kepada segmen bisnes Johor Corporation ini. Walaupun kelemahan Ringgit dapat menarik ramai pembeli hartaan dari Singapura, mereka kurang berminat membuat pelaburan yang besar lebih-lebih lagi dalam hartaan berikutan kelembapan ekonomi global.

Perubahan dramatik landskap minyak sedunia tidak memanfaatkan bisnes berkaitan minyak dan gas (O&G) termasuk operasi pelabuhan dan pembangunan industri dalam Kumpulan Johor Corporation. Penurunan harga minyak berterusan berdasarkan lebihan tawaran telah menyebabkan pengecilan aktiviti urus niaga minyak dan seterusnya kelemahan segmen pemprosesan kargo. Tambahan pula,

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

LAPORAN EKONOMI



...adalah penting bagi Kumpulan Johor Corporation untuk sentiasa membuat persediaan di samping kekal

PRAGMATIK

kesuraman aktiviti O&G terutama di persekitaran Tanjung Langsat dan Pengerang di mana Johor Corporation mempunyai kepentingan; tidak memberikan gambaran yang baik kepada Divisyen Pembangunan Industri Kumpulan.

Kejatuhan harga minyak mentah turut mempengaruhi pergerakan harga komoditi lain termasuk minyak sawit mentah sekaligus menjadikan bisnes perlادangan kurang menyerlah. Bagaimanapun, harga minyak sawit mentah kurang mengalami turun naik yang ketara. Meskipun berlaku kejatuhan mendadak harga di bawah paras RM2,000 satu tan metrik, secara purata harga minyak sawit mentah melepas para tersebut sepanjang 2015 sekaligus industri sawit Johor Corporation kurang mengalami keadaan turun naik yang ketara.

PROSPEK EKONOMI 2016

Prospek ekonomi tempatan lebih-lebih lagi pada 2016 akan terus dibayangi ketidakstabilan, ketidaktentuan, ketidakpastian dan kesamaran (*volatility, uncertainty, complexity and ambiguity – VUCA*). Secara keseluruhan, keadaan ekonomi masih dilihat sebagai rapuh. Malaysia masih terdedah kepada kesulitan ekonomi dan ketidakpastian di persekitaran dalaman mahupun luaran yang selanjutnya. Tambahan pula, petunjuk ekonomi menghampiri paras terendah sebelum ini ataupun tahap krisis. Ini menandakan prospek yang masih negatif

terhadap ekonomi tempatan. Oleh itu, unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) diturunkan di antara paras 4% hingga 4.5% bagi 2016 berbanding kadar pertumbuhan 5% pada 2015.

Di persekitaran luaran, iklim ekonomi global yang masih sukar, dicetuskan oleh kelemahan permintaan global akan mendorong pertumbuhan ekonomi tempatan yang lebih sugul. Setelah beberapa siri penurunan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 3.4% bagi 2016 dijangkakan bagi ekonomi global. Di AS, pelaksanaan polisi lebih ketat mula memberikan tekanan terhadap ekonominya dan Rizab Persekutuan menimbalangkan perubahan terhadap rancangan kenaikan kadar faedah untuk 2016. Ini menandakan ramalan pesimistik bagi ekonomi itu. Jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan di China juga akan terus menjelaskan prospek pertumbuhan global sekaligus mendorong peningkatan keimbangan mengenai kesinambungan paras harga minyak mentah yang rendah.

Kelemahan permintaan dalam akan terus membebani ekonomi dan akan memberi impak negatif kepada Johor Corporation dan Kumpulannya. Walaupun terdapat kesan positif hasil penurunan harga minyak mentah terhadap keseluruhan penggunaan dalaman, pengguna tempatan masih berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi. Oleh itu, bisnes berkaitan pengguna Johor Corporation akan terus berhadapan dengan senario suram. Kelembapan aktiviti bisnes dan pelaburan juga akan melemahkan prospek pertumbuhan ekonomi dan juga sektor korporat. Dalam hal ini, Johor Corporation tidak terkecuali. Tambahan pula, Kumpulan Johor Corporation harus akur dengan persekitaran bisnes yang kompetitif berhubung pembentukan perjanjian perdagangan yang lebih besar terutama Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA). Kestabilan ekonomi makro negara yang turut bergantung kepada kestabilan politik tanahair juga akan mendorong persekitaran bisnes yang lebih baik termasuk kelancaran operasi bisnes Johor Corporation.

Melangkah ke hadapan, Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan mengambil pandangan bahawa terdapat lebih banyak peluang yang boleh direbut dalam persekitaran *VUCA*. Senario itu menyediakan ruang kepada Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan membuat pembaharuan kepada produk, perkhidmatan dan proses bisnes. Sehubungan ini, Johor Corporation terutama komponen bisnesnya perlu lebih proaktif dan sensitif kepada pelbagai petunjuk dan petanda tersedia di pasaran, yang akan mewujudkan permintaan terhadap produk, perkhidmatan dan proses yang berinovatif serta lebih bernilai.


Mengambilkira keadaan ekonomi global yang masih tidak menentu, adalah penting bagi Kumpulan Johor Corporation untuk sentiasa membuat persediaan di samping kekal pragmatik. Pengurusan risiko, perancangan strategik dan pengurusan projek selain pengawasan dan juga komponen audit perlu memainkan peranan lebih penting. Sementara itu, langkah seperti mengoptimalkan kos, perbelanjaan operasi dan modal yang lebih berhemah, tadbir urus dan integriti serta pengurusan pengetahuan secara berkesan juga perlu dipertingkatkan. Pendekatan kepada perubahan yang positif dalam pengurusan modal insan juga kritikal bagi memastikan kesinambungan bisnes Johor Corporation. Semua ini boleh dilaksanakan tanpa mengeneplikan keperluan untuk merebut peluang yang muncul berikutkan senario *VUCA*. Johor Corporation perlu terus mempelbagaikan bisnes dengan meneroka dan memulakan lebih banyak bisnes berpotensi termasuk di luar sempadan Johor dan Malaysia.

Kesimpulannya, Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan perlu mensasarkan keseimbangan dengan meneruskan pendekatan bisnes dan pelaburan yang teguh di samping memperkuuhkan keupayaan pengurusan institusi secara strategik. Hanya dengan berbuat sedemikian, Kumpulan Johor Corporation berupaya mengharungi rintangan dan mengambil kesempatan terhadap peluang ekonomi dalaman dan juga global serta menyesuaikan diri dengan landskap ekonomi yang mencabar.

BISNES KULIM



Pada Tahun Kewangan Berakhir 2015 (TK2015), hasil perolehan Kumpulan Kulim (Kulim) meningkat 34.37% kepada RM1.47 bilion, manakala Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) meningkat 70.10%. Segmen Perladangan adalah penyumbang terbesar iaitu 52.89% (RM777.26 juta) daripada perolehan Kumpulan Kulim. Hasil perolehan Segmen Minyak dan Gas (O&G) turut meningkat lebih 220.29% kepada RM582.30 juta, terutamanya daripada E.A.Technique (M) Berhad (E.A.Tech) yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada 11 Disember 2014.



Setelah selesai penjualan keseluruhan pegangan dalam New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) pada 26 Februari 2015, dividen khas kira-kira RM500 juta dibayar kepada pemegang saham Kulim pada 23 Mac 2015.

Kulim mempunyai tiga teras bisnes utama merangkumi Perladangan (kelapa sawit), Intrapreneur Ventures serta O&G dan seterusnya memperkuatkan segmen Makanan Agro. Keseimbangan dan kepelbagaiannya aset menunjukkan Kulim mempunyai platform yang luas untuk meningkatkan keuntungan dan nilai jangka panjang yang diperlukan bagi menyokong pertumbuhan Kumpulan.

Sila layari
www.kulim.com.my
atau imbas Kod QR
di sebelah kiri untuk
maklumat lanjut
mengenai Kulim.



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2


SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

BISNES KULIM



70.10%

PENINGKATAN

Keuntungan Sebelum Cukai
(PBT)



52.89%

SUMBANGAN

PBT Daripada Segmen
Perludangan



220%

PENINGKATAN

Perolehan Segmen O&G

PERKEMBANGAN KORPORAT

Pada TK2015, tumpuan Kulim adalah lebih kepada menyempurnakan pelbagai langkah korporat yang diumumkan sebelum ini.

Pada 24 Ogos 2015, Kulim memeterai Perjanjian Jualan Saham dan Saham Langganan bagi cadangan pengambilalihan 51% ekuiti dalam Classruum Technologies Sdn Bhd (CRTSB) dengan jumlah pertimbangan belian RM1.6 juta. Penglibatan utama CRTSB adalah dalam bisnes Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terutama melalui program *Classruum.com* yang menggunakan konsep e-pembelajaran dan menggalakkan interaksi antara guru, pelajar dan pakar melalui platform media sosial.

Seterusnya, pada 5 Mac 2015, Asia Economic Development Fund Limited (AEDFL) 54.21% subsidiari milik Kulim, memeterai Perjanjian Jualan Saham (SSA) bagi cadangan pengambilalihan kira-kira 30% kepentingan ekuiti dalam Asia Logistics Council Sdn Bhd (ALC).

Langkah ini melibatkan cadangan langganan lima tahun saham perpendaharaan bukan kumulatif boleh ditebus terbitan AEDFL oleh Kulim sebanyak USD13.55 juta (kira-kira RM49.55 juta) nilai nominal. Cadangan bantuan kewangan maksimum pada jumlah agregat USD25.0 juta (kira-kira RM91.41 juta) akan disediakan oleh AEDFL untuk ALC. AEDFL dan ALC terlibat dalam pembangunan bisnes logistik serta penyelesaian global berdasarkan digital.

Sementara itu, terdapat dua perkembangan korporat berlaku pada Februari 2016. Pada 10 Februari 2016, PT Wisesa Inspirasi Nusantara (PT WIN), 74% subsidiari milik Kulim, memeterai empat Perjanjian Pembelian Saham Bersyarat (CSPA) bagi mengambil alih 95% pegangan ekuiti dalam empat syarikat perludangan kelapa sawit bersaiz sederhana iaitu:

- PT Nusa Persada Indonesia (PT NPI);
- PT Surya Panen Subur (PT SPS);
- PT Tempirai Palm Resources (PT TPR); and
- PT Rambang Agro Jaya (PT RAJ).

Pengambilalihan itu melibatkan jumlah pertimbangan tunai kira-kira IDR1.64 trilion (kira-kira RM509.35 juta). Pengambilalihan ini akan meningkatkan jumlah keluasan tanah perludangan Kulim di Indonesia daripada 40,645 hektar kepada 145,549 hektar.

Seperti dilaporkan pada 2014, anak syarikat milik penuh Kulim, Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd (KNSB) memeterai Perjanjian Langganan Bersyarat dan Pembelian Saham (CSSPA) bagi 60% kepentingan dalam PT Citra Sarana Energi (PT CSE). Seterusnya, dengan penurunan harga O&G, KNSB telah memeterai Perjanjian Tambahan (SA) pada 7 Februari 2016 dengan PT CSE dan pemegang saham sedia ada untuk mengubahsuai syarat CSSPA. Hasilnya, nilai pengambilalihan PT CSE oleh Kulim telah disemak semula kepada USD80 juta (kira-kira RM344.08 juta), 40% kurang daripada cadangan pelaburan asal iaitu USD133.55 juta (kira-kira RM462.68 juta).

CADANGAN PENSWASTAAN

Pada 5 November 2015, Ahli Lembaga Pengarah Kulim menerima Surat Tawaran daripada pemegang saham utama Kulim iaitu Johor Corporation untuk Kulim melaksanakan Cadangan Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Terpilih (SCR) melibatkan cadangan pembayaran balik modal secara tunai berjumlah RM4.10 nilai sesaham Kulim. Cadangan ini akan membawa kepada penswastaan Kulim dan penahsenaraian daripada Bursa Malaysia.

Selepas pelupusan NBPOL, keluasan ladang Kulim telah berkurang dengan ketara yang pastinya akan mengurangkan perolehan Kulim. Kumpulan Kulim telah mencubri bisnes O&G di Indonesia, namun disebabkan oleh penurunan harga minyak, ia mungkin mengambil masa lebih lama untuk segmen bisnes baharu ini muncul sebagai penyumbang utama kepada perolehan Kumpulan Kulim.

Setelah mengambil kira kepentingan pemegang saham, cadangan SCR ini dijangka memberi peluang yang baik untuk pemegang saham minoriti Kulim bagi merealisasikan pelaburan mereka pada harga premium yang menarik dan lebih tinggi daripada harga pasaran saham Kulim.

BISNES KULIM

Pada mesyuarat 17 November 2015, Ahli Lembaga Pengarah Kulim membincangkan kandungan surat daripada Johor Corporation dan memutuskan untuk membentangkan cadangan SCR kepada pemegang saham Kulim bagi mendapatkan kelulusan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang dijangka diadakan pada 3 Mei 2016. Sekiranya tiada halangan, cadangan SCR dijangka disempurnakan pada suku ketiga 2016.

ANUGERAH DAN PENGKIRAFAN

Laporan Tahunan Bersepadu Kulim 2014 dianugerahkan Sijil Merit bagi anugerah *National Annual Corporate Report Awards (NACRA)*. Laporan itu turut disenaraipendek untuk Laporan Kemampanan Terbaik dalam Laporan Tahunan oleh *ACCA Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2015*.

Laporan Kulim turut diberi pengiktirafan di peringkat Asia. Laporan Tahunan Bersepadu Kulim 2014 menjadi finalis untuk Laporan Bersepadu Terbaik Asia bagi *Asia Sustainability Reporting Awards (ASRA) 2015* manakala Laporan Carbon Footprint 2014 dianugerahkan sebagai Laporan Karbon Terbaik Asia.

SOROTAN SEGMENT

Perlادangan Di Malaysia

Pada 2015, operasi di Malaysia (Kulim dan Johor Corporation) mengeluarkan 1,029,724.96 tan buah tandan segar (BTS) iaitu kenaikan 6.24% berbanding 969,235.25 tan pada 2014. Sehubungan itu, Bahagian Perladangan mencatatkan peningkatan 1.22% dalam hasil sehektar iaitu 22.39 tan daripada 22.12 tan sehektar pada 2014. Pencapaian BTS Bahagian Perladangan adalah lebih tinggi berbanding hasil purata yang dicapai oleh industri sawit di Johor dan Semenanjung Malaysia masing-masing sebanyak 20 tan dan 18.77 tan sehektar.



Kulim terus membuat kemajuan dalam inisiatif penanaman semula untuk meningkatkan profil usia tanaman sawit. Penanaman semula pokok tua dengan klon berhasil tinggi dilaksanakan secara berperingkat iaitu 3% daripada jumlah kawasan yang ditanam setiap tahun. Hasilnya, profil umur tanaman sawit Kulim adalah yang terbaik pernah diperolehi. Pokok utama adalah di antara umur 9 hingga 18 tahun dan membentuk sejumlah 44% daripada jumlah kawasan yang ditanam. Selain itu, antara pencapaian terpenting Kulim ialah kecekapan dalam pengurusan kos iaitu pada RM252 setiap kos BTS per tan atau 6.3% lebih rendah daripada anggaran kos pada RM269 per tan. Ini hasil langkah peningkatan produktiviti dan pemuliharan BTS yang lebih baik.

Perlادangan Di Indonesia

Di Indonesia, dengan berpandukan Prosedur Penanaman Baru RSPO, Kumpulan Kulim sedang giat membangunkan 40,645 hektar ladang kelapa sawit baru di Muara Teweh, Kalimantan Tengah. Sehingga TK2015, sejumlah 307 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit. Selain itu, pada Februari 2016, Kulim menandatangi empat perjanjian untuk pembelian ladang tambahan di Indonesia. Dengan keluasan 104,904 hektar, yang mana 82,785 hektar telah memiliki HGU manakala 34,382 hektar telah ditanam, pengambilalihan baharu ini akan meningkatkan jumlah kawasan

bertanam Kumpulan Kulim kira-kira 73%. Jumlah keluasan kawasan matang ialah 11,953 hektar atau kira-kira 15% daripada jumlah keseluruhan kawasan bertanam.

Bahagian Intrapreneur Venture (IV)

Secara keseluruhan, syarikat di bawah Kumpulan IV menunjukkan pencapaian lebih baik walaupun dalam persekitaran pasaran yang agak mencabar. Extreme Edge Sdn Bhd terus mencatat perolehan dan keuntungan lebih tinggi. Kulim juga berbangga dengan pencapaian Microwell Bio Solutions Sdn Bhd yang merupakan syarikat baja pertama memperolehi pengiktirafan Sijil NanoVerified untuk pelbagai hos baja mesra alam berdasarkan bioteknologi.

Minyak dan Gas

TK2015 juga adalah tahun yang baik untuk E.A.Tech dan Danamin (M) Sdn Bhd (Danamin) dalam perkhidmatan sokongan O&G. Pada Februari 2015, E.A.Tech dianugerahkan kontrak bernilai USD191.8 juta oleh Hess Exploration & Production Malaysia B.V. bagi penyediaan Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan, Pemasangan dan Pentaulihan (EPCIC) daripada Pemunggahan Simpanan Terapung (FSO) untuk projek pembangunan Lapangan Penuh di utara Malay Basin. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2016 diikuti dengan jaminan selama dua tahun.

40,646

Hektar ladang
baharu dibangunkan
di Kalimantan

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

BISNES KULIM

Danamin pula terus mengukuhkan kedudukan dengan menyediakan perkhidmatan Ujian Tanpa Musnah, Jaminan Kualiti, Perkhidmatan Pengurusan Integriti dan Pemeriksaan untuk industri O&G di Malaysia.

Di Indonesia, Kulim terlibat dalam penerokaan dan pengeluaran O&G di bawah kontrak perkongsian pengeluaran untuk South West Bukit Barisan (SWBB) di pesisir Wilayah Sumatera Barat.

Apabila selesai pengambilalihan yang disasarkan pada 2016, SWBB akan mendapatkan Pelan Pembangunan dari Satuan Kerja Khusus Pelaksana Kegiatan Usaha Hulu Minyak dan Gas Bumi (SKK Migas) untuk kerja-kerja pengeluaran komersil. Bergantung kepada kebolehlaksanaan komersil, pengeluaran disasarkan bermula pada 2017.

Makanan Agro

Sementara itu, Kulim mengambil langkah mengukuh dan mengembangkan lagi bisnes makanan agro dengan memberi tumpuan kepada bisnes berskala besar dalam penternakan lembu dan tanaman nanas. Pada TK2015, Kulim mempunyai 7,452 lembu, peningkatan 8.49% berbanding 2014.

Kulim juga antara pengeluar buah nanas segar terbesar bagi pasaran tempatan dan eksport di Timur Tengah, Asia Timur dan Singapura. Kulim



merancang mengembangkan lagi tanaman nanas daripada 298 hektar kepada 1,000 hektar menjelang 2019. Selain buah segar, Kulim menghasilkan produk lain berdasarkan nanas seperti tart, jem, yogurt beku dan minuman di bawah jenama Melita.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Bagi bisnes perladangan Kulim, El Nino adalah fenomena paling buruk dalam tempoh dua dekad ini. Cuaca kering menghadkan bekalan MSM dan ini dijangka mengurangkan inventori minyak sawit. Indonesia juga menggalakkan penggunaan biodiesel melalui program B15 yang dilancarkan pada 2015 dan sejajar dengan kesan El Nino, ia mempunyai potensi untuk mendorong harga setinggi USD700 satu tan

pada 2016. (Sumber: "Palm Oil Facing Powerful Cocktail of El Nino: Fuel Demand, Crude Palm Oil Prices To Go Up Mid-2016").

Prestasi perladangan akan kekal dan bergantung kepada pergerakan harga produk minyak sawit. Ia juga akan terjejas disebabkan peningkatan kos termasuk buruh, baja, bahan api dan bahan kimia. Dengan harga minyak sawit mentah dijangka diniagakan antara RM2,000 hingga RM2,300 satu tan pada 2016, Kulim dijangka mampu mengulangi prestasi sama pada tahun akan datang.

Bisnes O&G Kulim turut berhadapan satu lagi tahun yang mencabar dengan kelemahan Ringgit berbanding Dollar Amerika serta penurunan harga minyak mentah yang berlanjutan. Harga minyak mencatatkan kerugian besar pada 2015, dengan penanda aras minyak mentah Brent Crude tutup pada 2015 dengan harga USD36.66 setong. Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) meramalkan harga minyak akan mengambil masa lima tahun untuk pulih kepada kira-kira USD80 setong. (Sumber: "Oil Prices Will Take 5 Years to Recover" – IEA, 10 November 2015).



1,000

Hektar ladang nanas
menjelang 2019

BISNES KESIHATAN PAKAR



KPJ Healthcare Berhad (KPJ) masih mengekalkan kedudukan sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan swasta terbesar di Malaysia dengan 25 hospital pakar di seluruh negara.



Tahun 2015 adalah mencabar bagi KPJ dengan berlatarbelakangkan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu. Situasi ini memberi impak kurang selesa kepada industri kesihatan swasta negara, terutama dari segi penurunan permintaan pasaran yang didorong pelbagai faktor.

Pada 2015, KPJ mencatatkan peningkatan pendapatan 7.9% iaitu daripada RM2.64 bilion pada 2014 kepada RM2.85 bilion. Bagaimanapun, tahap keuntungan sebelum pembayaran zakat dan cukai (PBZT) menurun 3.8 peratus daripada RM218.1 juta pada 2014, kepada RM209.6 juta pada 2015. Ini setelah mengambil kira kos Skim Opsyen Pemegangan Saham Para Pekerja (ESOS) yang mencapai RM46 juta.

Jumlah pesakit luar bagi tempoh sama turut menunjukkan penurunan 2.3 peratus daripada 2,533,882 orang pada 2014 kepada 2,476,297 orang. Sementara itu, jumlah pesakit yang dimasukkan ke wad pula meningkat daripada 280,648 orang kepada 280,736 orang iaitu perbezaan 0.03 peratus.

Meskipun menghadapi suasana pasaran agak kurang rancak buat masa ini, KPJ masih berwawasan jauh dalam meneruskan perkembangan dan pertumbuhan berterusan demi menjana pulangan jangka panjang. Seiring matlamat ini, KPJ dan semua hospital dalam Kumpulan memperkuuhkan lagi komitmen bagi memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan terutamanya pesakit.

Pengurusan telah menilai semula dan menyusun pelbagai langkah strategik termasuk terus merancang pembinaan dan pembukaan hospital baharu di samping meninjau peluang pengambilalihan yang wujud.

Pembukaan KPJ Pahang Specialist Hospital (KPJ Pahang) dan KPJ Perlis Specialist Hospital (KPJ Perlis) pula akan dilaksanakan pada 2016. Tujuh lagi projek pembinaan hospital baharu telah dimulakan mengikut perancangan. Perkembangan semua pembinaan ini dijangka mendorong peningkatan jumlah katil Kumpulan KPJ kepada hampir 5,000.

KPJ juga sedang merangka untuk memindahkan hospital yang telah mencapai kapasiti maksimum. Pada 2015, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, merasmikan Majlis Pecah Tanah

bangunan baharu KPJ Kuching Specialist Hospital yang menelan kos lebih RM130 juta dan bakal mempunyai 200 katil serta menawarkan pelbagai kemudahan moden kepada rakyat Bumi Kenyalang dan pelancong kesihatan.

KPJ turut merancang projek Hospital Pakar KPJ Nilai yang lengkap sebagai ‘Teaching Hospital’ yang sinergi dengan KPJ Healthcare Universiti College (KPJUC) di Nilai, Negeri Sembilan. Projek menelan belanja RM87 juta itu berkapasiti 250 katil dan dijangka dibuka pada suku akhir 2018. Ketika ini, KPJUC menawarkan pelbagai program yang diakreditasi termasuk satu program PhD, 10 program Sarjana serta masing-masing enam bagi program sarjana muda dan diploma.

Di samping itu, KPJUC dengan kerjasama dan kolaborasi KPJ menawarkan bantuan biasiswa bagi menarik lebih ramai pelajar memilih bidang kesihatan sebagai kerjaya. Dengan slogan - “Setiap keluarga perlukan seorang pakar dalam bidang kesihatan” - KPJUC menekankan keunikan betapa pentingnya ilmu dalam bidang kesihatan kepada setiap keluarga dan masyarakat.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

BISNES KESIHATAN PAKAR

Selain itu, KPJ melancarkan KPJ Tawakkal Health Centre (THC), sebuah pusat ambulatori yang menawarkan pelbagai rawatan pesakit luar iaitu pusat penjagaan warga emas, pusat pakar pergigian, pusat pakar mata dan pusat pakar rehabilitasi. Pelancaran pusat kesihatan ini telah melonjakkan lagi nama KPJ sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan yang komprehensif.

Pada Oktober 2015, KPJ menyambut Hari Penglihatan Sedunia dengan program khas membantu pesakit katarak warga emas yang berpendapatan rendah. Program ini juga menjadi titik tolak Kempen Kesedaran Penjagaan Penglihatan dan Pemulihan Dari Katarak KPJ, yang berlangsung sebulan mulai Oktober sehingga November 2015 di THC.

KPJ turut membawa masuk pelbagai teknik perubatan moden ke Malaysia seperti kaedah AMIS (*Anterior Minimally Invasive Surgery*) bagi pembedahan ortopedik di KPJ Tawakkal Specialist Hospital (KPJ Tawakkal). Di samping itu, KPJ menawarkan kemudahan mesin pengimbas PET / CT-Scan berteknologi tinggi di Pusat Pengimejan Molekular THC.

KPJ juga memperkenalkan sistem berlandaskan teknologi maklumat terutama dalam sistem KCIS (*KPJ Clinical Information System*) yang mula digunakan konsultan perubatan KPJ bagi menggantikan sistem manual untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan operasi hospital. Bagi mengoptimalkan pengendalian pesakit, KPJ akan menambah bilangan hospital yang menggunakan KCIS melalui *Cloud*. KPJ memperkenalkan *Cloud* kepada tujuh hospitalnya pada 2013 dan kini jumlahnya bertambah kepada 19 hospital. *Cloud* memacu teknologi ke peringkat yang tinggi pada masa depan di mana penggunaan komputer secara mudahalih akan meningkatkan kecekapan pakar hospital dari segi lawatan dan penjagaan berkualiti tinggi kepada pesakit. KCIS seterusnya, diubahsuai kepada produk generasi kedua yang fokus kepada bidang kepakaran dalam masa 10 tahun untuk membawa manfaat berlainan kepada setiap hospital.

KPJ turut proaktif membangun dan melatih bakat 12,322 anggota pekerjaan bagi memastikan mereka mencapai prestasi cemerlang secara konsisten. Usaha ini membawa hasil pada 2015 apabila KPJ dinobatkan sebagai Pemenang Utama bagi kategori Majikan Pilihan di bawah *Malaysia HR Awards*, mengatasi 100 calon lain. KPJ turut diiktiraf sebagai finalis bagi *Life at Work Award 2015* anjuran TalentCorp.

Pencapaian hospital KPJ turut diraih di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara kejayaan tertinggi ialah KPJ Ipoh diberi Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI). Selain kejayaan di tanah air, KPJ Ipoh dinobatkan pula sebagai penerima anugerah *Global Performance Excellence Award (Best in Class)* pada majlis di Shanghai, China. KPJ turut diiktiraf oleh Frost & Sullivan sebagai ‘Penyedia Perkhidmatan Kesihatan Terbaik’ iaitu sebagai sebahagian daripada Anugerah Kecemerlangan Malaysia Frost & Sullivan 2015.

Pengiktirafan di peringkat antarabangsa adalah satu sumber motivasi yang besar bagi KPJ. Kumpulan sentiasa giat meletakkan namanya di arena global. Setelah

mengukuhkan namanya di arena antarabangsa dengan dua hospital di Indonesia, sebuah di Thailand dan sebuah lagi di Bangladesh, KPJ turut menjadi penyedia perkhidmatan pelancongan kesihatan kepada pelancong dari rantau Asia Tenggara, Timur Tengah, Afrika, Australasia, benua Eropah dan negara bekas Kesatuan Soviet.

Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) adalah satu inisiatif KPJ dalam melunaskan tanggungjawab korporat dengan menyediakan pemeriksaan dan rawatan kesihatan kepada masyarakat kurang berkemampuan. Sejak ditubuhkan sehingga Disember 2015, rangkaian klinik itu telah merawat 1,138,146 pesakit termasuk 8% atau 87,874 pesakit bukan Muslim melalui 22 klinik di seluruh Malaysia dan sebuah Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang. *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* turut memberi status akreditasi kepada beberapa klinik KWAN bagi mengiktiraf usaha KWAN memberi perkhidmatan berkualiti secara konsisten sambil mengekalkan nilai teras KPJ iaitu keselamatan, budi bahasa, integriti dan profesional serta melakukan penambahbaikan berterusan.



BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN



Jumlah perolehan 2015 meningkat kepada RM4.06 bilion, melonjak 3.8% berbanding RM3.91 billion pada 2014. Pada 2015, perolehan semua restoran dalam Kumpulan meningkat 6.1% kepada RM3.43 bilion. Perolehan (termasuk jualan antara syarikat) dalam Segmen Ayam Bersepadu Kumpulan menurun kepada RM1.54 billion, merosot 3.6% berbanding 2014.



MAKANAN DAN RESTORAN

Setakat 31 Disember 2015, jumlah keseluruhan cawangan yang beroperasi di bawah segmen Makanan dan Restoran mencapai pertumbuhan pesat di mana cawangan jenama Pizza Hut dan KFC meningkat 2% kepada 1,197 unit berbanding 1,173 pada 2014.

Cawangan Pizza Hut dan Pizza Hut Delivery meningkat 7.7% kepada 449 unit. Cawangan KFC dikurangkan 1.1% kepada 748 unit berikutan penutupan KFC di India pada Disember 2015. Syarikat kini beroperasi di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja.



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3


SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

PRESTASI KFC



Walaupun terdapat perolehan lebih tinggi di Bahagian Makanan dan Restoran iaitu 6.1% kepada RM3.43 bilion pada 2015, keuntungan sebelum cukai agregat merosot 9.6% kepada RM167.7 juta berbanding RM185.6 juta tahun sebelumnya disebabkan penalti yang dikenakan oleh Yum! Brands, Inc. (Yum!), sewa I-Reit serta pelunasan yuran pendahuluan diimbangi oleh keuntungan daripada pelupusan harta tanah kepada I-Reit. Tidak termasuk KFC India, perolehan meningkat sebanyak 6.5% kepada RM3.39 bilion manakala keuntungan sebelum cukai berkurangan 11.1% kepada RM206.2 juta pada 2015.

KFC

KFC Malaysia

Pada 2015, perolehan KFC Malaysia meningkat kepada RM2.11 bilion iaitu 7.2% kenaikan berbanding RM1.97 bilion yang dicatatkan tahun sebelumnya. Demi merealisasikan komitmen untuk menyediakan suasana dalaman restoran lebih segar dan memikat pelanggan, Kumpulan telah mengubahsuai 88 cawangan restoran sepanjang tahun. Sebanyak 38 cawangan baharu KFC dibuka dan lapan lagi ditutup manakala restoran yang menyediakan perkhidmatan pandu lalu ditambah.



Untuk 2015, KFC Malaysia melakar pencapaian hebat apabila:

- Dianugerahkan *The People's Choice Award – Gold* bagi Kategori Restoran dan Makanan Segera pada Majlis Gala Putra Brands Awards 2015.
- Menerima anugerah *Brand Excellence in Quick Service Restaurant – Fried Chicken* pada acara *The Brand Laureate Special Edition World Awards Gala* pada 11 Ogos 2015.
- Memenangi lima anugerah di *Yum! Brands, Inc. (Yum!) Regional Champs Challenge (RCC) 2015* di Manila, Filipina. Pasukan ini memenangi anugerah *CHAMPS Cheer Terbaik*, *Pengurus Terbaik*, *Juruwang Terbaik* dan *Base Supply Terbaik*.



BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN



Pada April 2015, KFC Delivery Malaysia turut memperkenalkan inisiatif berikut:

- Membina portal penghantaran online: www.kfcdelivery.com.my dalam usaha menyediakan platform lebih mudah serta pantas bagi pelanggan menikmati KFC di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.
- Menggunakan skuter elektrik mesra alam sebagai kendaraan penghantaran di samping mengurangkan jejak karbon.
- Melancarkan restoran mesra alam pertama di Malaysia di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Restoran 24 jam itu adalah restoran hijau yang diperakui dan yang pertama di Malaysia serta diiktiraf dengan tiga Sijil Hijau: Gold – Green Building Index Sdn Bhd (Malaysia), Platinum - BCA Green Mark (Singapura) dan Gold - LEED (AS).

Dengan memiliki 636 restoran – 527 di Semenanjung manakala 109 di Sabah dan Sarawak – Kumpulan sekali lagi mengekalkan penguasaan pasarnya, dan KFC kekal sebagai rangkaian restoran terbesar di Malaysia. Ini diperkuuhkan lagi apabila 37 restoran baharu sedia beroperasi pada 2016.



KFC Singapura

Pada 2015, KFC Singapura meneruskan usaha melakukan pelbagai inovasi bagi menceriakan pelanggan di republik itu. *Curry Rice Bucket* dan *Red Hot Chicken* adalah dua inovasi yang berjaya menambat hati pelanggan yang gemar makanan pedas manakala Kepak Ayam Bersos dan *Wraps* jenis mudah dimakan (*Banditos*) menarik selera pelanggan muda.

Caesar Roast Burger dan *Salad Ayam Panggang* turut dimasukkan ke dalam menu pada suku tahun ketiga untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada pelanggan. Sebagai sebahagian daripada strategi pembelian nilai, *Everyday \$5 Meal* diperkenalkan bagi meletakkan KFC sebagai pilihan yang berpatutan dengan menampilkan *SoGood \$5 Meal*, *Cheesy Crunch Fill Up Box* dan sistem berkupon yang dilaksanakan sebagai taktik penjualan yang lebih bernilai. Tahun 2015 berakhir dengan 83 cawangan yang melibatkan pembukaan enam cawangan baharu, empat pemindahan serta lapan lagi ditutup. Jualan meningkat 1% berbanding 2014 pada SGD173.6 juta iaitu peningkatan SGD1.7 juta.

KFC Brunei

Pada 2015, KFC Brunei tidak membuka cawangan baharu dan bilangannya kekal dengan 16 restoran. Bagaimanapun, sebuah premis dipindahkan dari SPARK ke Tutong DT. Jumlah keuntungan jualan merosot 2.6% kepada BND11.6 juta iaitu penurunan BND0.3 juta.

KFC Kemboja

KFC Kemboja mencatat jualan RM17.7 juta pada 2015 iaitu peningkatan 26% berbanding 2014. Pengurangan harga makanan dan pengurusan pembaziran bahan membantu margin kasar meningkat 3.3% daripada 54.8% kepada 58.1%. Peningkatan itu dijana daripada prestasi tahun bukan penuh serta pembukaan KFC di Sihanoukville yang menyumbang kepada keuntungan bersih sebanyak 19.8% pada bulan pertama operasi. KFC Kemboja mengakhiri 2015 dengan memiliki 13 restoran.

PIZZA HUT MALAYSIA

Perolehan Jualan
RM479.3 juta
Jumlah Restoran
378



PIZZA HUT

Pizza Hut Malaysia

Pizza Hut Malaysia mencatatkan penurunan perolehan jualan 1.1% kepada RM479.3 juta pada 2015 berbanding RM484.4 juta tahun sebelumnya. Bagaimanapun, Pizza Hut menunjukkan potensi memperoleh keuntungan lebih besar melalui pelbagai promosi menarik yang dirancang pada 2016.

Pada 2015, Pizza Hut melancarkan lapan promosi utama dengan produk berkaitan musim perayaan. Pada Ogos, Pizza Hut Malaysia, dengan komitmen untuk terus menjadi restoran piza pilihan utama, berjanji menghidangkan Piza Pan yang telah dipertingkatkan – disediakan secara segar menggunakan ramuan dan bahan terbaik serta berkualiti tinggi bagi menghasilkan piza yang enak dan lazat.

Pizza Hut Malaysia juga menerima anugerah Kecemerlangan Pembangunan dari Yum! Brands, Inc. kerana agresif memperluaskan pertumbuhan Pizza Hut bagi segmen penghantaran dengan membina 30 unit pada 2014. Pizza Hut terus memacu penembusan pasaran dan akses mereka kepada pelanggan dengan memastikan ia kekal sebagai jenama pilihan untuk penghantaran piza.

Pizza Hut Malaysia mengakhiri 2015 dengan 378 restoran. Sebanyak 31 restoran dibuka, sementara lapan ditutup manakala 46 menjalani proses peningkatan imej. Daripada 31 restoran yang dibuka pada 2015, sebanyak 17 cawangan menawarkan khidmat penghantaran. Bagi 2016, Pizza Hut merancang membuka 23 restoran lagi termasuk lapan yang menawarkan khidmat makan di restoran dan 15 outlet Pizza Hut Express bagi menambahkan bilangan outlet sedia ada.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

PIZZA HUT SINGAPURA

Perolehan Jualan
SGD93.9 juta
Jumlah Restoran
71



Pizza Hut Singapura

Pada 2015, Pizza Hut menghasilkan pelbagai inovasi untuk pizanya dengan melancarkan *Cheesy Blossom* untuk perayaan Tahun Baru Cina, *Laksa Super Pan* bagi menyambut Hari Kebangsaan Singapura ke-50, dan *The Star Pizza* sempena Krismas. Pizza Hut Singapura turut:

- Mempertingkatkan menu untuk khidmat makan di restoran dan hidangan set.
- Melakukan pelbagai pengubahsuaian dan menaiktaraf hiasan dalaman restoran.
- Memperkenalkan sistem pesanan melalui tablet untuk memberikan pelanggan khidmat yang lebih pantas.
- Bagi segmen penghantaran, *Triple Treat Box* diperkenalkan pada suku tahun ke-4 sebagai penambahan bagi pilihan jenis box.
- Menyediakan lebih banyak pusat penghantaran dan mempertingkatkan pengambilan penunggang penghantaran.
- Meningkatkan kebolehcapaian dengan memperluaskan Pizza Hut Express untuk disasarkan kepada pelanggan *on-the-go*.
- Melancarkan menu sarapan baharu untuk menarik lebih ramai pelanggan dari golongan profesional dan bekerja di kawasan Pusat Perniagaan.

Perolehan jualan meningkat 1.7% berbanding 2014 pada SGD93.9 juta, peningkatan SGD1.5 juta. Pizza Hut Singapura mengakhiri 2015 dengan 71 cawangan iaitu 10 restoran baharu, satu ditempatkan semula dan dua ditutup.

OPERASI AYAM BERSEPADU DAN SOKONGAN

Segmen Operasi Ayam Bersepadu & Sokongan mengalami jualan yang sama dengan pencapaian 2014. Kutipan keuntungan termasuk jualan antara syarikat menurun 3.6% pada 2014 kepada RM1.54 bilion. Keuntungan jualan kilang pemprosesan Ayamas Food Corporation Sdn Bhd (AFCSB) pula mengalami sedikit penyusutan 1.9% berbanding 2014.

QSR Trading Sdn Bhd

QSR Trading Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai KFC Marketing Sdn Bhd) walaupun dengan penguncutan permintaan dalam pasaran tempatan, berjaya mengelakkan perkongsian pasarnya yang dicatat berjumlah RM336 juta pada akhir 2015. Malah, QSR Trading berjaya memperbaiki EBITDA yang diperuntukkan sebanyak 19% dan 28% berbanding tahun sebelumnya.

Jenama yang bernaung di bawah QSR Trading termasuk Ayamas dan Life. Ia juga dilantik sebagai pengedar jenama antarabangsa seperti Divella, Kewpie, Lactims dan Belle. Pada 2015, QSR Trading terlibat secara aktif dengan pembangunan jenama baharu bagi mempelbagaikan barisan keluaran makanan halalnya. Untuk ini, jenama Fatboi dan sebagainya telah dicipta untuk digunakan sebagai jenama utama bagi produk di bawah perancangan pada masa akan datang.

Bahagian Kilang Makanan Ternakan

Pendapatan Bahagian Kilang Makanan Ternakan pada 2015 ialah RM225 juta, kenaikan 2.7% daripada tahun sebelumnya iaitu RM219 juta. Jumlah pengeluaran makanan ternakan kekal seperti 2014 pada 134,000 tan metrik.

Ladang Pengeluaran Baka & Pusat Penetasan Ayam

Di bawah komponen Ladang Pengeluaran Baka & Pusat Penetasan Ayam Kumpulan, ladang penternakan menghasilkan telur yang dihantar ke pusat penetasan untuk dijadikan ‘ayam umur sehari’ (*Day-Old-Chicks/DOC*). Pada 2015, bahagian penetasan menghasilkan 50 juta DOC berbanding 51 juta pada 2014 – menyusut 2.7% dalam output DOC.

PRESTASI PEROLEHAN JUALAN 2015



QSR Trading Sdn Bhd
RM336 juta



Bahagian Kilang Makanan Ternakan
RM225 juta



Pengilangan Sos
RM127.5 juta

OPERASI SOKONGAN

Pengilangan Sos

Region Food Industries Sdn Bhd (RFI), pembekal sos kepada Kumpulan dan juga pasaran luar melalui jenama Life, melaporkan pertumbuhan perolehan jualan 5% daripada RM122 juta kepada RM127.5 juta pada 2015. Daripada RM110.98 juta, jualan dalaman menyumbang kepada 87% daripada hasil keuntungan. Sebanyak 48% daripada jumlah jualan dalaman adalah melalui pengedar tempatan RFI, QSR Trading Sdn Bhd kepada pasar raya besar tempatan, pemborong dan peruncit seperti Tesco dan Giant. Sementara itu, jualan domestik luar berjumlah RM0.63 juta dan jualan eksport RM15.93 juta masing-masing menyumbang 0.5% dan 12.5% kepada pendapatan.

Bakeri & Komisari

Bagi 2015, Bahagian Bakeri mencatat perolehan jualan RM40.5 juta atau -6.85% penurunan untuk KFC. Bahagian Komisari mencatat perolehan jualan RM12.2 juta (*net of intraco*).

DIVISYEN HARTANAH



PEMBANGUNAN BERCAMPUR

Bahagian Pembangunan Hartanah Johor Corporation diterajui Johor Land Berhad (JLand) khususnya dalam pembinaan kediaman berkualiti dalam perbandaran berinovatif di Johor sejak lebih empat dekad lalu. Kejayaan JLand membangun dan mengekalkan rekod pencapaian yang kukuh serta cemerlang terutama dalam membina komuniti, terbukti dengan pembangunan kediaman perjiranan di Perbandaran Pasir Gudang dan terkini di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.



SEKSYEN 1



SEKSYEN 2



SEKSYEN 3



SEKSYEN 4

JOHOR LAND BERHAD

Dengan memiliki simpanan tanah 1,214 hektar di lokasi strategik iaitu di tengah-tengah Iskandar Malaysia telah memberi kelebihan kepada JLand menjadi peneraju terunggul bisnes harta tanah di Johor. Tanah pembangunan ini mempunyai potensi besar apabila siap dibangunkan dalam tempoh 10-15 tahun akan datang. Iskandar Malaysia sedang pesat membangun dengan adanya hab mega serta pusat pembangunan industri perkhidmatan termasuk sektor perubatan, kewangan dan rekreasi. Ini menjadikan Johor Bahru sebuah metropolis bertaraf dunia sekaligus merangsang pasaran harta tanah di Johor terutama permintaan untuk harta tanah kediaman.

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

DIVISYEN HARTANAH

PRESTASI JLAND 2015



PRESTASI KEWANGAN

Prestasi JLAnd bagi 2015 amat memberangsangkan berbanding 2014 apabila mencatat peningkatan perolehan berjumlah RM505 juta berbanding RM413 juta tahun sebelumnya. JLAnd mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM163 juta berbanding RM117 juta pada 2014. Prestasi JLAnd dijangka bertambah baik pada 2016 apabila mengambil kira projek yang akan disiapkan dan projek baharu yang akan dilancarkan walaupun keadaan pasaran hartaan dijangka lebih mencabar pada masa akan datang. Kualiti lembaran imbalan JLAnd pada asasnya kekal teguh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM1.145 bilion pada 2015 berbanding RM1.015 bilion tahun sebelumnya.

TINJAUAN OPERASI

Bandar Dato' Onn

JLand kini berkembang menjadi peneraju terunggul bisnes hartaan di Johor. Kelebihan JLAnd dalam strateginya ialah menawarkan produk yang inovatif dan Bandar Dato' Onn adalah antara projek seumpamanya yang ditawarkan. Merangkumi 612.69 hektar tanah pegangan bebas, ia boleh dihubungi dengan mudah melalui persimpangan bertingkat dari Lebuhraya Utara-Selatan dan hanya 12 kilometer dari Pusat Bandaraya Johor Bahru. Ia dirancang sebagai sebuah bandar serba lengkap dan menjadi tumpuan bagi lebih 90,000 penduduk yang menjadikannya kediaman pilihan. Perbandaran ini dijadualkan siap dalam tempoh 10-15 tahun serta menyediakan lebih kurang 17,200 unit hartaan kediaman dan komersil dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM8 bilion.

Kecemerlangan rekabentuk, perancangan dan pembangunan Bandar Dato' Onn terus mendapat pengiktirafan menerusi Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Kejurranan Hijau Melalui Pemakaian *Green Building Index* (GBI) kepada JLAnd pada Januari 2016 sempena Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2016-2020 & Majlis Apresiasi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Pada Mei 2015, JLAnd melancarkan projek 359 unit rumah kediaman teres 2 tingkat di Perjiranan 15 dengan GDV RM215.6 juta. JLAnd turut melancarkan 15 unit kedai pejabat 3 tingkat di Perjiranan 15, Bandar Dato' Onn dengan GDV RM20.6 juta. Setakat ini, JLAnd telah menyiapkan 2,040 unit rumah dan komersil manakala 475 unit dijangka siap pada 2016.

Kemudahan di Bandar Dato' Onn yang strategik ini turut dilengkapi Fairview International School yang beroperasi di premis baharu lebih besar pada pertengahan 2015. Pusat beli-belah AEON pula pesat pembinaannya dan dijangka siap pertengahan 2017. Dengan kemudahan ini, ia terus mengukuhkan minat pembeli terhadap Bandar Dato' Onn.

BANDAR DATO' ONN



Bandar Tiram

Pembangunan Bandar Tiram di tapak 485.62 hektar (Bandar Tiram Fasa 1-5) merangkumi lebih 11,000 unit kediaman dan komersil ini adalah satu lagi mercu tanda hartaan JLAnd yang pesat dibangunkan dan terancang. Keseluruhan projek itu mempunyai GDV RM5 bilion.

Fasa pertama Bandar Tiram merangkumi pembangunan bercampur melibatkan 1,574 unit kediaman dan komersil dengan GDV RM440 juta. Keseluruhan Bandar Tiram dijangka siap menjelang 2030 dan bakal mengubah Ulu Tiram menjadi perbandaran baharu moden.

Pada 2015, sebanyak 233 unit rumah kediaman telah siap dan diserahkan kepada pembeli. Sehingga 2015, sejumlah 535 unit kediaman dan komersil di Bandar Tiram 1 dilancarkan dengan GDV RM245 juta. Persimpangan bertingkat Bandar Tiram juga disiapkan pada 2015 dan memudahkan akses penduduk untuk terus ke Bandaraya Johor Bahru atau Kota Tinggi serta pelbagai destinasi lain melalui Lebuhraya Senai-Desaru.

Taman Bukit Dahlia

Dibangunkan di atas tapak seluas 168.75 hektar di Pasir Gudang - satu daripada koridor pertumbuhan Johor. Pembangunan bercampur itu akan menempatkan lebih 3,800 unit rumah teres dan berkembar, banglo serta kompleks komersil. Projek ini dijangka menjana GDV RM990 juta. Pada 2015, sebanyak 146 unit

DIVISYEN HARTANAH

rumah teres disiapkan dan 112 unit diserahkan kepada pembeli, 48 unit rumah berkembar di Taman Bukit Dahlia dan 63 unit rumah teres di Laman Kiara, Taman Air Biru telah siap dan diserahkan kepada pembeli. GDV projek ini RM77 juta.

Taman Damansara Aliff

Taman Damansara Aliff dibangunkan di tapak 90.31 hektar merangkumi lot komersil, kedai pejabat, apartmen dan unit kediaman yang tersusun dan inovatif. Kedudukannya sangat strategik termasuk boleh dihubungi terus melalui Lebuhraya Perling-Pasir Gudang dan Jalan Tampoi. Melalui kerjasama strategik dengan Damansara Realty Berhad (DBhd), JLand telah menyiapkan 121 unit rumah teres dua tingkat dan juga sedang membina 42 unit kedai pejabat yang dijangka siap April 2016.

The Twin Residences

Ini adalah apartmen berkembar pertama dibina JLand dan terletak bersebelahan Lebuhraya Perling-Pasir Gudang di Tampoi. Projek ini melibatkan 320 unit apartmen 14 tingkat dan menjana GDV RM126.3 juta.

PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

Pembangunan Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik Johor (RMMJ)

Meskipun fokus utama adalah pembinaan projek harta tanah berimpak tinggi, JLand sebagai agen pembangunan negeri berpengalaman dalam Kumpulan Johor Corporation terus komited bagi merealisasikan aspirasi kerajaan negeri menyediakan rumah untuk rakyat berpendapatan rendah di bandar maupun di luar bandar melalui Dasar Perumahan Rakyat Johor. Memorandum Perjanjian (MoA) Pembangunan Perumahan Kos Rendah dan Mampu Milik antara Johor Corporation dengan Kerajaan Negeri Johor pada September 2013 membuktikan kesediaan JLand membantu kerajaan negeri bagi membina 8,000 unit rumah kos rendah dan RMMJ di tapak seluas 68.79 hektar. Pembangunan secara berperingkat di Bandar Dato' Onn, Ulu Tiram, Larkin, Kempas dan Majidee itu dijadualkan siap sepenuhnya pada 2020.

Menjelang 2018, JLand akan siap membangunkan 3,634 unit rumah kos rendah dan mampu milik secara berperingkat. Projek pertamanya di Taman Seroja, Tampoi melibatkan 304 unit rumah kos rendah



merangkumi enam blok rumah pangsa. Projek ini siap dibina pada awal 2015 di tapak 3 hektar dengan kos pembangunan RM34 juta. Setiap blok rumah pangsa ini juga diberi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan pada April 2015. Pada 9 Mei 2015, YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kos Rendah dan Sederhana Rendah Taman Seroja kepada 304 pemiliknya.

JLand juga akan mulakan pembinaan 400 unit RMMJ di Bandar Baru Majidee dan 500 unit PKJ A di Bandar Dato Onn pada Julai 2016. Projek perumahan rakyat lain yang akan dilancarkan antaranya di Bandar Tiram Fasa 3 (450 unit), Kempas (360 unit) dan Larkin (364 unit) yang turut mempunyai kemudahan asas seperti tadika, surau, dewan serbaguna, gerai, tempat letak kereta, pejabat pengurusan, taman permainan dan kawasan lapang.

JLand juga akan menyiapkan 1,016 unit rumah jenis PKJ B di Bandar Dato' Onn penghujung 2016. Pembangunan yang menggunakan *Industrialised Building System (IBS)* ini mencapai 70% siap. Pada masa sama, 630 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah sedang dibina di Bandar Tiram dan dijangka siap hujung 2016.



2,074
Unit rumah rakyat
akan dibina

DIVISYEN HARTANAH

DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) adalah anak syarikat milik penuh Johor Corporation yang fokus kepada pengurusan harta tanah komersil khususnya kompleks beli-belah dan bangunan pejabat. Setakat ini, Kumpulan DASB menguruskan 250,000 meter persegi ruang boleh disewa di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Melalui anak syarikatnya iaitu Synergy Mall Management Sdn Bhd, DASB menguruskan empat harta tanah komersil dalam Al-Salām REIT yang tersenarai di Bursa Malaysia meliputi KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, Pasaraya Komuniti @mart Kempas dan Bangunan KFCH College di Bandar Dato' Onn.

DASB turut menguruskan harta tanah komersil miliknya sendiri seperti Galleria@Kotaraya dan Pusat Perniagaan Taman Dahlia. Syarikat ini juga menguruskan harta tanah komersil milik Kumpulan Johor Corporation iaitu Larkin Sentral milik Larkin Sentral Properties Sdn Bhd, Menara VSQ (Bukit Damansara Development Sdn Bhd), Menara JCorp (Johor Land Berhad), Menara 238 (KPJ Healthcare Berhad), Menara Ansar (Kulim (Malaysia) Berhad) serta menguruskan Jeti Tanjung Leman dan Tunjuk Laut Beach Resort (Johor Corporation).

Ulang Tahun Pertama KOMTAR JBCC

KOMTAR JBCC yang beroperasi pada 18 Julai 2014 telah mengadakan sambutan ulang tahun pertama pada 1 Ogos 2015 yang disempurnakan Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim. Sambutan itu diserikan dengan pertunjukan fesyen dan majlis perasmian pembukaan Metrojaya sebagai penyewa utama. Pembukaan Metrojaya telah meningkatkan kadar kependudukan KOMTAR JBCC kepada 90%. Sebanyak 114 penyewa bernaiga di KOMTAR JBCC sehingga akhir 2015.

Perjanjian Dana Mudahcara

Pembangunan KOMTAR JBCC akan dilengkapi infrastruktur seperti *link-bridge* KOMTAR-Persada Johor selain *link-bridge* KOMTAR-City Square, *spiral ramp* dan *LED public panel* yang dibayai oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Pada 9 Februari 2015, Majlis Menandatangani Perjanjian Dana Mudahcara Di Antara UKAS, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) & DASB diadakan di Blok Menara Usahawan, Putrajaya. Perjanjian ini bertujuan membiayai projek pembangunan insfrastruktur bagi kemudahan awam yang berjumlah RM55 juta.

Pelancaran Al-Salām REIT

Al-Salām REIT diuruskan anak syarikat milik penuh DASB iaitu Damansara REIT Managers Sdn Berhad yang mendapat kelulusan penubuhan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 18 Februari 2015. Pada 30 Mac 2015, dana amanah ini berjaya ditubuhkan dengan pendaftaran Surat Ikatan Amanah yang diserahkan kepada SC.

Pada 8 April 2015, Majlis Menandatangani Perjanjian Penubuhan Al-Salām REIT telah diadakan di Putrajaya dan kemudian pada 4 September 2015, Majlis Pelancaran Prospektus IPO Al-Salām REIT diadakan di Kuala Lumpur.

Al-Salām REIT menawarkan penjualan saham berjumlah RM252.36 juta menerusi tawaran awam permulaan (IPO) yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada 29 September 2015. Hartanah komersil yang terlibat termasuk KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, @mart Kempas dan Bangunan KFCH College.

Naiktaraf Larkin Sentral

Bagi meningkatkan keselesaan orang ramai di Larkin Sentral di samping memastikan premis itu sentiasa berada di tahap kompetitif, kerja naiktaraf dilaksanakan pada 2015 melibatkan kerja menaiktaraf fasa kedua lot bazar perniagaan (*Wing B*) di Bangunan Pasar. Fasa kedua naik taraf bazar yang menyediakan 88 lot perniagaan itu bermula pada Ogos 2015 dan siap sepenuhnya Disember 2015 dengan kos RM2.3 juta.

Penyerahan Pengurusan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

DASB menyerahkan semula pengurusan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang yang diuruskan lebih 30 tahun kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang berikutnya tamatnya tempoh perjanjian pengurusan pada 31 Disember 2015. Majlis rasmi penyerahan tersebut telah diadakan pada 11 Februari 2016 di Pasir Gudang.

Pembelian Ruang di Medical Suites

DASB melalui anak syarikat milik penuhnya, Bukit Damansara Development Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Coronade Properties Sdn Bhd pada 19 November 2015 untuk pembelian ruang seluas 11,613 meter persegi di Bangunan Medical Suites, Tower 2 Coronation Square berharga RM90 juta.

Pencapaian Kewangan Syarikat 2015

Kumpulan DASB mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 142% daripada RM36.5 juta pada 2014 kepada RM86.8 juta pada 2015. Ia disumbang sebahagian besarnya oleh DASB melalui hasil sewa ruang niaga dan pejabat. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai Kumpulan DASB merosot 26% daripada RM104.7 juta pada 2014 kepada RM75.3 juta pada 2015 disebabkan pengurangan dalam nilai harta tanah sebanyak 50% dan lain-lain pendapatan sebanyak 17%.

Di peringkat syarikat, DASB mencatatkan peningkatan pendapatan 27% daripada RM29.9 juta pada 2014 kepada RM60.8 juta pada 2015. Keuntungan sebelum cukai DASB turut berkurangan 69% daripada RM98.7 juta kepada RM30.8 juta disebabkan pengurangan nilai harta tanah sebanyak 67% dan 16% bagi lain-lain pendapatan.



DIVISYEN HARTANAH

AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

PENGENALAN

Al-'Aqar Healthcare REIT disenaraikan di Bursa Malaysia pada 10 Ogos 2006. Al-'Aqar Healthcare REIT melakar sejarah tersendiri apabila disenaraikan sebagai REIT Islam pertama di dunia, REIT Kesihatan Islam pertama di Asia dan menjadi penanda aras pembangunan REIT Islam di Malaysia malah rantaui ini. Sehingga 31 Disember 2015, saiz aset Al-'Aqar Healthcare REIT mencecah RM1.56 bilion dengan modal pasaran bernilai RM1.02 bilion.

Al-'Aqar Healthcare REIT disokong KPJ Healthcare Berhad – syarikat pembekal penjagaan kesihatan pakar terkemuka di Malaysia dan tersenarai antara 100 syarikat awam terbesar di Bursa Malaysia. REIT ini diuruskan Damansara REIT Managers Sdn Berhad (DRMSB atau Pengurus), anak syarikat milik penuh Johor Corporation dengan portfolio awal enam aset dan berkembang kepada 23 aset iaitu 19 hospital dan empat hartaanah berkaitan penjagaan kesihatan di Malaysia dan Australia.



Objektif pelaburan utama Al-'Aqar Healthcare REIT ialah menyediakan pemegang unit dengan pengagihan stabil setiap unit yang berpotensi untuk pertumbuhan jangka panjang yang mampan bagi pengagihan tersebut dan nilai aset bersih (NAV) seunit.

meningkat 2.5% daripada RM59.6 juta yang dicatatkan pada 2014 kepada RM61.1 juta pada 2015. Prestasi yang bertambah baik ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kenaikan pendapatan sewa tahunan.

Keuntungan dana bagi tahun kewangan 2015 adalah RM72.7 juta, terdiri daripada keuntungan nyata RM61.1 juta dan keuntungan tidak nyata RM11.6 juta. Keuntungan nyata bagi tahun kewangan 2015 meningkat 2.5% berbanding tahun kewangan 2014 berjumlah RM59.6 juta, disumbangkan oleh penjimatan kos kewangan yang diperolehi daripada inisiatif pengurusan modal. Bagi tahun kewangan 2015, Kumpulan mencatatkan keuntungan nilai saksama RM11.6 juta berbanding RM11.4 juta pada 2014.

TINJAUAN OPERASI

Tinjauan Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Al-'Aqar Healthcare REIT mencatatkan pendapatan kasar bernilai RM110.9 juta dan pendapatan hartaanah bersih bernilai RM104.6 juta. Kedua-duanya menunjukkan peningkatan 2.1% berbanding RM108.6 juta pendapatan kasar dan RM102.4 juta pendapatan hartaanah bersih pada 2014. Pendapatan bersih dana

KPJUC dengan jumlah pertimbangan pembelian RM77.8 juta dibayai secara tunai yang diperoleh daripada pelaksanaan penempatan persendirian dan unit balasan yang tertunda. Pembelian dua bidang tanah berukuran 72.188 meter persegi adalah termasuk bangunan baharu KPJUC, blok asrama dan dua substesen TNB. Hartaanah itu dipajakkan kepada KPJ selama 15 tahun (boleh diperbaharui setiap 3 tahun) dengan pilihan untuk melanjutkan selama 15 tahun lagi. Pembelian hartaanah KPJUC menyediakan Al-'Aqar dengan perjanjian pajakan jangka panjang dengan pilihan pembaharuan untuk memastikan aliran pendapatan yang stabil kepada Dana.

PENDAPATAN KASAR



HARTANAH BERSIH



Nisbah Perbelanjaan Pengurusan Dana (NPP) sebanyak 0.35% (2014: 0.50%) adalah antara yang terendah dalam industri M-REIT. Sementara itu, jumlah pendapatan kumpulan yang tersedia untuk diagihkan bagi tahun kewangan 2015 berkurangan 6.8% daripada RM59.9 juta pada 2014 kepada RM55.8 juta. Hasil pengagihan meningkat daripada 5.7% kepada 6.1% dengan kenaikan harga pasaran daripada RM1.38 pada 2014 kepada RM1.40 bagi 2015. Nilai Aset Bersih seunit adalah RM1.21, peningkatan 1.7% daripada 2014 disebabkan penilaian semula aset.

TINJAUAN HARTANAH

Pembelian

Bagi tahun yang ditinjau, Al-'Aqar menyelesaikan pembelian hartaanah KPJUC dan Tanah Seremban Specialist Hospital (Tanah SSH) daripada KPJ. Pada 1 Disember 2015, Al-'Aqar melengkapkan pembelian hartaanah

Al-'Aqar juga mengukuhkan asetnya pada 2015 melalui pembelian Tanah SSH. Diselesaikan pada 5 November 2015 dengan pertimbangan pembelian RM4.25 juta, pembelian Tanah SSH telah dilaksanakan untuk memudahkan penyatuan tanah dengan hartaanah Al-'Aqar sedia ada. Pembelian itu dibayai sepenuhnya secara tunai dalaman. Melalui pembelian ini, Al-'Aqar mempunyai peluang meningkatkan pendapatan sewa. Tanah SSH dijangka menghasilkan faedah positif kepada Al-'Aqar dari masa ke semasa memandangkan lokasinya yang strategik.

Penjualan

Selain aktiviti pembelian, Al-'Aqar menyelesaikan penjualan dua hartaanah di Indonesia iaitu Rumah Sakit Medika Permata Hijau dan Rumah Sakit Bumi Serpong Damai melalui penjualan kepentingan ekuiti keseluruhan dalam Crossborder Hall (M) Sdn Bhd dan Crossborder Aim (M) Sdn Bhd (Crossborders Companies) kepada KPJ pada pertimbangan RM4.718 juta. Penjualan itu

DIVISYEN HARTANAH

bukan sahaja membolehkan Al-'Aqar melepaskan nilai aset di Indonesia malah memberi peluang kepadaanya merealisasikan pelaburan modal dalam kedua-dua syarikat.

Hasil jualan Crossborder Companies telah diperuntukkan untuk menebus pinjaman Jeta Gardens, harta Al-'Aqar di Australia dan secara tidak langsung telah mengurangkan paras gearan Al-'Aqar dari 45.9% pada 2014 kepada 40.8% pada 2015. Penjualan Crossborder Companies diselesaikan pada 16 Disember 2015.

Inisiatif Peningkatan Aset

Al-'Aqar mengambil inisiatif peningkatan aset bernilai RM0.9 juta bagi 2015 yang terdiri daripada penggantian menyeluruh menara penyekuk, pendingin dan mengecat semula bangunan. Aktiviti peningkatan aset yang masih berterusan pada tahun kewangan 2016 adalah seperti berikut:

Bangunan	Projek	Kos Anggaran (RM)
Damai Specialist Hospital	Penggantian menyeluruh 30 KVA Central UPS	80,000
KPJ Damansara Specialist Hospital	Pemasangan kondenser hibrid	370,000
KPJ Selangor Specialist Hospital	Penggantian menyeluruh dek logam bumbung sedia ada	170,000
KPJ Perdana Specialist Hospital	Penggantian menyeluruh 1 unit lif servis.	200,000
KPJ Penang Specialist Hospital	Pengecatan semula luaran	245,000
JUMLAH		1,065,000

Profil Tempoh Pajakan

Peratusan harta yang akan tamat tempoh pajakan adalah pada tahap terkawal. Al-'Aqar mempunyai profil tempoh pajakan bersebaran baik seperti jadual berikut:

Tahun Kewangan	Bilangan Hartanah	Jumlah Hartanah %
2016	1	4.3%
2017	6	26.1%
2018	15	65.2%

Nota: Tidak termasuk Selesa Tower yang penyewaannya adalah berasaskan bulan ke bulan.

INISIATIF PENGURUSAN MODAL

Dalam memaksimumkan pulangan kepada pihak berkepentingan melalui pengoptimuman keseimbangan hutang dan ekuiti, Pengurus melalui syarikat tujuan khas, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd telah menuahkan Nota Jangka Sederhana Islam Sukuk Ijarah Program 15 tahun sehingga RM1 bilion dalam nilai nominal pada tahun kewangan 2013. Sejumlah RM655 juta Sukuk 5 Tahun di bawah Terbitan 1 diterbitkan melalui *Tranche Pertama* berjumlah RM374 juta dan *Tranche Kedua* yang berjumlah RM281 juta. *RAM Ratings* mengesahkan taraf AAA/Stabil dan AA2/Stabil untuk Sukuk Ijarah Kelas A RM272 juta dan Kelas B RM55 juta, berdasarkan

kepada liputan pembayaran hutang serta pinjaman-untuk-nilai nisbah yang sepadan dengan penarafan masing-masing. Ciri-ciri struktur urus niaga, seperti keupayaan Pemegang Amanah untuk mengurus dan melupuskan Hartanah pada suatu *Trigger Event*, peruntukan tempoh dua tahun ke atas pelupusan aset, dan bayaran pajakan stabil dari hospital terus menyokong penarafan itu. Pajakan yang dijadualkan dikemaskini pada 2015 telah mempunyai kadar sewa yang dikemaskini untuk tempoh tiga tahun seperti diperuntukkan di bawah perjanjian pajakan 15 tahun, di mana bayaran pajakan akan dikemaskini semula setiap tiga tahun.

Di samping itu, penyelesaian aktiviti korporat yang dilaksanakan Al-'Aqar pada 2015 turut menyumbang kepada pengurangan penggearan Al-'Aqar daripada 45.9% pada 2014 kepada 41.0% pada 2015. Ini membolehkan Al-'Aqar mempunyai kapasiti tambahan bagi membuat pinjaman untuk peluang pelaburan baru.

Ekuiti daripada Penempatan

Pengurus melengkapkan aktiviti penempatan pada November 2015 yang menjana kira-kira RM40 juta untuk membiayai pembelian KPJUC dan perbelanjaan berkaitan. Sejumlah 32,000,000 unit baharu diterbitkan pada harga terbitan RM1.25 setiap unit, mewakili diskaun 3.85% pada harga purata jumlah wajaran 5-hari unit Al-'Aqar pada 2 November 2015 yang berjumlah RM1.30. Unit baharu itu disenaraikan di Bursa Malaysia pada 13 November 2015.

PROSPEK AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

Peristiwa sepanjang 2015 seperti kesusutan nilai ringgit, langkah pembekuan harta, langkah pengetatan oleh bank ditambah pula dengan ketidaktentuan ekonomi global adalah antara faktor mempengaruhi pasaran. Memandangkan jangkaan pasaran harta yang mencabar, hasil yang lebih rendah dijangka untuk M-REIT yang mempunyai pendedahan dalam aset komersil dan pejabat. Namun begitu, Al-'Aqar yang kurang bergantung kepada sifat kitaran pasaran harta akan dapat bertahan dengan ketidaktentuan dalam industri.

Industri penjagaan kesihatan di Malaysia akan terus menunjukkan prestasi yang baik disokong oleh pertumbuhan perbelanjaan penjagaan kesihatan, kenaikan insurans perubatan, penuaan demografi penduduk dan populariti pelancongan perubatan. Bagaimanapun, pertumbuhan ini dijangka menjadi sederhana pada 2016 memandangkan kos sara hidup lebih tinggi dan ekonomi tidak menentu di Malaysia.

Pada 2016, pertumbuhan Al-'Aqar dijangka diperluaskan dengan indikasi oleh KPJ untuk menyuntik lagi hospital baharu dan projek pembesaran di hospital sedia ada ke dalam Al-'Aqar. Selepas ketidaaian pembelian utama pada tahun kebelakangan ini, indikasi daripada KPJ untuk menyuntik aset tambahan adalah petanda baik bagi pertumbuhan Al-'Aqar.

Tidak mahu bergantung dengan aset Kumpulan KPJ, Pengurus sedang menilai beberapa cadangan perniagaan daripada pihak ketiga yang menawarkan aset berkaitan penjagaan kesihatan. Pengurus juga sedang mencari aset berkaitan penjagaan kesihatan lain dalam segmen farmaseutikal, kesihatan dan bio perubatan. Pengurus berhasrat mengamalkan strategi pengimbangan antara aset rangkaian daripada KPJ dan aset pihak ketiga serta membina kedudukan sebagai satu daripada REIT yang khusus di Malaysia.

DIVISYEN HARTANAH

AL-SALĀM REIT

PENGENALAN

Al-Salām REIT adalah REIT Islam paling pelbagai di Malaysia dengan aset terletak di lokasi strategik di Pusat Bandaraya Johor Bahru dan bandar utama di seluruh Malaysia. Al-Salām REIT disenaraikan di Bursa Malaysia pada 29 September 2015. Pada 31 Disember 2015, saiz aset Al-Salām REIT berjumlah RM949.7 juta dengan jumlah modal pasaran RM539.4 juta.

Sebanyak 31 portfolio awal diambil alih Al-Salām REIT daripada dua anak syarikat Johor Corporation iaitu DASB dan QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (QSR). Antara aset utama DASB adalah KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, @mart Kempas dan KFCH College manakala aset QSR adalah rangkaian restoran KFC dan Pizza Hut di seluruh negara serta aset industri operasi terpilih.

Johor Corporation berperanan sebagai penaja. Al-Salām REIT juga diuruskan oleh DRMSB. Meskipun ekonomi dan pasaran harta tanah suram, Pengurus melihat akan sentiasa ada peluang selanjutnya memberikan prospek pertumbuhan yang menarik bagi Al-Salām REIT. Pengurus juga akan berterusan mengembangkan Al-Salām REIT dengan memanfaatkan aset Kumpulan Johor Corporation serta melakukan pengambilalihan aset pihak ketiga secara aktif.

TINJAUAN PERNIAGAAN

Al-Salām REIT mencatatkan pendapatan kasar RM20.7 juta bagi tahun kewangan bermula 30 Mac 2015 (tarikh penubuhan) hingga 31 Disember 2015 berbanding RM26.5 juta di bawah Anggaran Tempoh 2015 (seperti prospektus Al-Salām REIT bertarikh 4 September 2015) dengan perbezaan kira-kira RM5.8 juta atau 22.0%.

Pendapatan harta tanah bersih adalah RM15.7 juta berbanding Anggaran Tempoh 2015 sebanyak RM19.9 juta, perbezaan 21.3 % atau RM4.2 juta.

Segmen runcit adalah penyumbang utama, masing-masing 48% dan 39% daripada pendapatan kasar dan NPI. Pada 31 Disember 2015, KOMTAR JBCC mencatatkan kadar penghunian 89% manakala @mart Kempas mencatatkan kadar penghunian 95%.

Segmen pejabat menyumbang jumlah pendapatan dan NPI masing-masing 11% dan 8%. Semasa tempoh kewangan, Menara KOMTAR mengekalkan kadar penghunian 96%. Menjadi pejabat utama Johor Corporation, ini membolehkan Menara KOMTAR menikmati tempoh sewa jangka panjang yang stabil.

Segmen restoran makanan dan minuman serta segmen bukan makanan dan minuman menyaksikan sumbangan pendapatan yang stabil disebabkan aturan pajakan bersih tiga kali ganda.

Jumlah pendapatan komprehensif bagi Tahun Kewangan (TK) 2015 adalah RM14.8 juta termasuk pendapatan tidak nyata RM7.7 juta yang disumbangkan terutama keuntungan nilai saksama ke atas harta tanah pelaburan dan pendapatan nyata RM7.1 juta. Sehubungan itu, dana ini telah membayar pengagihan pendapatan RM6.96 juta bersamaan 1.20 sen seunit bagi TK2015 pada 29 Februari 2016.

TINJAUAN OPERASI

Semasa TK2015, 12 penyewaan mewakili 7.9% daripada jumlah Kawasan Boleh Sewa Bersih (NLA) bagi portfolio runcit dan pejabat telah diperbaharui dengan kenaikan seawaan 10% di @mart Kempas manakala tiada peningkatan kadar penyewaan bagi Menara KOMTAR.

Profil Tempoh Pajakan

Al-Salām REIT mempunyai profil yang bersebaran baik dengan NLA yang akan tamat sebanyak 1.3% (TK2016), 17.8% (TK2017), 1.8% (TK2018) dan 7.91% (selepas TK2018). Majoriti penyewaan adalah penyewaan tiga tahun dengan pilihan pembaharuan untuk tempoh tiga tahun.

Analisis Sektor Perdagangan (Pendapatan Sewa Kasar)

Al-Salām REIT mempunyai pelbagai campuran penyewa yang beroperasi dalam pelbagai sektor. Bagi harta tanah runcit, campuran perdagangan lima teratas adalah gedung (13.3%), fesyen dan aksesori (37.8%), kecantikan dan kesihatan (12.2%), makanan dan minuman (14.1%) serta pasar segar (4.5%). Bagi harta tanah pejabat, sektor terlibat adalah konglomerat negeri (77%) dan perkhidmatan profesional (23%).

PENGURUSAN MODAL

Al-Salām REIT memperoleh *Commodity Murabahah Term Financing-I* (CMTF-i) berjumlah RM350 juta daripada pembiaya untuk membayai pengambilalihan harta tanah semasa peringkat IPO. Kemudahan pembiayaan itu dikeluarkan melalui *Tranche* pertama iaitu RM136 juta pada 6 Mei 2015 dan *Tranche* kedua iaitu RM214 juta pada 29 September 2015. Keuntungan CMTF-i akan dibayar dalam tempoh 60 bulan daripada tarikh pertama pembayaran bersama pembayaran penuh jumlah pokok pada bulan ke-60. Kadar pembiayaan efektif adalah berdasarkan pada kos dana +1.35% setiap tahun bagi dua tahun pertama dan COF +1.50% setiap tahun bermula dari tahun ketiga dan seterusnya.

Penggearan Al-Salām REIT setakat 31 Disember 2015 adalah 36%, meninggalkan ruang atas hutang kira-kira RM120 juta untuk membayai rancangan perbelanjaan modal dan pengambilalihan akan datang sebelum mencapai had berkanun sebanyak 50%.

DIVISYEN HARTANAH



PROSPEK AL-SALĀM REIT

Portfolio sedia ada Al-Salām REIT mempunyai proposisi yang unik. Antara lain, lokasi strategik aset, strategi portfolio yang pelbagai dengan kadar penghunian yang tinggi dan platform untuk pertumbuhan masa hadapan.

- KOMTAR JBCC - aset paling bernilai dan strategik di Pusat Bandaraya Johor Bahru kerana berdekatan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ). Ini menjadi daya tarikan pengunjung dari Singapura dan nilai Ringgit yang lemah menggalakkan lagi rakyat republik itu membeli-belah di Johor Bahru termasuk di KOMTAR JBCC.
- KOMTAR JBCC akan mendapat manfaat melalui penyempurnaan pembangunan yang sedang berjalan bagi menara pejabat gred A dan hotel empat bintang di KOMTAR JBCC pada 2017 dan dijangka menarik ramai pengunjung ke KOMTAR JBCC.



- Cadangan *Rapid Transit System* Johor Bahru (RTS) akan meningkatkan lagi kebolehcapaian dan hubungan bagi kedua-dua KOMTAR JBCC dan Menara KOMTAR. Ini seterusnya memberi peluang kuasa tawar menawar yang lebih kukuh bagi semakan sewa di samping meningkatkan nilai modal kedua-dua aset tersebut.
- Pelaksanaan pembangunan melalui Pelan Transformasi Pusat Bandaraya Johor Bahru, ditambah cadangan *Ibrahim International Business District (IIBD)*, Johor Bahru yang akan dibangunkan oleh Johor Corporation bersama pemaju terkenal lain akan mendorong prospek KOMTAR JBCC terus menggalakkan.
- Usia KOMTAR JBCC yang masih baharu akan bertindak sebagai pemacu pertumbuhan bagi Al-Salām REIT. Pusat beli-belah itu masih belum melalui pelarasan kadar sewa sekaligus terdapat potensi pertumbuhan sewa disebabkan penyewa jenama premium dan mewah di KOMTAR JBCC mempunyai keupayaan membayar kadar sewa yang tinggi.
- Hartanah QSR menyediakan daya tahan pendapatan yang kuat, disokong peraturan pajakan bersih tiga kali ganda. Peraturan itu membantu mengurangkan pendedahan Al-Salām REIT daripada kenaikan perbelanjaan operasi pada jangka masa panjang.
- Hartanah QSR, @mart Kempas dan KFCH College dijangka menyediakan asas pendapatan yang stabil manakala KOMTAR JBCC dan Menara KOMTAR menawarkan pemangkin kuat dalam pertumbuhan sewa berdasarkan lokasinya yang strategik.

DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI



TPM TECHNOPARK SDN BHD

TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) adalah anak syarikat milik penuh Johor Corporation. Ia terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur serta agen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik Johor Corporation.

Pada 2015, TTSB menjual kira-kira 75 hektar tanah industri milik Johor Corporation bernilai RM285 juta sekaligus menyaksikan peningkatan 27% berbanding 2014.



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3


SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

PRESTASI KEWANGAN



PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, TTSB serta syarikat dalam Kumpulan mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan merekodkan perolehan RM107 juta berbanding RM44 juta pada 2014. Ini sekaligus mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM30 juta berbanding RM17 juta tahun sebelumnya. Peningkatan perolehan 91% ini dijana melalui penerimaan kontrak kerja tanah bernilai RM55 juta daripada Pihak Berkua Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).

Lembaran imbangan TTSB turut direkodkan teguh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM112 juta pada 2015 berbanding RM94 juta tahun sebelumnya.

Prestasi TTSB dijangka bertambah baik menjelang 2016 dengan mengambilira projek yang akan disiapkan selain projek terbaharu yang akan dilancarkan walaupun keadaan pasaran harta tanah industri dijangka lebih mencabar pada masa akan datang.

PROGRAM PEMASARAN

Mendukung peranan sebagai agen pemasaran pembangunan industri Johor Corporation, TTSB sentiasa fokus dalam misi menarik pelaburan asing sekaligus memperkenalkan Johor sebagai lokasi pilihan pelaburan utama di Malaysia. Sepanjang 2015, TTSB giat menyertai misi pelaburan anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan kerajaan Johor ke luar negara antaranya Singapura, Indonesia, China, Korea, Jepun dan Itali.

TTSB dengan kerjasama Divisyen Pembangunan Industri pada 4 Ogos 2015 menganjurkan majlis '*Business Networking*' bersama pelabur dan pihak berkepentingan bagi memberi penghargaan mereka yang menyumbang kepada pembangunan industri di Johor selain memberi peluang serta kesempatan kedua-dua pihak berinteraksi.

Pengurusan Projek

TTSB turut memainkan peranan penting sebagai pengurus projek. Sepanjang 2015, TTSB menguruskan beberapa projek Johor Corporation dan Kumpulan dengan anggaran nilai projek RM339 juta. Antara projek itu ialah:

- Pembangunan kem Askar Timbalan Setia Negeri Johor di Jalan Tasek Utara;
- Pembinaan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Kota Tinggi; dan
- Kerja penggeruan dasar di Dermaga 8, Jeti Kargo Cecair, Pelabuhan Tanjung Langsat.

TTSB turut bertindak selaku pengurus projek di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor. Sepanjang 2015, TTSB menguruskan 13 projek pembinaan masjid dan dua dewan raya di sekitar Johor bernilai RM32.45 juta serta 12 projek dalam perancangan bernilai RM26.15 juta.

Sehingga 31 Disember 2015, TTSB telah menyiapkan 26 projek yang terdiri daripada 11 projek komersil dan 15 projek industri dengan anggaran nilai RM34 juta.

Kilang Siap Bina

TTSB terus merancangkan pelbagai strategi perniagaan yang mampu menjana pendapatan berterusan kepada perniagaan terasnya. Antara projek yang sedia untuk dijual adalah *Premium Corporate Premises* yang menawarkan 14 unit kilang siap bina di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang Zon 12B (Fasa 2).

Lanjutan daripada itu, TTSB melalui Johor Corporation menerima geran berjumlah RM30 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membina 30 unit kilang siap bina di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang bagi menampung permintaan perusahaan kecil dan sederhana. Pembangunan fizikal projek ini dijangka bermula April 2016.



DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Taman Perindustrian Sedenak

Seluas 283 hektar tanah di Taman Perindustrian Sedenak dikenalpasti untuk dijadikan pusat pembangunan pangkalan data seperti diumumkan Kerajaan Persekutuan. Ini secara tidak langsung memperkenalkan Johor sebagai pusat pangkalan data kedua di Malaysia selepas Cyberjaya.

Pada 12 Mac 2015, cadangan tersebut dimuktamadkan melalui perjanjian “Customized Incentive Condition of Offer” (CIC) di antara Kerajaan Persekutuan dan bakal pelabur. Perjanjian pembelian tanah di antara tiga pihak iaitu Johor Corporation, IRDA dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ditandatangani pada 3 September 2015. Susulan itu, kerajaan negeri Johor mengumumkan bahawa projek ini dijangka dilancarkan secara rasminya pada pertengahan 2016.

TTSB menjangkakan pembangunan projek ini akan mewujudkan limpahan ekonomi yang positif sekaligus merangsang peluang pekerjaan dan menarik pelaburan tempatan dan asing untuk mananam modal di Taman Perindustrian Sedenak.

PROSPEK

Berdasarkan perancangan strategik lima tahun syarikat, TTSB bercadang meningkatkan simpanan tanah industri yang akan menjana pendapatan kepada TTSB dan juga Johor Corporation. Perancangan ini dijangka dicapai melalui pembangunan kawasan perindustrian baru di Muar, Pengerang dan Sedenak selain pembesaran kawasan industri sedia ada.

Dengan mengandaikan semua projek dalam perancangan itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan, TTSB dijangka mengekalkan status sebagai antara penyumbang utama keuntungan dan tunai kepada Johor Corporation sekaligus memperkuuh peranan Johor Corporation dalam menerajui pembangunan perindustrian di Johor.



PEMBANGUNAN TANJUNG LANGSAT

PENDAHULUAN

Krisis kejatuhan harga minyak sejak akhir 2014 dan sepanjang 2015 memberi kesan langsung kepada Pelabuhan Tanjung Langsat (TLP) kerana perdagangan minyak adalah aktiviti bisnes utamanya.

Bagi tempoh 2015, TLP mencatatkan penurunan 24% bagi pengendalian kargo petroleum kepada 8,349,799 tan. Bagaimanapun, TLP dapat meningkatkan kendalian kargo minyak kelapa sawit sebanyak 697,902 tan iaitu kenaikan 167% berbanding 2014. Jumlah keseluruhan kargo cecair yang dikendalikan TLP pada 2015 adalah 9,047,701 tan iaitu penurunan 19% dari tahun sebelumnya.

Bagi kendalian kargo kering, jumlah keseluruhan pada 2015 ialah 211,603 tan iaitu merosot kepada 37% berbanding 2014. Penurunan itu disebabkan:

- Kurangnya kendalian kargo kering yang berkait rapat dengan aktiviti huluan sokongan O&G berikutan kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia.
- Kemerosotan harga komoditi bijih besi.

Bagaimanapun keputusan Petronas meneruskan Projek Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang berupaya meningkatkan penggunaan jeti kering di TLP dan menjadikannya hab logistik bagi kendalian kargo berkaitan kerja pembinaan RAPID.

PERANCANGAN HOLISTIK DAN LANGKAH TINGKATKAN KARGO

Bagi memastikan kelangsungan sebagai pelabuhan dinamik, kompetitif dan cekap, TLP melaksanakan inisiatif untuk menaiktaraf serta meningkatkan kemudahan prasarana sedia ada bagi memastikan pengguna mendapat perkhidmatan terbaik. Kemudahan infrastruktur yang baharu ialah pembangunan dermaga cecair 8 dan 9 yang siap dibina sepenuhnya pada 2014. Dermaga 9 memulakan operasi pada Disember 2015.

Air di dermaga 9 berkedalaman 15 meter. Ini membolehkan kapal berkapsiti sehingga 110,000 dwt berlabuh. Dua unit peralatan *Marine Loading Arm* (MLA) di situ turut menjamin pengendalian kargo cecair yang lebih cekap, cepat dan selamat. Di dermaga cecair 8, kerja pengerukan utama sedang dijalankan dan dijangka siap Mac 2016. Apabila beroperasi sepenuhnya, dua dermaga itu akan meningkatkan kapsiti pengendalian kargo cecair daripada 18 juta tan kepada 23 juta tan setahun.

DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Selain itu, syarikat perdagangan minyak terkemuka dunia – Trafigura, dijangka melaksanakan konsolidasi kargo miliknya sekaligus meningkatkan aktiviti perdagangan minyak dengan menggunakan TLP sebagai pangkalan operasinya.

TLP juga sedang menjalankan kerja pengerukan dasar di dermaga kering 6 dan 7 bagi memastikan kecekapan operasi yang kompetitif. Kerja pengerukan kepada kedalaman 11 meter itu dijangka siap sepenuhnya pada April 2016. Kesannya, jeti kering TLP akan berupaya menerima labuhan kapal bersaiz besar serta berkapasiti tinggi bagi memenuhi keperluan pengguna pelabuhan.

Berikut inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan TLP pada masa akan datang:

1) Pembangunan POIC

Pembangunan Kluster Perindustrian Minyak Kelapa Sawit (*Palm Oil Industrial Cluster*) di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (*Tanjung Langsat Industrial Complex*) melibatkan tapak 110.8 hektar yang mana 74.52 hektar atau 67% telah dipajak dan dioperasikan sepenuhnya oleh pelabur strategik. TLIC juga mendapat geran khas Kerajaan Persekutuan berjumlah RM103 juta bagi tujuan pelbagai pembangunan kemudahan termasuk penyediaan tapak, membuat jalan dan rak paip, mendirikan bangunan pejabat dan kilang serta membina kilang biomass dan tangki simpanan.

Justeru, TLP berpotensi untuk dijadikan *delivery point* atau *port tank installation* untuk pengiktirafan dari Bursa Malaysia – “*Malaysia Derivative Exchange*” (MDEX) sebagai sebuah hab perdagangan minyak sawit.

2) Pangkalan Bekalan Marin Serantau & Hab Logistik

Pembangunan Pangkalan Bekalan Marin Serantau (*Regional Marine Supply Base*) menerusi usahasama Johor Corporation dengan syarikat Oilfield Supply Center (OSC), Dubai merangkumi pembinaan 17 unit kilang siap bina untuk disewakan dan sedang menunggu kelulusan Jabatan Kastam untuk memulakan operasinya. Kos pelaburan ini berjumlah RM226 juta. Potensi penyewa ialah syarikat O&G terkemuka antarabangsa bagi menyediakan perkhidmatan sokongan bersepadu kepada aktiviti huluan O&G.



3) Hab Logistik Bersepadu

Johor Corporation akan membangunkan hab logistik bersepadu dalam kawasan pelabuhan TLP bagi menyediakan prasarana serta kemudahan yang kondusif dan berupaya menggalakkan aktiviti pergudangan dan logistik setempat. Tanah seluas 74.4 hektar dikenalpasti bagi tujuan itu di mana kerajaan Johor bersetuju dengan cadangan Johor Corporation untuk mendapatkan status Zon Perdagangan Bebas (FCZ) daripada Kementerian Kewangan untuk meningkatkan daya saing dan menarik minat penyedia perkhidmatan logistik tempatan mahupun bertaraf dunia beroperasi di TLP. Pembangunan ini adalah pelengkap kepada ekosistem bisnes dalam memperkasakan aktiviti perdagangan, logistik dan pergudangan milik pelabur di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat.

4) Pengoperasian Semula Tanjung Langsat Port Oil Terminal

TLP menerima cadangan pelaburan daripada beberapa syarikat yang bermintat. Jika pelaburan ini direalisasikan, syarikat itu dijangka meningkatkan kapasiti tangki penyimpanan minyak dari 100,000 m³ kepada 250,000 m³ dalam tempoh terdekat.

Selain itu, jumlah kendalian kargo cecair dijangka bertambah dalam lingkungan 1.5 juta tan setahun dan menjana pendapatan tambahan tidak kurang RM10 juta setahun kepada TLP sepanjang tempoh pengoperasianya.

Langsat Marine Terminal Sdn Bhd (LMT) yang juga anak syarikat milik penuh Johor Corporation telah membangunkan gudang dan hab logistik dengan menyediakan kemudahan Gudang Awam Berlesen. Ia dijangka memulakan pengoperasian pada 2016. Gudang ini menyediakan kemudahan gudang tertutup seluas 10,250 meter persegi, gudang terbuka seluas 4 hektar serta kemudahan pergudangan yang cekap dan sempurna. Syarikat yang berpangkalan di Jepun telahpun bersetuju menyewa keseluruhan gudang tertutup itu bagi tempoh 10 tahun untuk menyokong keperluan pergudangan syarikat kecil dan sederhana Jepun di Malaysia.

Di samping itu, keseluruhan tapak kawasan ini telah dipajak beberapa syarikat logistik ternama seperti FGV Transport, Tiong Nam Solution, Mamoet dan syarikat fabrikasi tempatan iaitu Welfab Engineering Sdn Bhd. Aktiviti pergudangan, pengilangan dan logistik di LMT ini dijangka menghasilkan tidak kurang 500,000 tan kendalian kargo kering sekaligus penggunaan jeti kering di TLP akan meningkat secara drastik setelah aktiviti berkaitan mula beroperasi.

DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

5) Pelaburan Baharu

TLP terus mendapat permintaan pelabur untuk menjalankan operasi di kawasan pelabuhan. Untuk memperkuatkan kedudukan, TLP meluaskan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan seperti MIDA, Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC), IRDA dan Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC).

Kerjasama erat itu membawa hasil apabila pada 2015, TLP telah menarik tiga pelaburan strategik iaitu MSM Malaysia Holdings Bhd, Orgkhim BHC dan Mastika Bulking Sdn Bhd melibatkan pemajakan tanah 26.25 hektar dan menjana pelaburan keseluruhan yang diluluskan MIDA berjumlah RM1.807 bilion. Proses pembangunannya akan siap dalam tempoh dua tahun serta berupaya mempertingkatkan penggunaan perkhidmatan dan pengendalian kargo di jeti kering TLP sekaligus menambahkan pendapatan tidak kurang RM15 juta setahun.

	2013	2014	2015
Bilangan Pelabur	1	2	6
Keluasan Tanah Pajakan	4 hektar	1.9 hektar	50.25 hektar
Nilai Jualan/Pajakan Tanah	RM23.96 juta	RM10.12 juta	RM208.13 juta
Nilai Pelaburan	RM80 juta	RM150 juta	RM980 juta
Peluang Pekerjaan	200	100	2,082

6) Pembangunan Hab Fabrikasi Luar Pesisir Dan Maritim (Zon 5)

Pembangunan Projek Zon 5 seluas 307.2 hektar sedang berjalan mengikut perancangan dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh empat tahun. Pembangunan Hab Fabrikasi Luar Pesisir dan Maritim ini akan menempatkan aktiviti pembinaan dan penyelenggaraan kapal, fabrikasi untuk peralatan eksplorasi dan pengeluaran minyak luar pantai, industri berkaitan maritim, penyelenggaraan pelantar minyak dan lain-lain aktiviti berkaitan industri O&G.

Setakat ini, dua syarikat menunjukkan minat melabur di Zon 5. Kedua-duanya bercadang memajak tanah 80 hektar dan berupaya menjana pelaburan melebihi RM1 bilion serta menawarkan peluang pekerjaan baharu berpendapatan tinggi kepada rakyat negeri ini.



7) Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI)

PUSPATRI ditubuhkan pada 1993 dengan objektif menyediakan latihan teknikal dan meningkatkan kemahiran kalangan tenaga kerja industri. Pusat latihan ini menawarkan pelbagai latihan teknikal yang berterusan dan berdasarkan program teknologi kepada tenaga kerja industri, lepasan sekolah dan lepasan ijazah untuk meningkatkan kemahiran peribadi.

Program di PUSPATRI diiktiraf pelbagai industri dan mendapat kelulusan pelbagai badan kerajaan, swasta serta badan profesional antarabangsa seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia, Sirim Berhad, American Petroleum Institute, The Welding Institute of UK dan Institute of Corrosion UK.

PUSPATRI bertindak sebagai pemboleh upaya (*enabler*) dalam menyediakan tenaga kerja mahir seterusnya melengkapkan ekosistem yang diwujudkan untuk merancak serta mempelbagaikan pelaburan bermutu tinggi di kawasan pembangunan industri Johor Corporation.

PROSPEK

Bagi 2016, TLP akan berupaya merancakkan perdagangan minyak sawit setelah tangki baharu Langsat Bulkers Sdn Bhd dan Musim Mas siap dibina dan beroperasi sepenuhnya. Ini berupaya mengurangkan kebergantungan TLP kepada perdagangan minyak petroleum.

TLP juga yakin akan mula mencatatkan pemuliharan prestasi menjelang separuh kedua 2016. Beroperasinya terminal minyak TLPO, pelaburan seperti MSM Malaysia Holdings Bhd, projek baharu seperti hab logistik setempat, Pangkalan Bekalan Marin Serantau dan kemudahan pergudangan awam serta logistik yang dibangunkan LMT akan meningkatkan status TLP sebagai jeti persendirian berdaya maju untuk tahun mendatang.

RM1.8

bilion pelaburan diluluskan
MIDA di TLP

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

DIVISYEN PEMBANGUNAN BISNES



Johor Corporation memainkan peranan penting sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi Johor dalam melaksana dan memperkuuh program pembangunan usahawan di negeri ini.



INTRAPRENEUR

Penglibatan Johor Corporation tidak sekadar terhad kepada memberi sokongan terhadap pembangunan individu sebagai usahawan malah membuka peluang bisnes di bawah Rumpun Enterprais Johor Corporation. Konglomerat negeri ini juga mengambil peranan mempertingkatkan keupayaan daripada aspek penyediaan kemahiran dan pengetahuan pengurusan selain menyediakan premis dan infrastruktur bisnes bersesuaian bagi kejayaan pembangunan usahawan secara holistik.


Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 36 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur Johor Corporation dengan perolehan dicatatkan berjumlah RM417 juta. Prestasi keuntungan sebelum cukai bagi tempoh sama pula menunjukkan peningkatan kepada RM10 juta daripada RM6.07 juta tahun sebelumnya.

Lapan syarikat intrapreneur mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1 juta. Pada masa sama, pemantauan bisnes secara berterusan dilakukan Johor Corporation khususnya melalui syarikat induk masing-masing terhadap semua syarikat intrapreneur sejajar dengan sinergi bisnes yang dijalankan antara syarikat induk dengan syarikat intrapreneur di bawahnya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, sebanyak 19 syarikat intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad; KPJ Healthcare Berhad (empat); QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (satu); Waqaf An-Nur Corporation Berhad (dua); KARA Holdings Sdn Bhd (satu) dan sembilan di bawah Johor Corporation.



SYARIKAT INTRAPRENEUR



DIVISYEN PEMBANGUNAN BISNES

Pada 15 Jun 2015, laluan Mersing (dua unit bas) memulakan operasi dan satu pelancaran awal diadakan dan dihadiri wakil PAJ, Exco Majlis Daerah dan masyarakat setempat. Laluan Batu Pahat (empat unit bas) dan Pontian (dua unit bas) pula beroperasi Januari 2016.



USAHAWAN

Atas komitmen menjayakan aspirasi kerajaan dalam bidang sekuriti makanan negara, Johor Corporation berusaha meningkatkan penglibatan Bumiputera menerusi pelaksanaan program Membangunkan Usahawan Bumiputera Di Dalam Sistem Rantaian Bekalan Halal Industri Ternakan Ayam. Antara matlamat program itu ialah:

- Mewujudkan peluang dan mempercepatkan penglibatan Bumiputera dalam industri ternakan ayam negara;
- Memastikan daya saing dan kelangsungan bagi sistem rantaian halal industri ternakan ayam negara; dan
- Menjadikan Malaysia sebagai hab halal untuk bekalan produk berdasarkan ayam di rantau Asia.

Menerusi program kerjasama strategik dengan Unit Agenda Peneraju Bumiputera (TERAJU), Johor Corporation akan bertindak sebagai pemegang amanah dan Pengurus Projek mewakili TERAJU bagi penyaluran dana kepada usahawan Bumiputera melalui pembiayaan berkonsep Musharakah (*revolving fund*) untuk kesinambungan program.

Ia akan dibangunkan secara berperingkat melalui tiga fasa pelaksanaan bermula 2016 hingga 2018 dengan sasaran penglibatan 18 usahawan Bumiputera iaitu 10 usahawan ternakan ayam, usahawan kilang pengeluaran makanan ayam dan ternakan (satu), usahawan kilang pemprosesan ayam (satu) dan usahawan runcit bagi Kedai Ayamas dan Restoran Rasamas (enam) yang menjual produk berdasarkan ayam dengan jangkaan pengeluaran ayam sebanyak 3 juta ekor menjelang 2018.

Program pembangunan usahawan diperkuuhkan lagi menerusi Skim Perlesenan Korporat. Johor Corporation melalui anak syarikatnya KARA Holdings Sdn Bhd menawarkan peluang perniagaan melalui Skim Perlesenan Korporat bagi outlet Kedai Ayamas. Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 3 outlet Kedai Ayamas di bawah Skim Perlesenan Korporat yang terletak di Bukit Baru Melaka, Taman Melawati, Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Pengukuhan bisnes menerusi inovasi teknologi semakin menjadi perhatian di negara ini berikutan permintaan produk berdasarkan nanoteknologi yang tinggi dalam pasaran dunia. Nanoteknologi digunakan dalam pelbagai sektor tempatan seperti pertanian, perubatan dan farmaseutikal serta produk makanan.

Pencapaian intrapreneur dalam bidang inovasi teknologi jelas dibuktikan menerusi Syarikat Microwell Bio Solutions Sdn Bhd. Syarikat itu yang menjalankan perniagaan agrokultur dan produk organik memperoleh pengiktirafan persijilan NANO Verify Programme pada November 2015. NANO Verify Programme adalah program usahasama antara NanoMalaysia dan SIRIM QAS bagi mempergiatkan usaha memperoleh keyakinan umum terhadap penggunaan nanoteknologi untuk produk sedia ada di pasaran Malaysia dan dijangka menembusi ke peringkat yang lebih tinggi.

Syarikat Pengangkutan Maju Bhd (MAJU) pula diberi kepercayaan menyediakan perkhidmatan bas bagi enam daerah di Johor iaitu Batu Pahat, Muar, Kluang, Mersing, Pontian dan Kota Tinggi menerusi Perkhidmatan Bas TransJohor dengan kerjasama antara Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dan Johor Corporation melalui Syarikat MAJU. Perkhidmatan bas TransJohor adalah lanjutan daripada langkah kerajaan negeri meningkatkan lagi perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada dan sebagai nilai tambah perkhidmatan atau tanggungjawab sosial Johor Corporation dan Kumpulannya.

Pada 15 Jun 2015, laluan Mersing (dua unit bas) memulakan operasi dan satu pelancaran awal diadakan dan dihadiri wakil PAJ, Exco Majlis Daerah dan masyarakat setempat. Laluan Batu Pahat (empat unit bas) dan Pontian (dua unit bas) pula beroperasi Januari 2016.

Perkhidmatan itu memberi faedah langsung kepada rakyat dalam penyediaan pengangkutan bas awam lebih selesa, selamat dan diyakini di Johor serta jaringan lebih meluas dan perkhidmatan yang melalui kawasan utama seperti terminal bas, hospital, pusat komersil dan kawasan bandar.

Pencapaian intrapreneur ini adalah antara rekod dan bukti Johor Corporation sangat komited dalam melaksanakan program pembangunan usahawan bukan sahaja di Johor malah di seluruh negara.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 6

DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Melunaskan tanggungjawab korporat adalah satu daripada tiga peranan Johor Corporation. Ia diletakkan di bawah Divisyen Tanggungjawab Korporat melalui pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan Bisnes Amal (JBA) serta Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) yang menguruskan waqaf saham.



JBA adalah penyelaras, pemantau dan pelaksana kepada pertubuhan dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA) yang dinaungi oleh Johor Corporation. Kini terdapat 24 OBA yang dibahagikan kepada kategori berikut:

- Pembangunan Sosial & Kebajikan Awam
- Sukan & Rekreasi
- Pembangunan Usahawan
- Kebajikan Anggota Pekerja

Johor Corporation melaksanakan pelbagai program tanggungjawab korporat melalui pelbagai pendekatan dan melibatkan akar umbi masyarakat. Antara program tanggungjawab korporat pada 2015 ialah:

PENAJAAN PASUKAN BOLA SEPAK JDT

Johor Corporation adalah Penaja Bersama pasukan bolasepak Johor Darul Ta'zim (JDT) sejak 2013 dan masih diteruskan sehingga kini. Penajaan untuk sukan ini bukan sahaja kerana ia melibatkan jutaan penonton dan peminat malah sebagai pernyataan menyokong DYAM Brigadier Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Penaung Diraja Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dalam membangunkan bola sepak Johor serta penguasaan pasukan JDT.

Hasil sentuhan kecekapan pengurusan dan aspirasi DYAM Tunku Mahkota Johor itu, Bangsa Johor kini berbangga dengan pasukan JDT yang ternyata cemerlang dalam liga tempatan malah pasukan Harimau Selatan itu kini bergelar gergasi baharu Kelab Bola Sepak Asia setelah muncul Juara Piala Konfederasi Asia (AFC) pada 29 Oktober 2015.

SEMARAK JAWI™

Semarak Jawi adalah antara inovasi program tanggungjawab korporat Johor Corporation melalui WANCorp yang dilaksanakan oleh JBA. Susulan kepada visi program itu, Johor Corporation pada 16 Februari 2015, mengambil inisiatif menaja penerbitan akhbar Utusan Jawi selama setahun sebagai usahamempertahankan khazanah dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi terutama di kalangan generasi muda.

Dengan menaja penerbitan 10,000 naskah Utusan Jawi seminggu, akhbar itu diedarkan ke sekolah terpilih di Johor pada setiap hari Isnin selama 52 minggu. Susulan penajaan itu, Semarak Jawi dianjurkan bagi membudayakan penggunaan tulisan Jawi melalui pendekatan yang menyeronokkan, bukan sekadar sebagai suatu pembelajaran.

Tiga jenis pengisian diwujudkan bagi menjayakan program ini iaitu Jelajah Jawi, Coretan Jawi dan Pertandingan Tulisan Khat. Seramai 975 pelajar dan guru daripada 153 sekolah terlibat dalam program ini. Enam siri program ini dilaksanakan meliputi 10 daerah di Johor.

24 OBA

di bawah naungan
Johor Corporation

DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

JALINAN UKHUWAH™

Jalinan Ukhudah adalah program Johor Corporation turun padang untuk mendekati masyarakat melalui aktiviti gotong-royong, pemeriksaan kesihatan percuma, pengimaranan masjid dan penyerahan sumbangan kepada golongan memerlukan.

Melalui program ini, barisan pengurusan dan anggota pekerja Johor Corporation berinteraksi dengan pemimpin masyarakat serta lebih 1,000 ahli kariah di setiap di lokasi yang dipilih. Aktiviti itu dilaksanakan oleh anggota Brighed Waqaf Johor Corporation serta wakil Divisyen Tanggungjawab Korporat dan Jabatan Komunikasi Strategik. Program Jalinan Ukhudah juga telah didaftarkan di bawah MyIPO sebagai harta intelek pada 4 September 2015. Program ini mendapat sambutan baik pemimpin masyarakat di Johor.



PROJEK TUISYEN

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Ia melibatkan 22 sekolah terpilih luar bandar yang berprestasi sederhana. Sejak diperkenalkan pada 2012, ia memberi manfaat kepada 1,500 murid kurang berkemampuan dan anak yatim. Kesan penyertaan murid dalam Projek Tuisyen, pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah meningkat 33.74% pada 2015 iaitu seramai 137 murid memperoleh keputusan 5A, 4A dan 3A berbanding 108 murid pada 2014. Projek ini mendapat sokongan syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Johor Land Berhad dan QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd.

HOSPITAL DAN KWAN

Sejak 1998, Johor Corporation telah membangunkan 22 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh negara dan sebuah Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang, Johor. Perkhidmatan perubatan pesakit luar di KWAN boleh dinikmati semua lapisan masyarakat serta pelbagai bangsa dan agama dengan bayaran RM5 sahaja.

Setakat 2015, sejumlah 1,138,146 kes rawatan dikendalikan di semua cawangan KWAN termasuk 87,874 rawatan kepada pesakit bukan Islam. KWAN kini mempunyai 66 mesin dialisis berbanding 54 pada 2014. Seramai 280 pesakit buah pinggang menerima manfaat dengan menjalani rawatan di pusat dialisis yang disediakan.

PPNJ DAN MSA

Johor Corporation turut mempelopori sukan pelayaran dengan penglibatan dalam Persatuan Pelayaran Negeri Johor (PPNJ) dan Persatuan Pelayaran Malaysia (MSA). YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation menerajui kedua-dua persatuan ini selaku Presiden. Kedua-dua OBA ini aktif dalam memberi galakan dan membangunkan sukan perahu layar di peringkat tempatan malah antarabangsa. Selain semakin menguasai arena tempatan, atlet perahu layar kini mencapai kejayaan memberangsangkan di peringkat antarabangsa.

Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka Johor 2015 yang diadakan di Pantai Tanjung Leman, Mersing bermula 17-20 September 2015 adalah acara yang semakin mendapat perhatian di kalangan peminat sukan perahu layar. Kejohanan itu turut menggamit ramai

PROJEK TUISYEN

memberi manfaat kepada

1,500
murid kurang
berkemampuan
dan anak yatim



pelancong dan mempromosikan Tanjung Leman sebagai pusat peranginan dan pusat sukan air di Johor.

Dalam Sukan SEA Ke-28 di Singapura pada 5 hingga 15 Jun 2015, pasukan perahu layar paling banyak menyumbang pingat untuk negara dengan 7 emas, 5 perak dan 2 gangsa.

MSA dengan kerjasama Persekutuan Pelayaran Antarabangsa (ISAF) berjaya menganjurkan ISAF Youth Sailing World Championship (ISAF YWC) 2015 di Pulau Langkawi, Kedah pada 27 Disember 2015 hingga 3 Januari 2016.

Kejohanan itu disertai 424 pelayar remaja dari 76 negara dan mencatatkan kejayaan tersendiri dengan penyertaan tertinggi dalam sejarah penganjuran ISAF YWC sejak 45 tahun lalu. Kejayaan dan kecekapan MSA menganjurkan kejohanan bertaraf dunia ini diakui serta diiktiraf sebagai antara yang terbaik dan berada di dalam kelas yang tersendiri oleh *World Sailing*.



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

KELAB MOTOR JOHOR

Kelab Motor Johor antara kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang aktif dengan menganjurkan acara seperti:

- Johor Clubman Race
- Johor Sprint Challenge
- Saturday Nite Sprint
- Petronas AAM Malaysian Cub Prix
- Kejohanan Motocross Championships

Kelab Motor Johor juga mendapat kepercayaan AAM untuk menganjurkan Kejohanan Motorcross yang diadakan di Litar Motorcross Bandar Tiram, Johor Bahru. Kejohanan ini telah dianjurkan dua kali pada 2015 yang berlangsung pada 17 Mei 2015 dan 29 November 2015. Kejohanan ini turut mendapat sokongan Johor Land Berhad dari segi penajaan kewangan dan lokasi kejohanan.

MUTIARA JOHOR CORPORATION

Mutiara Johor Corporation ditubuhkan untuk menjaga kebaikan ahli yang terdiri daripada anggota pekerja wanita dan isteri anggota pekerja Johor Corporation di samping menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan, sosial, pendidikan, kebaikan dan sukan. Seiring dengan gaya hidup yang turut mementingkan kesihatan dan penampilan, Mutiara Johor Corporation menganjurkan ZumbaRobic, Ceramah Kesihatan dan Aquarobik.

Mutiara Johor Corporation dengan kerjasama Damansara Assets Sdn Bhd dan Angry Birds Activity Park turut menganjurkan program ‘Kasih Disayang’ yang melibatkan kanak-kanak dari rumah/persatuan kebaikan dan sekolah terpilih.

PROGRAM KEUSAHAWANAN BISTARI

Pada 2015, seramai 1,050 pelajar dari 70 sekolah menengah dan 1,000 murid dari 100 sekolah rendah di seluruh Johor terlibat dalam Program Keusahawanan BISTARI. Setakat 2015, seramai 20,725 pelajar dari 176 sekolah menengah telah terlibat dan mendapat manfaat daripada Program Tunas BISTARI. Bagi Program Didik BISTARI, 9,410 murid dari 138 sekolah rendah terlibat sejak program itu diperkenalkan pada 2005.



Pembudayaan keusahawanan ini turut diterapkan kepada siswa di Institusi Pengajian Tinggi melalui Program Siswa BISTARI di mana 26 syarikat ditubuhkan di UiTM Johor dan UiTM Shah Alam sejak 2004.

TABUNG TIJARAH RAMADHAN

Tabung Tijarah Ramadhan (TTR) adalah inisiatif Johor Corporation untuk memberi bantuan kewangan bagi tujuan perubatan, mangsa bencana dan golongan memerlukan. Sejak dilancarkan pada 2005 sehingga Disember 2015, lebih RM3 juta dikumpulkan oleh TTR hasil sumbangan badan korporat dan orang awam melalui SMS serta deposit tunai dan cek dari seluruh negara.

Daripada jumlah itu, TTR menyalurkan lebih RM3 juta juga kepada golongan memerlukan dari seluruh negara. Bagi tempoh Januari-Disember 2015, lebih RM400,000 telah disumbangkan. Pada 2015, TTR menerima sumbangan RM336,000 daripada syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation selain sumbangan orang awam sebanyak RM20,735, hibah bank RM3,567 dan autodebit serta potongan gaji anggota pekerja Johor Corporation sebanyak RM19,147.

BRIGED WAQAF™

Briged Waqaf adalah pasukan sukarelawan daripada anggota pekerja Johor Corporation dan Kumpulan. Mereka aktif memberikan bantuan kemanusiaan dan melaksanakan program kemasyarakatan. Briged Waqaf memainkan peranan signifikan dalam memberi bantuan bagi meringankan beban mangsa banjir di kalangan anggota pekerja Johor

Corporation di Pantai Timur. Tiga Misi Bantuan Kemanusiaan dilancarkan akhir Disember 2014 sehingga Februari 2015.

Bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran anggota Briged Waqaf, Kursus Asas Pengurusan Bencana dan Pertolongan Cemas telah diadakan oleh Kompeni Khalid Al Walid di Tunjuk Laut Beach Resort, Tanjung Leman, Mersing pada 9-11 Mei 2015.

WAQAF DANA NIAGA

Waqaf Dana Niaga – satu lagi inisiatif menyediakan modal tanpa faedah kepada individu yang ingin memulakan bisnes atau usahawan yang mahu mengembangkan bisnes sedia ada. Projek ini bertujuan meningkatkan syiar Islam melalui bisnes dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada semua usahawan Islam yang memerlukan. Bagi 2015, jumlah sumbangan dan penerima bantuan ialah RM615,800 melibatkan 319 penerima.

RANGKAIAN MASJID AN-NUR

WANCorp menguruskan lima masjid iaitu Masjid An-Nur Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang dan Taman Cendana. Terbaru, WANCorp juga menguruskan masjid keenam Johor Corporation iaitu Masjid An-Nur Bandar Dato' Onn. Masjid ini yang terbesar dalam Rangkaian Masjid An-Nur dan boleh memuatkan lebih 4,600 jemaah pada satu masa.

20,725

pelajar serta
Program BISTARI

MODAL INSAN



Aspek pengurusan sumber manusia di Johor Corporation agak mencabar bagi tempoh 2015. Bagaimanapun, Johor Corporation terus komited dalam mewujudkan suasana kerja kondusif seterusnya melahirkan anggota pekerja cemerlang dan berinovasi tinggi.



Antara tradisi Johor Corporation ialah penganjuran Perhimpunan Dialog dan Amanat (PEDOMAN) yang diperkenalkan sejak 1985. Ia platform perkongsian maklumat dua hala pihak pengurusan tertinggi dengan seluruh anggota pekerja. Majlis PEDOMAN Johor Corporation 2015 diadakan pada 15 Januari manakala PEDOMAN Eksekutif pada 7 Julai.

Selain itu, ruang diskusi dan perkongsian maklumat turut diadakan melalui siri Sesi Bersama Presiden.

Sementara itu, hasil Kajian Tahap Kepuasan Anggota Pekerja pada 2014, Johor Corporation telah merangka Pelan Perantaraan (*Intervention Plan*) sebagai langkah penambahbaikan berdasarkan input soal selidik tersebut dan langkah itu dijangka dilaksanakan pada 2016.

Sebagai menghargai anggota pekerja yang lama berkhidmat dan pesara Johor Corporation, Majlis Persaraan & Anugerah Khidmat Setia Anggota Pekerja diadakan pada 3 Jun 2015. Pada majlis ini, pesara dan anggota pekerja yang berkhidmat 10, 15, 20, 25, 30 dan 35 tahun masing-masing menerima Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium.



Penguasaan ilmu menjadi tunjang utama kejayaan Johor Corporation. Antara inisiatif yang dilakukan bagi maksud itu ialah menerapkan pematuhan terhadap nilai ibadah dalam aspek pekerjaan melalui Program Mukmin Profesional Modul Ke-2 dan penganjuran Johor Corporation Leadership Programme (JLP).

JLP 2015 melibatkan 38 peserta dan ia adalah program kepimpinan berstruktur selama dua tahun bertujuan melahirkan barisan kepimpinan masa hadapan untuk Johor Corporation serta syarikat dalam Kumpulan.

Bagi meningkatkan lagi kemahiran dan keyakinan anggota pekerja dalam berkomunikasi, kelab *Toastmaster* ditubuhkan dan setakat ini mengumpulkan 96 ahli. Mesyuarat kelab diadakan dua kali sebulan dan diterajui di kalangan anggota pekerja sendiri.

Pada 4 Jun 2015, Johor Corporation melancarkan Johor Corporation Education Sponsorship Programme (JESP) sebagai satu lagi inisiatif pembangunan modal insan. Ia melibatkan kos RM16 juta dan mensasarkan 100 bakal graduan dalam bidang ekonomi, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan berdasarkan keperluan serta sinergi bisnes Kumpulan Johor Corporation. Seramai 34 peserta berjaya mengharungi proses pemilihan

di mana 28 calon terpilih ke peringkat asasi, matrikulasi, A-Level dan ijazah sarjana muda manakala enam mendapat tajaan melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Pada 4 Mac 2015, Johor Corporation Chartered Accountancy Programme dilancarkan bagi melahirkan lebih ramai aktauntan bertauliah di Johor. Program ini adalah kerjasama strategik Johor Corporation dengan firma perakaunan utama tempatan iaitu Ernst & Young, PwC, KPMG, Delloitte, BDO dan satu firma luar negara iaitu Flemmings Chartered Accountants, United Kingdom. Seramai 31 peserta terpilih untuk program ini di mana 26 peserta ditempatkan di firma perakaunan utama tempatan manakala lima peserta terbaik dihantar ke Flemmings, United Kingdom. Semua peserta program ini dilatih untuk memperolehi satu daripada kelulusan berikut - ICAEW, ACCA, CIMA atau MICPA.

Bagi aktiviti menyuburkan budaya kualiti dan inovasi, program *Innovative & Creative Circle (ICC)*, *Cross Functional Team (XFT)*, Cadangan dan Idea Ke Arah Kecemerlangan (CEMPAKA), serta Persekutuan Berkualiti (QE/5S) dianjurkan. Kemuncak program ini adalah penganjuran pertandingan MEKAR 2015 yang menggabungkan penyertaan syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation sebagai platform perkongsian idea, kreativiti dan aktiviti kualiti.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Menjadi dasar Johor Corporation bagi memastikan seluruh operasinya mematuhi tadbir urus korporat yang baik. Perubahan persekitaran bisnes serta cara ia dijalankan menjadi faktor utama pembentukan tadbir urus korporat sesebuah organisasi. Sehubungan itu, Johor Corporation sebagai sebuah perbadanan pelaburan di bawah Kerajaan Negeri Johor, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor No. 4/1968 (sebagaimana pindaan Enakmen No. 5/1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

Johor Corporation sentiasa menjalankan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat dalam Kumpulan melalui Ahli Lembaga Pengarah, sistem pentadbiran syarikat dan semua jawatankuasa tadbir urusnya. Kami berbangga dengan piawaian tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina dan percaya semua ini adalah penting bagi membina jenama yang kukuh serta mampu mempertahankan nilai semua pihak berkepentingan. Johor Corporation juga mengamati piawaian yang tinggi mengenai amalan korporat yang selari dengan prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (yang bersesuaian).

Kami meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur yang mudah difahami. Berikut gambaran amalan tadbir urus korporat Kumpulan seperti dinyatakan.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi

Lembaga Pengarah Johor Corporation dianggotai 12 ahli terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, tiga wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor, tiga wakil daripada Kerajaan Persekutuan, tiga Pengarah Bebas dan juga Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation. Semuanya kecuali Presiden & Ketua Eksekutif, adalah Pengarah Bukan Eksekutif.

Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi Johor Corporation dengan cara menetapkan hala tuju dan objektif, memastikan kecukupan serta ketelusan strategi, prestasi kewangan, isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman Johor Corporation.

Seperti termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Presiden & Ketua Eksekutif bertanggungjawab mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ia berkualiti dan terkini.

Sebaliknya, Pengerusi yang merupakan bukan kalangan pengurusan pula bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan juga pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu strategik dan proses perancangan bisnes.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat bagi menganalisis prestasi Johor Corporation dan menyelesaikan perkara berkaitan isu dasar dan strategik bisnes dalam Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima Ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2015, Lembaga Pengarah bersidang empat kali.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi serta memudahkan membuat keputusan, dan pada masa sama memastikan kawalan bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong tiga jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Audit, Jemaah Lembaga Tawaran Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding serta Jawatankuasa Projek Khas. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

Capaian kepada Maklumat

Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat mencukupi dan terkini kepada Lembaga Pengarah bagi memudahkan mereka membuat keputusan. Pengurusan juga menyediakan laporan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan secara berterusan.

SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaannya dalam syarikat milik Johor Corporation diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Syarikat - penyedia perkhidmatan kesetiausahaannya korporat bagi syarikat dalam Kumpulan. Fungsi jabatan ini disokong barisan setiausaha berkelayakan dan ia bertanggungjawab memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 dan Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia serta Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab memastikan Ahli Lembaga Pengarah mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat dimajukan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk kelulusan.

Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Syarikat bertanggungjawab mentadbir pelantikan pengarah syarikat setiap tahun serta memenuhi kriteria ditetapkan seperti lulus semua peperiksaan wajib, berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dan sebagainya.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS

Johor Corporation sentiasa mendokong struktur dan sistem membuat keputusan berdasarkan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa berkaitan.

• Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)

Jawatankuasa ini dipengerusikan Presiden & Ketua Eksekutif dan dianggotai 10 ahli yang peranannya termasuk membincang dan memutuskan isu strategik Johor Corporation dan juga syarikat dalam Kumpulan.

• Jawatankuasa Teraju Korporat

Jawatankuasa ini dipengerusikan Presiden & Ketua Eksekutif dengan 21 ahli. Peranan jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan yang dibuat dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.

• Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

Jawatankuasa ini dipengerusikan Naib Presiden Kanan (Divisyen Kewangan & Khidmat Korporat) dan dianggotai 17 ahli dari kalangan pengurusan Johor Corporation. Jawatankuasa ini membincangkan perkara berkaitan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan yang signifikan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk pertimbangan dan kelulusan lanjut.

• Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)

Dipengerusikan Naib Presiden (Pembangunan Strategik, Divisyen Pembangunan Bisnes), jawatankuasa ini membincangkan semua cadangan projek serta pelaburan baharu. Ia dianggotai 11 ahli yang dilantik dari kalangan pengurusan kanan Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan.

Di samping empat jawatankuasa utama seperti dinyatakan, terdapat lebih 50 jawatankuasa tadbir urus yang mempunyai fungsi dan terma rujukan masing-masing dalam memantau operasi Kumpulan. Antara jawatankuasa itu ialah Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Penilaian Prestasi, Jawatankuasa Kemudi Korporat, Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Induk Kewangan serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

TADBIR URUS KORPORAT ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCOP


Terdapat lima entiti dalam Kumpulan Johor Corporation tersenarai di Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Al-Aqar Healthcare REIT, E.A. Technique (M) Berhad dan Al-Salam REIT. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.

PENGUKUHAN TADBIR URUS KORPORAT

Johor Corporation berpegang kepada tanggapan utama tadbir urus korporat seperti dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan 1999. Ia melibatkan konsep tadbir urus korporat yang melangkaui undang-undang dan peraturan korporat tetapi pada dasarnya merujuk kepada sistem, proses dan struktur sesebuah organisasi.

Bagi memperkuuhkan lagi rangka kerja tadbir urus korporat Johor Corporation di samping memantapkan lagi peranannya sebagai institusi ekonomi negeri Johor, Presiden & Ketua Eksekutif memperkenalkan konsep Misi Kesinambungan Bisnes di peringkat Johor Corporation. Pada asasnya, Misi Kesinambungan Bisnes ini merujuk kepada idea utama seperti berikut:

"Memastikan Johor Corporation kekal relevan dan berdaya tahan sebagai sebuah institusi ekonomi dalam landskap abad ke-21 - berdaya saing dalam menjalankan bisnes, menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan memberi manfaat kepada pemegang-pemegang kepentingan melalui tadbir urus, inovasi dan tanggungjawab korporat"



Jabatan Kesinambungan Bisnes ditubuhkan dengan mandat untuk mengkaji dan memperkuuhkan sistem dan amalan tadbir urus di Johor Corporation khususnya berhubung inovasi dan tanggungjawab korporat. Sepanjang 2015, jabatan itu ditugaskan antara lain untuk menyempurnakan empat inisiatif utama iaitu:

(i) Memperkasa tahap pengetahuan asas anggota pekerja Johor Corporation berhubung inovasi dan tanggungjawab korporat - Sejumlah 173 pengurusan pertengahan dan eksekutif, 58 Intrapreneur dan 58 peserta Program Kepimpinan Johor Corporation dilatih pada tahun lepas;

(ii) Merumus rangka kerja strategik inovasi dan tanggungjawab korporat Johor Corporation - Rangka kerja inovasi Johor Corporation mengandungi lima (5) teras, 29 bidang utama, 52 polisi dan 25 projek untuk dilaksanakan. Manakala, rangka kerja tanggungjawab korporat Johor Corporation pula mengandungi lima (5) teras, 10 bidang utama, 29 polisi dan 20 projek untuk dilaksanakan;

(iii) Mengenalpasti tiga (3) bidang ekonomi utama masa hadapan Johor Corporation dan tiga (3) produk/perkhidmatan berinovatif yang berpotensi dibangunkan - Pasukan petugas mencadangkan lima (5) bidang ekonomi utama baharu untuk Johor Corporation dan lima (5) produk inovatif/perkhidmatan yang akan dibangunkan oleh Johor Corporation; dan

(iv) Penzahiran inisiatif (i) - (iii) kepada warga Johor Corporation melalui pengelolaan program Misi Kesinambungan Bisnes JCOP 2015: Inovasi & Tanggungjawab Korporat dan pembangunan barometer sumbangsih ekonomi Johor Corporation. Acara itu diadakan dari 30 November hingga 2 Disember 2015 di Persada Johor International Convention Center, Johor Bahru. Ianya menzhahirkan deraf rangka kerja strategik inovasi dan tanggungjawab korporat untuk tatapan dan komen dari anggota pekerja Johor Corporation di samping menampilkan aktiviti seperti Luncheon Talk, Pocket Talks, pameran produk dan perkhidmatan berinovatif serta penceramah tersohor yang mengupas konsep inovasi dan tanggungjawab korporat.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

KETELUSAN

Ketelusan dalam menjalankan bisnes

Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan komited dalam membantu usaha kerajaan membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di peringkat organisasi dan individu di samping membudayakan integriti dalam menjalankan bisnes. Sebagai buktinya, Ikrar Integriti Korporat telah ditandatangani oleh Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation pada 26 November 2013 dan diikuti syarikat dalam Kumpulan pada 8 Januari 2014.

Seterusnya, Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan program integriti tidak berakhir begitu sahaja. Satu polisi yang dilaksanakan di Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan ialah Polisi Tiada Hadiah dan Keraian yang diperkenalkan pada 21 Julai 2014. Antara tujuan polisi itu ialah:

- Mewujudkan budaya tidak menerima apa-apa hadiah atau keraian sebelum, semasa atau selepas menuaikan tanggungjawab daripada mereka yang ada urusan rasmi dengan anggota pekerja.
- Mengelakkan anggota pekerja berada dalam keadaan serba salah semasa membuat sesuatu keputusan atau mengelak dari berlakunya konflik kepentingan.
- Mengelakkan tohmahan dari mana-mana pihak bahawa hadiah atau keraian yang diterima adalah rasuah yang boleh menjelaskan nama baik dan reputasi Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan.

Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan adalah satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberi pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim CEMPAKA dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea bernes dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada Johor Corporation.

Selain itu, Johor Corporation mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan akan digunakan anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, Johor Corporation turut memanjangkan Borang Perakuan Peradaban ini kepada kontraktor dan pembekal.

Dalam usaha memperkuuhkan mekanisma pengaduan sedia ada, Johor Corporation melaksanakan polisi *Whistleblowing* di mana identiti pengadu yang membuat aduan atau menyebarkan maklumat dengan niat baik, akan dirahsiakan dan diberi perlindungan daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.

Polisi *Whistleblowing* bertujuan memudahkan anggota pekerja Johor Corporation, kontraktor, pembekal, ejen atau mana-mana pihak luar untuk membuat pendedahan berkaitan apa-apa kelakuan tidak wajar dalam pengetahuan mereka. Polisi ini juga bertujuan memberi perlindungan ke atas identiti pemberi maklumat yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar seperti di bawah Seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Sebarang aduan diterima akan dibawa kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat untuk tindakan selanjutnya.

Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu yang dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pembangunan Modal Insan bersama setiap Ketua Jabatan terlibat akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

Johor Corporation juga menerima pakai sistem Penilaian Timbal Balik di mana Eksekutif Kanan ke atas akan dinilai oleh anggota pekerja bawahan dan juga rakan sekerja.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT


Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan penyata kewangan yang dibentang supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat berhubung kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula mengkaji laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran munasabah; dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam yang menggariskan skop dan bentuk pengurusan risiko dan kawalan dalam Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti dinyatakan di muka surat 57.

Perhubungan dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit Johor Corporation sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalam serta luaran. Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit ini digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 59.



PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Johor Corporation komited membina dan memupuk budaya kerja berasaskan tadbir urus korporat yang baik dalam organisasinya. Rangka kerja tadbir urus yang baik dapat membentuk struktur tanggungjawab, kuasa dan tadbir urus yang lebih jelas. Antara keperluan tadbir urus yang baik ialah untuk memastikan semua isu berkaitan risiko dipertimbangkan, diurus dan dipantau dalam aktiviti Johor Corporation dan Kumpulan. Sistem dan kawalan dalaman pula merangkumi dasar, tatacara dan garis panduan berkenaan pelbagai perkara daripada aspek pengurusan risiko dan kelulusan pelaburan kepada nilai korporat serta amalan tadbir urus.

PENGURUSAN RISIKO

Fungsi pengurusan risiko Johor Corporation ialah memberi sumbangan kukuh terhadap pencapaian objektif korporat Johor Corporation dan Kumpulan serta membantu hala tuju strategiknya. Ini membolehkan entiti ini memanfaatkan peluang dalam meningkatkan pelaburan, prestasi dan perkhidmatan. Sekaligus, memastikan setiap keputusan diambil adalah berdasarkan kepada analisis yang realistik dan praktikal sambil menimbang risiko dan impaknya.

Mengurus kesinambungan bisnes juga adalah sebahagian daripada pengurusan risiko yang ditekankan oleh Johor Corporation dan Kumpulan untuk memastikan wujud kesinambungan dalam proses bisnes utama dalam mencapai matlamatnya.

Johor Corporation dan Kumpulan bertanggungjawab mengurus profil risiko dengan kerap, sistematik dan teliti pada peringkat strategik, kewangan mahupun operasi. Ini dilakukan dengan menentukan pengurusan risiko diambilkira dalam rangka kerja dan mengenalpasti cara memperbaikinya. Dengan cara ini, Johor Corporation dan Kumpulan bukan sahaja mengurangkan risiko malah meningkatkan peluang pelaburan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC telah ditubuhkan dalam tahun 2008 bertujuan untuk mengenalpasti, mengurus serta memantau risiko yang dihadapi oleh Johor Corporation dan Kumpulan. Tanggungjawab utama RMC adalah untuk membantu Ahli Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko utama Johor Corporation.

Tugas dan tanggungjawab RMC antara lain termasuk:

- Menyelia prosedur dan amalan dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan memantau pendedahan risiko Johor Corporation dan Kumpulan.
- Memberi pandangan kepada pihak Pengurusan dari masa ke semasa berhubung jenis-jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan bagi menguruskan risiko yang dihadapi.
- Melaporkan kepada Ahli Lembaga Pengarah berhubung isu berkaitan risiko Johor Corporation dan Kumpulan dari masa ke semasa.
- Mengenalpasti dan menilai risiko utama dihadapi unit bisnes setiap divisyen dalam Johor Corporation dan Kumpulan secara sistematis.
- Menilai potensi peluang dan risiko.
- Membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang khusus dan menentukan tanggungjawab bagi setiap pelan dan tindakan untuk menguruskan risiko utama dalam unit bisnes.
- Meninjau trend risiko, status pelan tindakan dan laporan terkini untuk dimaklumkan kepada ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation secara dwibulanan.

Bagi tahun pelaporan berakhir 31 Disember 2015, RMC telah mengadakan tiga mesyuarat iaitu pada Februari, Ogos dan November 2015. Mesyuarat ini telah meneliti dan menilai dengan lengkap aktiviti pengurusan risiko Johor Corporation dan Kumpulan serta mencadangkan langkah mengurangkan impak risiko perniagaan mereka. RMC membantu dalam usaha melaksanakan kawalan dalaman yang kukuh dan mengiktiraf keperluan sistem untuk terus berkembang menyokong semua bisnes sedia ada dan akan datang.

CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujudnya langkah kawalan bersesuaian. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalaman *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission's (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi harta tanah dan pengurusan sumber manusia.

Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan setiap syarikat dan disemak Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan garis panduan yang direka untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanannya yang optimum dan keputusan kewangan yang dirancangkan. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset daripada kerugian fizikal dan menginsurankannya pada tahap wajar.



SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



Penilaian Pelaburan

Kumpulan menyediakan prosedur jelas berhubung kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan ke atas perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh kedua-dua jawatankuasa Panel dan juga Jawatankuasa JAWS sebelum dibentangkan kepada mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau pengurusan dan diaudit oleh Jabatan Pematuhan & Audit Dalaman Kumpulan (GCIA). GCIA menggunakan perancangan audit berasaskan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop

pengauditannya termasuk ke atas risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan Johor Corporation (IAC) dan Jawatankuasa Audit Johor Corporation (BAC) serta memantau pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GCIA dengan dibantu jabatan audit dalaman syarikat tersenarai masing-masing. GCIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau BAC untuk kelulusan.

Johor Corporation juga adalah ahli korporat dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GCIA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Profesional Antarabangsa dan telah menerima pakai

piawaian ini ketika melaksanakan pengaudit. Piawaian itu meliputi keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan pengurusan aktiviti audit dalaman.

Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional lagi cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka sentiasa relevan dan terkini, GCIA juga menyediakan peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjanya, termasuk program Juruaudit Dalaman Bertauliah (*Certified Internal Auditor*). Seramai 10 juruaudit bertauliah sedang berkhidmat di dalam Kumpulan pada masa kini.

10

JURUAUDIT bertauliah berkhidmat dalam Kumpulan Johor Corporation

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

KOMPOSISI

Jawatankuasa Audit dipengerusikan YBhg Encik Izaddeen Daud, Pengarah Bebas. Ahli jawatankuasa lain ialah YB Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam dan YBhg Puan Zainah Mustafa, masing-masing merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bebas syarikat tersenarai luar dan dalam Kumpulan Johor Corporation. YB Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit yang baharu berkuatkuasa 25 Ogos 2015. Manakala, YBhg Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, bekas Ketua Audit Negara bersara mulai 23 Februari 2016.

YB Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam adalah Pegawai Kewangan Negeri Johor, manakala Puan Zainah Mustafa merupakan ahli felo Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) United Kingdom.

KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pada 2015, jawatankuasa itu mengadakan tiga kali mesyuarat seperti berikut:

	TARIKH MESYUARAT		
	5 Mac	28 Ogos	16 Nov
Encik Izaddeen Daud	✓	✓	✓
Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam (dilantik mulai 25 Ogos 2015)	-	-	✓
Puan Zainah Mustafa	✓	✓	✓
Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil (bersara pada 23 Februari 2016)	✓	✓	-

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuk:

Kawalan Dalaman

- Menimbang keberkesanan kawalan dalaman syarikat ke atas laporan kewangannya termasuk kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan luaran ke atas kawalan dalaman bagi perkara berikut:
 - Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
 - Keberkesanan dan kecekapan operasi;
 - Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan;
 - Perlindungan harta syarikat.

Audit Dalaman

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan Johor Corporation (IAC);
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk melaksanakan pengauditan;
- Menimbang penemuan audit yang penting daripada siasatan dalaman dan maklum balas pengurusan;
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Eksekutif Audit untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ia perlu dibincangkan secara tertutup.

Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ia perlu dibincangkan secara tertutup;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan juga ulasan pengurusan;
- Meneliti pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusyikilan berkaitan dengan perlantikan jawatan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah;
- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujud penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan Johor Corporation dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:
 - Perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
 - Pelarasan penting yang timbul daripada audit;
 - Andaian operasi yang berterusan; dan
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

Pengurusan Risiko

- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Pengurusan Kesinambungan Bisnes

- Memantau pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation yang memberi tumpuan kepada tanggungjawab korporat dan inovasi iaitu:
 - Perumusan rangka kerja tanggungjawab korporat dan inovasi Johor Corporation;
 - Mengenalpasti tiga bidang ekonomi baharu serta mencadangkan tiga produk atau perkhidmatan berinovatif yang boleh diceburi Johor Corporation;
 - Pengukuhan ilmu berhubung tanggungjawab korporat dan inovasi di kalangan warga Johor Corporation; dan
 - Penzahiran pelaksanaan inisiatif kesinambungan bisnes.
- Meneliti dan menilai keberhasilan pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation;
- Memberi cadangan dan idea bernilai tambah ke arah memantapkan agenda pengurusan bisnes Johor Corporation.

Inspektorat

- Membincangkan penemuan hasil daripada pengawasan dan penilaian ke atas aktiviti dan projek yang dibangunkan oleh Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan.

Pelan Perancangan Strategik

- Menyemak dan meneliti pelan perancangan strategik Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan.

Litigasi Material

- Membincangkan isu litigasi yang memberikan impak besar serta mengganggu kelangsungan bisnes Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan.

Tanggungjawab Lain

- Menjalankan aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti yang dijalankan Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

- Meneliti laporan mesyuarat IAC yang diadakan pada 17 Februari dan 18 Ogos dan November 2015;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan 2016;
- Membincangkan masalah dan perkara yang timbul ketika audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 23 Februari, 18 Ogos dan 11 November 2015;
- Meneliti penyempurnaan inisiatif strategik Misi Kesinambungan Bisnes Johor Corporation yang dilaksanakan sepanjang 2015 oleh Jabatan Pengurusan Kesinambungan Bisnes;
- Membincangkan penemuan pengawasan projek yang dilaporkan Jabatan Inspektorat beserta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek; dan
- Meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan.

PENYATA KEWANGAN

62	Sijil Ketua Audit Negara
64	Laporan Para Pengarah
67	Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akuan Kumpulan)
68	Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation
69	Penyata Pendapatan Komprehensif
71	Penyata Kedudukan Kewangan
73	Penyata Perubahan Ekuiti
76	Penyata Aliran Tunai
79	Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan
202	Senarai Syarikat-Syarikat Anak, Syarikat-Syarikat Bersekutu dan Syarikat-Syarikat Usahasama



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta perseimbahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 30(i), Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Perbadanan Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

PUTRAJAYA
18 MAC 2016



LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, “intrapreneur ventures”, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM Juta	Johor Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, selepas cukai	424	219
Keuntungan daripada operasi dihentikan, selepas cukai	1,316	-
Keuntungan bersih selepas cukai	1,740	219
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Milikan Johor Corporation	1,067	219
Kepentingan bukan kawalan	673	-
	1,740	219

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin	(Pengerusi)
YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	(Timbalan Pengerusi)
YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Presiden & Ketua Eksekutif)
YB Dato' Haji Ismail Bin Karim	
YB Dato' Ishak Bin Sahari	
YB Tuan Haji Mohd Nasir Bin Abd Salam	(Dilantik pada 20 Jun 2015)
YBhg Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff	(Dilantik semula pada 15 April 2015)
YBhg Dato' Siti Zauyah Binti Md Desa	
YBhg Dato' Azman Bin Mahmud	(Dilantik pada 1 Mac 2016)
YBhg Dato' Hafsa Binti Hashim	
YB Tuan Haji Md Jais Bin Haji Sarday	
YBhg Encik Izaddeen Bin Daud	
YB Dato' Haji Marsan Bin Kassim	(Bersara pada 19 Jun 2015)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
- (i) tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan di dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
- (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
 - (iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

LAPORAN PARA PENGARAH

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) kecuali sebagaimana yang didedahkan dalam penyata kewangan, dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Pengerusi

DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

17 MAC 2016

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH JOHOR CORPORATION (AKAUN KUMPULAN)

Kami, Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Pengerusi

DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

17 MAC 2016

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION

Saya, Rozaini Bin Mohd Sani, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhtisasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Johor Bahru pada **17 MAC 2016**



Dihadapan saya,



No. 89, Jalan Trus
80000 Johor Bahru

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Nota	Kumpulan 2015	Dinyatakan semula 2014	Johor Corporation 2015	Dinyatakan semula 2014
Operasi berterusan					
Hasil	4	5,318	4,587	574	204
Kos jualan		(3,787)	(3,277)	(121)	(49)
Keuntungan kasar		1,531	1,310	453	155
Lain-lain item pendapatan					
Lain-lain pendapatan	5	630	853	170	286
Lain-lain item perbelanjaan					
Perbelanjaan pengedaran		(83)	(43)	(19)	(10)
Perbelanjaan pentadbiran		(910)	(889)	(112)	(60)
Kos kewangan	7	(411)	(370)	(128)	(126)
Lain-lain perbelanjaan	6	(268)	(257)	(89)	(37)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		24	24	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		36	(27)	-	-
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	8	549	601	275	208
Cukai pendapatan	11	(125)	(121)	(56)	13
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		424	480	219	221
Operasi yang dihentikan					
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	1,316	247	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai		1,740	727	219	221

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

Nota	Kumpulan 2015	Dinyatakan semula	Johor Corporation	
			2015	2014 Dinyatakan semula
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:				
Kerugian bersih atas aliran tunai lindung nilai	-	(10)	-	-
Kerugian bersih atas aset kewangan sedia untuk dijual	(5)	(1)	-	-
Pertukaran matawang asing dari operasi asing	2	97	-	-
Lain-lain pendapatan komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:				
Lebihan bersih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	162	28	-	-
Lain-lain pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai	159	114	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	1,899	841	219	221
Keuntungan dikaitkan kepada:				
Milikan Johor Corporation	1,067	401	219	221
Kepentingan bukan kawalan	673	326	-	-
	1,740	727	219	221
Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:				
Milikan Johor Corporation	1,144	423	219	221
Kepentingan bukan kawalan	755	418	-	-
	1,899	841	219	221

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Nota	31.12.2015	Kumpulan Dinyatakan semula	1.1.2014 Dinyatakan semula	Johor Corporation			SEKSYEN 1					
					31.12.2015	31.12.2014 Dinyatakan semula	1.1.2014 Dinyatakan semula						
ASET													
Aset bukan semasa													
Harta, loji dan kelengkapan	14	7,609	7,212	9,786	357	671	520						
Tanah bagi pembangunan harta tanah	24(a)	190	119	164	108	26	26						
Harta tanah pelaburan	15	3,101	2,686	2,306	1,421	1,225	1,108						
Aset tidak zahir	16	304	302	408	-	-	-						
Hak-hak guna tanah	17	99	126	154	-	-	-						
Pelaburan dalam syarikat- syarikat anak	18	-	-	-	3,314	3,769	3,443						
Pelaburan dalam syarikat- syarikat bersekutu	19	267	268	285	36	36	36						
Pelaburan dalam syarikat- syarikat usahasama	20	1,287	1,246	1,272	-	-	-						
Aset cukai tertunda	22	257	160	95	-	6	-						
Lain-lain pelaburan	13	254	139	66	23	4	4						
		13,368	12,258	14,536	5,259	5,737	5,137						
Aset semasa													
Kos pembangunan harta tanah	24(b)	969	862	877	348	430	436						
Inventori	25	166	174	804	22	72	80						
Penghutang perdagangan dan lain-lain	23	1,609	991	1,065	492	354	302						
Lain-lain aset semasa	26	52	47	76	-	7	17						
Lain-lain pelaburan	13	143	107	64	98	42	48						
Cukai boleh diperolehi kembali		50	-	5	10	71	75						
Derivatif instrumen kewangan	27	1	2	16	-	-	-						
Baki tunai dan bank	28	2,401	1,048	1,105	111	85	91						
		5,391	3,231	4,012	1,081	1,061	1,049						
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	21	54	4,859	6	37	63	26						
		5,445	8,090	4,018	1,118	1,124	1,075						
Jumlah aset		18,813	20,348	18,554	6,377	6,861	6,212	SEKSYEN 5					

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Nota	31.12.2015	Kumpulan	1.1.2014	31.12.2015	Johor Corporation	1.1.2014
			31.12.2014 Dinyatakan semula			31.12.2014 Dinyatakan semula	
EKUITI DAN LIABILITI							
Liabiliti semasa							
Liabiliti cukai semasa		49	40	54	-	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	30	1,285	2,246	1,634	56	62	61
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	31	2,034	1,960	1,931	936	1,620	1,220
		3,368	4,246	3,619	992	1,682	1,281
Liabiliti langsung berkaitan dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	21	-	2,085	-	-	-	-
		3,368	6,331	3,619	992	1,682	1,281
Jumlah aset bersih semasa/ (liabiliti)		2,077	1,759	399	126	(558)	(206)
Liabiliti bukan semasa							
Lain-lain pemiutang	31	-	-	-	352	453	424
Lain-lain liabiliti jangka panjang	29	502	415	400	390	290	267
Liabiliti cukai tertunda	22	490	343	1,032	3	-	20
Pembiayaan dan pinjaman	30	6,732	5,930	6,930	2,969	2,974	2,977
		7,724	6,688	8,362	3,714	3,717	3,688
Jumlah liabiliti		11,092	13,019	11,981	4,706	5,399	4,969
Jumlah aset bersih		7,721	7,329	6,573	1,671	1,462	1,243
Ekuiti							
Rizab modal	32(a)	369	292	290	55	55	55
Rizab penilaian semula	32(b)	848	784	773	-	-	-
Rizab turun naik matawang	32(c)	(74)	(91)	(145)	-	-	-
Rizab pelarasian nilai saksama	32(d)	48	51	51	-	-	-
Rizab urusniaga ekuiti	32(e)	(56)	(56)	(56)	-	-	-
Rizab hasil	32(f)	2,694	1,807	1,441	1,616	1,407	1,188
		3,829	2,787	2,354	1,671	1,462	1,243
Kepentingan bukan kawalan		3,892	4,542	4,219	-	-	-
Jumlah ekuiti		7,721	7,329	6,573	1,671	1,462	1,243
Jumlah ekuiti dan liabiliti		18,813	20,348	18,554	6,377	6,861	6,212

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUTI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUIN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Rizab modal	Rizab penilaian semula	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urusniaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
2014									
Kumpulan									
Baki awal pada 1 Januari 2014	290	766	(145)	51	(56)	1,598	2,504	4,219	6,723
Seperi dilaporkan sebelum ini	-	7	-	-	-	(157)	(150)	-	(150)
Pelarasan tahun terdahulu									
Pada 1 Januari 2014 (dinyatakan semula)	290	773	(145)	51	(56)	1,441	2,354	4,219	6,573
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	401	401	326	727
Lain-lain pendapatan komprehensif									
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	8	-	-	-	-	-	8	20
Pertukaran matawang asing bagi operasi asing	-	-	19	-	-	-	-	19	78
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	-	-	(2)	(2)	1	(1)
Kerugian bersih aliran tunai lindung nilai	(3)	-	-	-	-	-	(3)	(7)	(10)
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	(3)	8	19	-	-	(2)	(2)	22	92
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	(3)	8	19	-	-	399	423	418	841
Transaksi dengan pemilik									
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	-	-	(160)
Pelupusan syarikat-syarikat anak	(10)	3	32	-	-	(13)	12	(4)	8
Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	(6)	-	3	-	-	(22)	(25)	(12)	(37)
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak baru	(5)	-	-	-	-	(5)	(10)	130	120
Tambahahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	26	-	-	-	-	9	35	(49)	(14)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(2)	(2)	-	(2)
	5	3	35	-	-	(33)	10	(95)	(85)
Baki akhir pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)	292	784	(91)	51	(56)	1,807	2,787	4,542	7,329



PENYATA PERUBAHAN EKUTI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUIN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

2015 Kumpulan	Rizab modal	Rizab penilaian semula	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urusniaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2015	292	772	(91)	51	(56)	1,972	2,940	4,542	7,482
Seerti dilaporkan sebelum ini	-	12	-	-	-	(165)	(153)	-	(153)
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)	292	784	(91)	51	(56)	1,807	2,787	4,542	7,329
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	1,067	1,067	673	1,740
Lain-lain pendapatan komprehensif									
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	64	-	-	-	-	-	64	98
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	(3)	-	-	-	(3)	(2)
Pertukaran matawang asing bagi operasi asing	-	-	16	-	-	-	-	16	(5)
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	64	16	(3)	-	-	-	77	82
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	64	16	(3)	-	1,067	1,144	755	1,899
Transaksi dengan pemilik									
Terbitan baru tunai oleh REIT awam tersenarai	-	-	-	-	-	-	-	241	241
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	-	(310)	(310)
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	-	-	(1,363)	(1,363)
Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	63	-	1	-	-	(147)	(83)	34	(49)
Pertambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	14	-	-	-	-	(23)	(9)	(7)	(16)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(10)	(10)	-	(10)
	77	-	1	-	-	(180)	(102)	(1,405)	(1,507)
Baki akhir pada 31 Disember 2015	369	848	(74)	48	(56)	2,694	3,829	3,892	7,721

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

Johor Corporation	Boleh agih			SEKSYEN 1
	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti	
Baki awal pada 1 Januari 2014				
Seperti dilaporkan sebelum ini	55	1,267	1,322	
Pelarasan tahun terdahulu	-	(79)	(79)	
Pada 1 Januari 2014 (dinyatakan semula)	55	1,188	1,243	
Keuntungan bersih selepas cukai dan jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	-	221	221	
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(2)	(2)	
Baki akhir pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)	55	1,407	1,462	
	Boleh agih			SEKSYEN 2
	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti	
Baki awal pada 1 Januari 2015				
Seperti dilaporkan sebelum ini	55	1,461	1,516	
Pelarasan tahun terdahulu	-	(54)	(54)	
Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)	55	1,407	1,462	
Keuntungan bersih selepas cukai dan jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	-	219	219	
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(10)	(10)	
Baki akhir pada 31 Disember 2015	55	1,616	1,671	
	Boleh agih			SEKSYEN 3
	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti	
Baki awal pada 1 Januari 2015				
Seperti dilaporkan sebelum ini	55	1,461	1,516	
Pelarasan tahun terdahulu	-	(54)	(54)	
Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)	55	1,407	1,462	
Keuntungan bersih selepas cukai dan jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	-	219	219	
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(10)	(10)	
Baki akhir pada 31 Disember 2015	55	1,616	1,671	
	Boleh agih			SEKSYEN 4
	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti	
Baki awal pada 1 Januari 2015				
Seperti dilaporkan sebelum ini	55	1,461	1,516	
Pelarasan tahun terdahulu	-	(54)	(54)	
Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)	55	1,407	1,462	
Keuntungan bersih selepas cukai dan jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	-	219	219	
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(10)	(10)	
Baki akhir pada 31 Disember 2015	55	1,616	1,671	
	Boleh agih			SEKSYEN 5
	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti	
Baki awal pada 1 Januari 2015				
Seperti dilaporkan sebelum ini	55	1,461	1,516	
Pelarasan tahun terdahulu	-	(54)	(54)	
Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula)	55	1,407	1,462	
Keuntungan bersih selepas cukai dan jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	-	219	219	
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(10)	(10)	
Baki akhir pada 31 Disember 2015	55	1,616	1,671	

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan 2015	Dinyatakan semula 2014	Johor Corporation 2015	Dinyatakan semula 2014
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai:				
Operasi berterusan	549	601	275	208
Operasi dihentikan	1,319	383	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
Keuntungan bersih atas pelupusan	7	(10)	-	-
Hapuskira	43	5	-	-
Susutnilai	349	522	13	10
Kerugian rosotnilai	1	-	-	-
Hartanah pelaburan:				
Perubahan dalam nilai saksama	(164)	(234)	13	(131)
Kerugian/(keuntungan) bersih atas pelupusan	1	(104)	-	(23)
Hak-hak guna tanah:				
Pelunasan	23	24	-	-
(Keuntungan)/kerugian atas pelupusan:				
Syarikat-syarikat anak	-	(105)	-	-
Kepentingan separa dalam syarikat anak	-	-	(10)	(4)
Lain-lain pelaburan	(14)	6	(11)	9
Operasi yang dihentikan	(1,341)	(1)	-	-
Pembelian rendah atas pengambilan syarikat anak	-	(26)	-	-
Perbelanjaan pembangunan:				
Peruntukan bagi penghausan nilai	-	-	-	1
Hapuskira	11	-	-	-
Pelaburan:				
Perubahan dalam nilai saksama	(72)	(62)	(35)	(34)
Peruntukan bagi penghausan nilai, bersih	(33)	-	54	20
Aset tidak ketara:				
Pelunasan	2	5	-	-
Pendapatan dividen	(3)	(3)	(320)	(131)
Kerugian pertukaran matawang asing belum terealisasi	-	53	-	-
Pelunasan geran kerajaan	(17)	(8)	(3)	-
Pembalikan rosotnilai penghutang, bersih	(18)	(29)	(32)	(15)
Perbelanjaan faedah	411	370	128	126
Pendapatan faedah	(104)	(65)	(9)	(50)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(60)	3	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	890	1,325	63	(14)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan 2015	Dinyatakan semula	Johor Corporation 2015	2014 Dinyatakan semula
Perubahan dalam modal kerja				
Deposit bank tidak dianggap sebagai kesetaraan tunai	(4)	26	(1)	6
Inventori	53	130	50	10
Kos pembangunan hartanah	(198)	101	33	6
Penghutang	(474)	199	(98)	22
Pembiutang	137	383	(310)	49
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	24	36	-	-
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi	428	2,200	(263)	79
Pulangan cukai	26	36	14	3
Cukai dibayar	(155)	(276)	-	(13)
Dividen diterima	3	3	314	112
Faedah diterima	104	65	7	4
Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi	406	2,028	72	185
KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:				
Syarikat-syarikat anak	-	79	-	-
Kepentingan separa dalam syarikat anak	-	-	25	50
Lain-lain pelaburan	24	46	15	33
Perbelanjaan pembangunan	(33)	(1)	(33)	(1)
Perolehan daripada pelupusan tanah dipegang untuk jualan	-	-	26	-
Harta, loji dan kelengkapan:				
Perolehan daripada pelupusan	348	33	146	-
Pembelian	(994)	(1,009)	(55)	(24)
Hartanah pelaburan:				
Perolehan daripada pelupusan	124	358	-	53
Pembelian	(366)	(550)	(40)	(39)
Aset tidak ketara:				
Tambahan	(10)	(47)	-	-
Pelupusan	6	-	-	-
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak	-	(241)	-	-
Pembelian:				
Kepentingan separa dalam syarikat-syarikat anak	-	-	(3)	(163)
Lain-lain pelaburan	(13)	-	(45)	-
Tunai bersih masuk atas pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai pegangan untuk dijual	2,663	27	-	-
Tunai bersih masuk atas pelupusan syarikat-syarikat anak	-	35	-	-
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan pelaburan	1,749	(1,270)	36	(91)

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan 2015	Dinyatakan semula 2014	Johor Corporation 2015	Dinyatakan semula 2014
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	964	1,320	-	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(1,123)	(1,681)	(11)	(4)
Geran kerajaan diterima	42	13	35	8
Faedah dibayar	(411)	(370)	(97)	(96)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	(306)	(160)	-	-
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(10)	(2)	(10)	(2)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(844)	(880)	(83)	(94)
Penambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	1,311	(122)	25	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	911	936	66	66
Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai	108	97	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	2,330	911	91	66
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
Baki tunai dan bank	866	580	55	39
Simpanan tetap	1,535	468	56	46
Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan	2,401	1,048	111	85
Overdraf bank	(25)	(21)	(20)	(19)
	(46)	(116)	-	-
	2,330	911	91	66

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 11, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru, Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 meliputi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, “intrapreneur ventures”, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM juta) melainkan dinyatakan selainnya.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara di mana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan sebagaimana didekahkan dalam Nota 3.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

Polisi-polisi perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:
Pada 1 Januari 2015, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai penambahbaikan kepada FRS yang diwajibkan bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015:

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Penambahbaikan Tahunan FRS Kitaran 2010 – 2012 (Perubahan kepada FRS 2: Bayaran Berasaskan Saham; FRS 3: Kombinasi Perniagaan; FRS 8: Segmen Operasi; FRS 13: Pengukuran Nilai Saksama; FRS 116: Harta, Loji dan Kelengkapan; FRS 124: Pendedahan Pihak Berkaitan dan FRS 138: Aset Tidak Zahir)	1 Julai 2014
Penambahbaikan Tahunan FRS Kitaran 2011 – 2013 (FRS 3: Kombinasi Perniagaan; FRS 13: Pengukuran Nilai Saksama; dan FRS 140: Harta Pelaburan)	1 Julai 2014

Para Pengarah Johor Corporation menjangkakan bahawa menerima pakai pembaharuan ini tidak akan memberikan kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Johor Corporation belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Kumpulan dan Johor Corporation bercadang untuk menggunakan piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada FRS 116 dan FRS 138: Penjelasan Kaedah Boleh Diterima untuk Susutnilai dan Pelunasan	1 Januari 2016
Pindaan kepada FRS 11: Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Pengaturan Bersama	1 Januari 2016
Pindaan kepada FRS 127: Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan	1 Januari 2016
Pindaan kepada FRS 101: Pendedahan Inisiatif	1 Januari 2016
Pindaan kepada FRS 10, FRS 12 and FRS 128: Entiti Pelaburan: Mengguna Pakai Pengecualian Penyatuan Penambahbaikan Tahunan kepada FRS Kitaran 2012 – 2014 (FRS 5: Aset Bukan Semasa di Pegang Untuk Jualan dan Operasi yang Dihentikan; FRS 119: Manfaat Pekerja dan FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan)	1 Januari 2016
FRS 9: Instrumen Kewangan	1 Januari 2018

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Pindaan kepada FRS 116 dan FRS 138: Penjelasan Kaedah Boleh Diterima untuk Susutnilai dan Pelunasan

Pindaan ini menjelaskan hasil yang mencerminkan corak manfaat ekonomi yang dijana daripada operasi perniagaan (di mana aset itu adalah sebahagiannya) berbanding manfaat ekonomi yang digunakan melalui penggunaan aset. Kesannya, kaedah berdasarkan hasil tidak boleh digunakan untuk susutnilai terhadap harta, loji dan kelengkapan dan hanya boleh digunakan dalam keadaan yang terhad untuk melunaskan aset tidak zahir.

Pindaan ini berkuatkuasa secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Pindaan ini adalah dijangkakan tidak akan memberikan kesan kepada penyata kewangan Kumpulan kerana Kumpulan tidak menggunakan kaedah berdasarkan pendapatan untuk susutnilai aset bukan semasa.

Pindaan kepada FRS 11 Pengaturan Bersama: Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Pengendalian Bersama

Pindaan FRS 11 memerlukan pengendali bersama yang memperoleh kepentingan dalam pengendalian bersama yang membentuk perniagaan untuk menggunakan FRS 3 prinsip Kombinasi Perniagaan yang berkaitan untuk perakaunan kombinasi. Pindaan tersebut juga menjelaskan bahawa suatu kepentingan yang dipegang sebelum ini dalam pengendalian bersama tidak diukur semula daripada pengambilalihan kepentingan tambahan dalam pengendalian bersama yang sama manakala kawalan bersama dikekalkan. Selain itu, skop pengecualian telah ditambah kepada FRS 11 untuk menentukan bahawa pindaan ini tidak terpakai apabila pihak-pihak berkongsi kawalan bersama, termasuk entiti pelaporan, yang di bawah kawalan sepunya dari pihak pengawal muktamad yang sama.

Pindaan ini diaplikasikan secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Para Pengarah Johor Corporation berpendapat bahawa penggunaan pakai pindaan ini tidak akan memberikan kesan yang material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

Pindaan kepada FRS 127: Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan

Pindaan akan membenarkan entiti untuk menggunakan kaedah ekuiti untuk mengambil kira pelaburan dalam syarikat anak, usahasama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan mereka. Entiti yang telah menggunakan FRS dan memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan perlu membuat perubahan secara retrospektif. Untuk penerima pakai kali pertama FRS yang memilih kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan, perlu menggunakan kaedah ini dari tarikh peralihan kepada FRS. Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Pindaan ini tidak akan memberikan sebarang kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

Pindaan kepada FRS 101: Pendedahan Inisiatif

Pindaan kepada FRS 101 termasuk peningkatan tumpuan fokus dalam lima bidang:

- (i) Kematanan;
- (ii) Tanpa pengagregatan dan subjumlah;
- (iii) Struktur nota;
- (iv) Pendedahan polisi perakaunan; dan
- (v) Pembentangan item dalam pendapatan komprehensif lain yang timbul daripada ekuiti pelaburan yang diambilkira.

Para Pengarah Johor Corporation menjangkakan bahawa penggunaan pindaan ini tidak akan memberikan kesan yang material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Pindaan kepada FRS 10, FRS 12 dan FRS 128: Entiti Pelaburan: Mengguna Pakai Pengecualian Penyatuan

Pindaan ini menjelaskan bahawa pengecualian daripada membentangkan penyata kewangan disatukan terpakai bagi entiti induk syarikat anak yang merupakan sebuah entiti pelaburan, apabila entiti pelaburan mengukur semua syarikat-syarikat anaknya pada nilai saksama. Pindaan selanjutnya menjelaskan bahawa hanya syarikat anak yang sendirinya bukan entiti pelaburan dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada entiti pelaburan akan disatukan. Di samping itu, pindaan juga memperuntukkan bahawa jika suatu entiti yang bukan dianggap sebagai entiti pelaburan mempunyai kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang merupakan entiti pelaburan, entiti itu boleh, apabila mengguna pakai kaedah ekuiti ini, mengekalkan pengukuran nilai saksama yang diguna pakai oleh entiti pelaburan syarikat bersekutu atau usahasama untuk kepentingan pelaburan entiti syarikat bersekutu atau usahasama dalam syarikat-syarikat anaknya.

Pindaan ini adalah untuk digunakan secara retrospektif dan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Pindaan ini tidak akan memberi sebarang kesan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

FRS 9 Instrumen Kewangan

FRS 9 dikekalkan tetapi dipermudahkan dengan campuran model pengukuran dalam FRS 139 dan menetapkan tiga kategori pengukuran utama untuk aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama melalui untung rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (“OCI”). Asas klasifikasi bergantung kepada model bisnes entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Instrumen ekuiti pelaburan sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung rugi dengan pilihan tidak boleh batal pada permulaan untuk membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen tersebut tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan hanya jika entiti tersebut dipegang untuk mengutip aliran tunai berkontrak dan aliran tunai tersebut mewakili prinsipal dan faedah.

Untuk liabiliti, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan FRS 139. Ini termasuk perakaunan kos dilunaskan untuk kebanyakan liabiliti kewangan, dengan pencabangan derivatif terbenam. Perubahan utama adalah kes di mana nilai saksama di ambil untuk liabiliti kewangan, sebahagian perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya dari penyata pendapatan, melainkan ia mewujudkan ketidakpadanan perakaunan.

FRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit jangkaan menggantikan model kerugian kerosotan ditanggung digunakan dalam FRS 139. Model kerugian kredit jangkaan adalah berpandangan ke hadapan dan dapat menghapuskan keperluan yang mencetuskan suatu peristiwa berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

FRS 9 adalah digunakan secara retrospektif tetapi aman perbandingan tidak perlu dinyatakan semula. Kesan daripada piawaian ini kini sedang di dalam proses penilaian oleh para Pengarah Johor Corporation.

Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“Rangka Kerja MFRS”)

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan baru yang telah diluluskan, iaitu Rangka Kerja MFRS Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Rangka Kerja MFRS digunakan oleh semua Entiti Lain daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian (“MFRS 141”) dan IC Interpretasi 15 Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah (“IC 15”), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil ‘Entiti Peralihan’).

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru dan boleh memilih untuk menggunakan Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) sebagai rangka kerja pelaporan kewangan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“Rangka Kerja MFRS”) (sambungan)

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan, sehubungan itu perlu untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRS yang pertama untuk tahun berakhir 31 Disember 2018. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan akan diperlukan untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaianya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan kesemua syarikat anaknya pada tarikh laporan. Penyata kewangan syarikat-syarikat anak yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Johor Corporation ini mengawal satu pelaburan hanya jika dan jika Johor Corporation mempunyai semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak yang ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk pulangan pemboleh ubah daripada pelaburan dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

Apabila Johor Corporation mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan, Johor Corporation menganggap yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Kumpulan dalam penerima pelaburan yang mencukupi untuk memberikan kuasanya ke atas penerima pelaburan:

- (i) Saiz pegangan hak mengundi Johor Corporation berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Johor Corporation, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan
- (iv) Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Johor Corporation telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak mengundi di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Syarikat-syarikat anak disatukan apabila Johor Corporation mempunyai kawalan ke atas syarikat anak dan berhenti apabila Johor Corporation kehilangan kawalan syarikat anak itu. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang berhasil daripada urusniaga antara kumpulan tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dalam syarikat anak diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun ianya menghasilkan baki defisit.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat-syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan ke atas Johor Corporation diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik Johor Corporation.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sebuah syarikat anak, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah tertangguh dan (ii) nilai dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat anak dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan terkumpul syarikat anak atau kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke perolehan tertahan. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam syarikat anak terdahulu pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

Kombinasi perniagaan

Pengambilalihan syarikat-syarikat anak diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih dikira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kumpulan memilih asas secara transaksi demi transaksi untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar daripada aset bersih yang boleh dikenal pasti. Kos urusniaga yang dibelanjakan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang pertimbangan kontingen yang akan dipindahkan oleh pengambilalihan akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya ke atas pertimbangan kontingen adalah dalam nilai saksama yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti, akan diiktiraf menurut FRS 139 sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Jika pertimbangan kontingen diklasifikasikan sebagai ekuiti, ia tidak akan dikaji semula. Penyelesaian berikutnya diambil kira di dalam ekuiti. Dalam keadaan di mana pertimbangan kontingen tidak termasuk dalam skop FRS 139, ia diukur mengikut FRS yang sesuai.

Apabila Kumpulan mengambil alih perniagaan, Kumpulan menilai aset dan liabiliti kewangan yang diandaikan mengikut pengelasan dan kedudukan mengikut terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif tersembunyi dalam kontrak hos oleh syarikat yang diambilalih.

Jika dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, yang merupakan lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf ke atas aset bersih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi kepentingan bukan kawalan. Jika pertimbangan ini adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat anak yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dasar perakaunan untuk muhibah dinyatakan di Nota 2.9 (a).

2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat-syarikat anak yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada milikan Johor Corporation, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada milikan Johor Corporation.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan (sambungan)

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, jumlah dibawa kepentingan kawalan dan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada milikan Johor Corporation.

2.6 Mata wang asing

(a) Mata wang fungsian dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi (“mata wang fungsian”). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Johor Corporation.

(b) Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang fungsian Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas pertukaran item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung didalam ekuiti.

(c) Operasi luar negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara ditukar ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada pertukaran adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab pertukaran mata wang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut mata wang fungsian bagi operasi luar negara tersebut dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Se semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Tanah pegangan bebas dan tanah pajakan perladangan Kumpulan belum pernah dinilai sejak dinilai kali terakhir pada tahun 1997. Para Pengarah tidak menggunakan polisi menilai semula secara berkala bagi aset-aset tersebut dan tiada penilaian semula direkodkan. Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan peralihan IAS16 (Dipinda) Harta, Loji dan Kelengkapan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Harta prisihatin diukur pada nilai saksama tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai diambil kira selepas tarikh penilaian semula dibuat. Penilaian ini dilakukan dengan kerap dan mencukupi bagi memastikan bahawa jumlah yang dibawa tidak berbeza daripada nilai saksama harta-harta prisihatin pada tarikh pelaporan.

Bagi lebihan daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab penilaian semula aset, kecuali setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula bagi aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi. Defisit penilaian semula diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kecuali setakat mana ia mengimbangi lebihan yang sedia ada ke atas aset yang sama dan direkod di dalam rizab penilaian semula aset.

Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dihapuskan dengan nilai bawa kasar aset dan jumlah bersih dinyatakan semula kepada jumlah aset yang dinilai. Lebihan penilaian semula termasuk di dalam rizab penilaian semula aset adalah berkenaan dengan aset yang dipindahkan ke rizab hasil apabila dilupuskan.

Se semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan atas jangka hayat apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan sekurang-kurangnya 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhed ladang dibahagikan kepada untung atau rugi dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

Tanah pajakan	15 – 904 tahun
Perbelanjaan pembangunan ladang	17 – 22 tahun dari tahun matang
Bangunan	4 – 50 tahun
Harta prisihatin	50 – 999 tahun
Lekapan dan kelengkapan	2 – 20 tahun
Kapal, loji dan jentera	3 – 25 tahun
Kenderaan bermotor	3 – 5 tahun
Restoran dan kelengkapan pejabat	5 – 15 tahun
Pengubahsuaian	10 tahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Kerja modal dalam pelaksanaan termasuk di dalam harta, loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Sisa nilai, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

2.8 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi harta yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi harta pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ia timbul.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila harta pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatkan penggunaan atau pelupusan harta pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatkan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada harta pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada harta pelaburan kepada harta yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta yang dianggar kepada harta pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.9 Aset-aset tidak zahir

(a) Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit menjana tunai kepada muhibah yang telah diperuntukkan diuji untuk rosotnilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin dirosotnilai, dengan membandingkan nilai bawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada nilai bawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi muhibah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.9 Aset-aset tidak zahir (sambungan)

(b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi rosotnilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna adalah dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus bagi tempoh 5 tahun.

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk rosotnilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin dirosotnilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi yang timbul daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

2.10 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah pada awalnya diukur pada kos. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan antara 30 hingga 50 tahun.

2.11 Penurunan nilai aset-aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Pada 31 Disember 2015	Tahun matang	Nilai dibawa	Kurang 1 tahun	Antara 1-2 tahun	Antara 2-5 tahun	Lebih 5 tahun
Bercagar: Nota Jangka Sederhana Islam (“NJSI”)	2017-2022	2,956	-	-	394	2,562
Tidak bercagar: Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2015-2022	69	56	7	6	-
Jumlah		3,025	56	7	400	2,562

Pada 31 Disember 2014

					Kumpulan	
					2015	2014
Bercagar: Nota Jangka Sederhana Islam (“NJSI”)	2017-2022	2,956	-	-	394	2,562
Tidak bercagar: Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2015-2022	80	62	7	10	1
Jumlah		3,036	62	7	404	2,563

Liabiliti pajakan kewangan

Pembayaran pajakan minima:						
Tidak melebihi dari 1 tahun					46	29
Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun					24	40
Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun					34	31
Melebihi 5 tahun					12	-
Caj-caj kewangan masa hadapan ke atas pajakan kewangan					116	100
Jumlah dibawa liabiliti pajakan kewangan					(4)	(4)
Bukan semasa					112	96
Semasa					66	67
Jumlah					46	29
					112	96

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan 2015	2014	Johor Corporation 2015	2014
Purata wajaran kadar faedah berkesan ke atas pinjaman pada tarikh laporan:				
Overdraf bank	7.92	7.89	-	-
Kredit pusingan	4.19	3.65	-	-
Pembentangan berjangka	6.81	6.18	-	-
Pembentangan Kerajaan Persekutuan	3.51	4.33	4.83	4.83
Terimaan bank	3.99	3.07	-	-
Pembentangan penyambung	6.13	5.53	-	-
Pajakan kewangan	3.70	3.86	-	-
Bon Islam	5.13	5.51	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	6.61	5.42	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	3.67	3.67	3.67	3.67
Saham keutamaan boleh tebus	4.00	4.00	-	-

Pinjaman Kumpulan: Tempoh matang atau perletakan harga semula

	Tidak melebihi 1 tahun	Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	Melebihi 5 tahun	Jumlah
Pada 31 Disember 2015					
Tetap	153	324	1,664	3,052	5,193
Terapung	1,132	278	356	1,058	2,824
Jumlah	1,285	602	2,020	4,110	8,017
Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)					
Tetap	872	304	1,394	3,731	6,301
Terapung	1,374	196	250	55	1,875
Jumlah	2,246	500	1,644	3,786	8,176

Pinjaman Johor Corporation: Tempoh kematangan atau perletakan harga semula

	Tidak melebihi 1 tahun	Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	Melebihi 5 tahun	Jumlah
Pada 31 Disember 2015					
Tetap	56	7	400	2,562	3,025
Pada 31 Disember 2014					
Tetap	62	7	404	2,563	3,036

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Anggaran nilai saksama

Melainkan sebagaimana didedahkan di bawah semua jumlah bawa pinjaman pada tarikh laporan hampir menyamai nilai saksama masing-masing:

	Kumpulan Nilai dibawa	Nilai saksama	Johor Corporation Nilai dibawa	Nilai saksama
Pada 31 Disember 2015				
Pembentangan berjangka - kadar terapung	1,566	1,565	-	-
Bon Islam	1,450	1,441	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2,956	2,960	2,956	2,960
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	235	242	69	76
Pada 31 Disember 2014				
Pembentangan berjangka - kadar terapung	1,051	1,077	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2,956	2,960	2,956	2,960
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	80	83	80	83

Waad-waad penting

Johor Corporation

Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")

Pada 14 Jun 2012, Johor Corporation telah memeterai Program Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") berjumlah RM3.0 bilion, di bawah prinsip Syariah Wakalah Bil Istithmar bersama Maybank Investment Bank ("MIB") ("Agen Kemudahan") dan, MIB dan CIMB Investment Bank ("CIMB") ("Pengatur Utama Bersama"). NJSI telah diterbitkan dalam 3 siri seperti berikut:

Siri	Jumlah nominal	Tempoh (tahun)	Kadar pulangan (% setahun)	Tarikh matang
Siri 1	400	5	3.48	14 Jun 2017
Siri 2	800	7	3.68	14 Jun 2019
Siri 3	1,800	10	3.84	14 Jun 2022
3,000				

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Johor Corporation (sambungan)

Nota Jangka Sederhana Islam (“NJSI”) (sambungan)

Kekerapan pengagihan jangkaan berkala (“Pembayaran keuntungan”) adalah pada setiap setengah tahunan atau apa-apa kekerapan tempoh lain yang dipersetujui antara Johor Corporation dan Agen Tempahan Bersama (“ATB”) sebelum dari penerbitan setiap NJSI.

Kerajaan Persekutuan Malaysia (“KPM”) telah bersetuju untuk menjamin (tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat) obligasi pembayaran oleh Johor Corporation di bawah NJSI mengikut Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, yang tertakluk kepada jumlah yang terjamin (yang nilai nominal NJSI dijamin oleh KPM yang tidak melebihi RM3.0 bilion secara agregat) untuk tempoh 11 tahun dari tarikh terbitan pertama NJSI.

Sebagai pertimbangan peruntukan jaminan oleh KPM, Johor Corporation menjadi sebuah badan korporat yang diisytihar oleh Menteri Kewangan selaras dengan Jaminan Pinjaman (Deklarasi Badan Korporat) (Johor Corporation) Perintah 2012 [P.U (A) 128/2012] telah bersetuju untuk membayar secara tahunan Yuran Jaminan sebanyak 0.01% untuk 5 tahun pertama dan 0.02% untuk tahun ke 6 dan seterusnya berdasarkan NJSI yang masih belum dijelaskan.

Selepas dari penerbitan, NJSI tidak boleh ditawarkan, dijual, dipindahkan atau dilupuskan sama ada secara langsung atau tidak langsung, maupun apa-apa dokumen atau bahan lain yang mungkin berkaitan dengannya yang akan diedarkan di Malaysia, selain daripada kategori individu yang tergolong dalam Jadual 6 atau Seksyen 229(1) (b), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007, sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa.

NJSI tidak disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad atau mana-mana bursa saham lain.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan NJSI yang diterbitkan oleh Johor Corporation selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan NJSI menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

Pembentangan Kerajaan Persekutuan

Pada 17 Julai 2002, Johor Corporation telah memohon untuk menstruktur semula pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM86.97 juta (termasuk faedah tertunggak) kepada Kementerian Kewangan dengan pilihan-pilihan berikut:

- (i) untuk membayar balik pinjaman dengan pertukaran harta tanah; atau
- (ii) untuk menstruktur semula pinjaman kepada pinjaman mudah yang dibayar selepas 10 tahun dengan faedah.

KPM melalui surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 5 September 2013, menyatakan berikut:

- (i) Tempoh bayaran balik pinjaman dijadualkan semula selama 15 tahun, bermula pada 2014, di mana pembayaran balik pinjaman itu dibuat dua kali setahun;
- (ii) Kadar faedah sebanyak 4% setahun yang akan dikenakan ke atas pinjaman yang belum dijelaskan;
- (iii) Faedah bayaran lewat sebanyak 2% setahun akan dikenakan jika pembayaran balik pinjaman itu tidak mematuhi jadual yang dipersetujui;
- (iv) Pengecualian ke atas faedah yang terakru akan diluluskan sekiranya pembayaran balik pinjaman adalah sepertimana jadual yang telah dipersetujui;
- (v) Kerajaan Negeri perlu menjamin pinjaman tersebut dengan tanah “Ladang Kelapa Sawit Tunjuk Laut” dan “Perindustrian Tanjung Langsat”.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Johor Corporation (sambungan)

Pembentangan Kerajaan Persekutuan (sambungan)

Johor Corporation melalui surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 25 September 2013, secara amnya bersetuju dengan semua syarat-syarat yang dicadangkan oleh Kementerian Kewangan kecuali terma (v) yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, Johor Corporation mencadangkan supaya terma tersebut digantikan dengan terma baru, di mana Johor Corporation akan melaksanakan tugas undang-undang ke atas penjualan tanah industri, di mana nilainya tidak kurang daripada jumlah pinjaman atau sehingga jumlah pinjaman belum jelas apabila penjadualan semula pinjaman yang dicadangkan telah diluluskan ke atas tanah perindustrian seluas lebih kurang 55.278 ekar boleh dijual dalam tempoh 5 hingga 7 tahun disebabkan permintaan yang agresif untuk tanah di kawasan perindustrian Tanjung Langsat. Oleh itu, pinjaman terkumpul boleh diselesaikan dalam masa yang singkat.

KPM melalui surat bertarikh 28 Oktober 2013, telah menerima cadangan Johor Corporation. Kementerian Kewangan telah meminta Johor Corporation melalui Kerajaan Negeri untuk membuat penilaian pada tanah yang dimaksudkan dengan bantuan daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (“JPPH”). Skim penyusunan semula ini akan dicagar oleh tanah perindustrian tersebut.

KPM juga telah menyatakan bahawa skim penyusunan semula itu tertakluk kepada terma dan syarat seperti berikut:

- (i) Tempoh pembayaran balik dijadualkan semula selama 15 tahun dengan pembayaran balik pada setiap 1 Jun dan 1 Disember setiap tahun;
- (ii) Kadar faedah sebanyak 4% setahun bagi setiap pinjaman yang belum dijelaskan;
- (iii) Faedah bayaran lewat sebanyak 2% setahun akan dikenakan jika pembayaran tidak mematuhi jadual yang dipersetujui; dan
- (iv) Pengecualian ke atas faedah yang terakru akan diluluskan sekiranya pembayaran balik pinjaman adalah seperti mana jadual yang telah dipersetujui. Sekiranya gagal untuk mematuhi jadual, faedah terakru hendaklah dibayar sekaligus dalam tahun ke-16.

Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 28 Oktober 2013, telah bersetuju dengan terma dan syarat bagi penstruktur semula baki pinjaman.

Penilaian telah dibuat oleh JPPH pada Disember 2013. Melalui surat JPPH yang bertarikh 13 Februari 2014, Johor Corporation telah mengemukakan nilai pasaran tanah tersebut dan kesimpulan bahawa nilai pasaran semasa adalah munasabah.

Sehubungan dengan permohonan Johor Corporation untuk menstruktur semula Pembentangan Kerajaan Persekutuan, KPM melalui surat bertarikh 6 Januari 2015, telah bersetuju dengan permohonan berjumlah RM52,322,367 bagi projek-projek di bawah Johor Corporation dan pengecualian diberikan ke atas faedah terakru berjumlah RM17,419,604.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Johor Corporation (sambungan)

Pembentangan Kerajaan Persekutuan (sambungan)

Projek-projek yang terlibat di bawah skim penstruktur semula pembentangan tersebut adalah seperti berikut:

Projek	Tarikh pembayaran	Jumlah Ansuran	Jumlah Anuiti (RM)
Skim Amanah Saham Johor dan Dana Johor	1 Jun dan 1 Disember (Mulai 2015-2029)	30	1,076,584
Ladang Kelapa Sawit Tunjuk Laut	1 Jun dan 1 Disember (Mulai 2015-2029)	30	1,739,886
Tanjung Langsat Industrial Project	1 Jun dan 1 Disember (Mulai 2015-2029)	30	1,739,886
Johor Industrial Energy Development	1 Jun dan 1 Disember (Mulai 2015-2029)	30	1,739,886

KPM telah menyatakan bahawa skim penstruktur semula tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat dan terma-terma berikut:

- (i) Tempoh pembayaran semula adalah sehingga 15 tahun mulai tahun 2015 dengan ansuran pada setiap setengah tahun pada 1 Jun dan 1 Disember;
- (ii) Kadar faedah 4% setahun ke atas setiap pembentangan sedia ada;
- (iii) Faedah bayaran lewat 2% setahun akan dikenakan sekiranya pembayaran tidak sebagaimana yang dijadualkan; dan
- (iv) Pengecualian ke atas faedah terakru bagi setiap perjanjian akan hanya diluluskan sekiranya pembayaran adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran ke atas jadual, maka faedah terakru hendaklah dibayar penuh sekali gus pada tahun yang ke-16.

Pada tarikh laporan ini, perjanjian bagi skim penstruktur semula masih belum dimuktamadkan.

Syarikat-syarikat anak

- (a) Sehubungan dengan kemudahan pinjaman berjangka yang penting yang telah diberikan kepada Kulim (Malaysia) Bhd (“KMB”), KMB telah bersetuju untuk mematuhi waad-waad penting berikut dengan pemberi-pemberi pinjaman:
 - (i) Nisbah jumlah pinjaman kepada dana pemegang saham disatukan tidak melebihi 125% pada setiap masa;
 - (ii) KMB akan memperolehi dan memastikan bahawa setiap syarikat-syarikat anak tidak dan/atau tidak akan memasuki apa-apa perjanjian yang akan mengakibatkan sekatan ke atas kemampuan setiap syarikat anaknya untuk membuat atau membayar dividen atau lain-lain bentuk pengagihan kepada pemegang-pemegang saham.

Pinjaman-pinjaman bercagar oleh KMB adalah bercagar melalui gadaian-gadaian ke atas deposit tetap tertentu, dan harta, loji dan kelengkapan, dan jaminan korporat oleh KMB.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

(b) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (“TLP”) telah diberi:

- (i) Sekuriti Hutang Cara Islam- Kredit Pusingan Tawarruq-i

“Kemudahan Modal Kerja” (“WCF”) sehingga RM10 juta. Kemudahan tersebut adalah untuk tempoh 1 hingga 3 bulan dan tertakluk kepada semakan tahunan. Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada kadar keuntungan tahunan “Islamic Cost of Fund” (“i-COF”) ditambah 2.25% setahun. Pada 18 Ogos 2014, TLP membuat pengeluaran kemudahan yang pertama berjumlah RM3,920,000 bagi tempoh 3 bulan dan tertakluk kepada pusingan selanjutnya. Kadar faedah semasa antara 6.05% hingga 6.10% setahun (2014: 6.05% to 6.10% setahun). Kemudahan tersebut adalah dicagar oleh jumlah yang terhutang dari Efinite Structure Sdn Bhd (syarikat anak milik Johor Corporation) ke atas pendapatan TLP.

- (ii) Perjanjian pinjaman dari Kerajaan Malaysia

Pada 13 Februari 2013, TLP telah memeterai Perjanjian Pinjaman dengan Kerajaan Malaysia berjumlah RM110,800,000 bagi pembinaan Dermaga 8 dan Dermaga 9. Kemudahan tersebut perlu dibayar dalam tempoh 20 tahun bermula selepas bulan ke-6 pada tahun ketiga dari tarikh pengeluaran pertama. Kemudahan ini telah dikeluarkan sepenuhnya pada tahun kewangan semasa dan pembayaran balik setengah tahun pertama dijangka berkuatkuasa pada 8 September 2016. Kemudahan ini tertakluk kepada faedah sebanyak 4% setahun (2014: 4% setahun).

Dengan menggunakan kadar faedah 6.95% mengikut pasaran semasa untuk pinjaman yang sama, pada 13 Februari 2013 nilai saksama pinjaman mudah telah dianggarkan sebanyak RM79,242,450. Perbezaan pinjaman mudah sebanyak RM31,557,550 antara jumlah kasar dan nilai saksama yang diperolehi daripada kadar faedah di bawah harga pasaran adalah diiktiraf sebagai pendapatan tertunda.

Kemudahan tersebut dicagar atas:

- (i) Peruntukan undang-undang oleh Johor Corporation berhubung semua kepentingan hak dan hakmilik yang berkenaan dengan dua plot tanah komersial kosong dikenalpasti sebagai Lot H dan Lot I di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor;
- (ii) Cagaran pertama pihak ketiga ke atas Lot H dan Lot I selepas pengeluaran dokumen hak milik individu;
- (iii) Caj tetap yang pertama melalui debentur berkenaan dengan Dermaga 8 dan 9;
- (iv) Penyerahan semua kepentingan hak dan hak milik dan cagaran berkenaan dengan Akaun Pinjaman Khas dan Akaun Pungutan Ditetapkan;
- (v) Surat jaminan dari Johor Corporation;
- (vi) Surat penanggungan oleh TLP untuk meremitkan semua hasil daripada operasi Dermaga 8 dan Dermaga 9 ke dalam Akaun Pungutan Ditetapkan;
- (vii) Surat subordinasi oleh Johor Corporation bagi semua pendahuluan yang dibuat oleh Johor Corporation kepada TLP berjumlah RM5,000,000 sahaja; dan
- (viii) Surat ikrar negatif oleh TLP untuk tidak menanggung apa-apa hutang dengan mana-mana institusi kewangan selain daripada yang dinyatakan sebelum tarikh Perjanjian Pinjaman antara TLP dan Kerajaan Malaysia dan hutang lain yang dibuat oleh TLP dalam urusniaga biasa perniagaannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

- (c) (i) Pada 21 November 2013, JC Corp Capital Solutions Sdn Bhd (“JCSSB”) memeterai satu Perjanjian Kemudahan, dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan dagangan margin sehingga kepada satu jumlah agregat maksimum sebanyak RM26 juta. Kemudahan ini tertakluk kepada faedah sebanyak 7.75% setahun atau tidak kurang daripada Kadar Pinjaman Asas bank (“BLR”) ditambah 1.5% setahun dan hendaklah termasuk kadar tersemak daripadanya sebagaimana yang dimaklumkan oleh bank dari semasa ke semasa. Kemudahan ini tertakluk kepada semakan setengah tahunan.

Tujuan kemudahan tersebut adalah untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga dan waran KMB.

Kemudahan telah dicagar oleh memorandum caj undang-undang pihak ketiga yang akan diwujudkan oleh JCSSB bagi kepentingan bank ke atas 17.5 juta saham tersiar harga KPJ Healthcare Bhd (“KPJ”) yang mana dibiayai oleh kemudahan tersebut dan dibeli oleh Johor Corporation sebelum kemudahan tersebut dikeluarkan. Jumlah belum dijelas bagi kemudahan tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada nilai pasaran saham tersiar harga tertentu. Johor Corporation hendaklah membayar balik sebahagian kemudahan tersebut atau menambah dengan saham tersiar tambahan jika ia melanggar had 50% seperti yang ditentukan oleh bank. Kemudahan ini dicagar atas Akaun Rizab Faedah Johor Corporation, sekuriti debentur dan surat kuasa.

- (ii) Pada 20 November 2013, JCSSB telah memeterai satu Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen. Had kemudahan tersebut adalah RM50 juta. Kemudahan tersebut tertakluk kepada faedah 6.5% setahun. Faedah akan dikira berdasarkan kadar sebenar harian 365 hari setahun dan tunggakan akan dibayar pada tempoh akhir faedah. Kemudahan ini tertakluk kepada ansuran suku tahunan. Tempoh pembayaran adalah dalam jangka masa 2 tahun selepas pengeluaran pertama pada Januari 2014.

Tujuan pendahuluan kepada Johor Corporation bagi membiayai langganannya bagi kelayakan terbitan hak secara langsung dan tidak langsung, di bawah cadangan terbitan hak KPJ sebanyak 43,962,072 unit saham pada hari kelayakan beserta sebanyak 87,924,144 unit waran baru ‘free detacheable’ (waran) pada asas 2 waran untuk setiap 1 hak saham (mengikut cadangan terbitan hak).

Kemudahan tersebut telah dicagar oleh caj undang-undang pihak ketiga ke atas jumlah yang mencukupi daripada Saham Biasa tersiar harga KPJ di Bursa Malaysia Securities Berhad untuk perlindungan sekuriti minima dengan kadar nisbah 1.0 kali ganda ke atas jumlah kemudahan sebelum dikeluarkan dan caj undang-undang pihak ketiga keatas kesemua Saham Terbitan Hak yang dibiayai di bawah kemudahan ini.

- (iii) Pada 3 Julai 2014, JCSSB telah memeterai satu Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pinjaman jangka masa pendek sebanyak RM78 juta. Tempoh pembayaran adalah 2 tahun dari tarikh pertama pengeluaran pada Oktober 2014.

Tujuan ini adalah untuk memberikan pembiayaan tersebut kepada Johor Corporation untuk membiayai penukaran waran saham KMB sebanyak 24,753,600 ke dalam saham KMB yang baru dengan pada asas 1 untuk 1 pada harga penukaran RM3.13 sesaham untuk setiap waran.

Kemudahan ini tertakluk kepada faedah 2.50% setahun di atas Kos Dana Bank dengan kadar bulanan.

Kemudahan ini telah dicagar oleh caj undang-undang pihak ketiga melalui Memorandum Deposit saham ke atas 25,000,000 unit saham KMB dengan perlindungan sekuriti minima pada kadar nisbah 1.0 kali ganda ke atas 24,753,600 saham KMB apabila penukaran daripada waran yang dibiayai dibawah kemudahan tersebut, dan kemudahan ini juga dijamin oleh caj ke atas Akaun Rezab Perkhidmatan Hutang.

- (iv) Pada 21 Julai 2014, Perjanjian Kemudahan Margin Dagangan bertarikh 21 November 2013 dengan sebuah bank berlesen telah disemak dan jumlah agregat maksimum telah meningkat dari RM26 juta kepada RM98.5 juta. Tujuannya adalah untuk membiayai penukaran 23,000,000 waran KMB ke dalam saham KMB yang baru pada kadar basis 1 untuk 1 pada harga penukaran sebanyak RM3.13 sesaham.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

- (c) (iv) Kemudahan ini tertakluk kepada kadar faedah 7.75% setahun atau tidak kurang daripada Kadar Pinjaman Asas (“BLR”), mana yang rendah. Kemudahan ini telah dicagar oleh Perjanjian Kemudahan Margin Dagangan yang baru sehingga RM98.5 juta, memorandum caj undang-undang ke atas sekuriti yang akan dilaksanakan oleh Johor Corporation dan segala dokumen berkaitan akan dimaklumkan oleh peguamcara Bank.
- (d) Saham keutamaan boleh tebus

Dalam tempoh kewangan 2013, syarikat anak, Business Chronicles Sdn Bhd (“BCSB”) menerbitkan 1,265,305 Saham Keutamaan Boleh Tebus - Islam (“RPS-i”) pada harga terbitan RM1,000 seunit, terdiri daripada nilai tara RM0.01 dan saham premium RM999.99. RPS-i diterbitkan pada terma-terma utama yang berikut:

- (i) Tempoh 8 tahun dari tarikh terbitan;
- (ii) Dividen diunjurkan sebanyak 10% setahun, tertakluk kepada terdapatnya keuntungan dan tunai;
- (iii) Penebusan oleh tunai atau pengagihan saham dalam usahasama:
 - Boleh ditebus pada bila-bila masa sepanjang tempoh sebelum matang mengikut budi bicara sama ada penerbit atau pemegang RPS-i untuk tunai, dan jumlah penebusan adalah tertakluk kepada Kadar Pulangan Dalaman (“IRR”) pada sekurang-kurangnya 12% setahun dan maksimum 20% setahun.
 - Sekiranya berlaku Tawaran Awam Permulaan (“IPO”) bagi usahasama tersebut, RPS-i adalah boleh untuk ditebus melalui pembahagian saham IPO tersebut dalam usahasama kepada pemegang-pemegang RPS-i;

RPS-i dipegang oleh beberapa pihak dan beberapa pihak tertentu kemudiannya telah menandatangani Perjanjian Penamatian dengan BCSB dan mengenepikan semua hak dan tanggungjawab mereka atas RPS-i yang dipegang oleh mereka. Oleh itu, bahagian RPS-i yang telah ditamatkan diklasifikasi sebagai instrumen ekuiti manakala baki RPS-i RM280,985,600 diklasifikasi sebagai liabiliti.

Dalam tempoh kewangan 2014, salah satu pemegang RPS-i telah melupuskan 150,000 saham RPS-i kepada Johor Corporation.

- (e) Selaras dengan Program Aset Rasionalisasi (“Program”) yang melibatkan Efinite Structure Sdn. Bhd. (“ESSB”), Johor Corporation, Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. (“TLP”), Damansara Assets Sdn. Bhd. (“DASB”) and Johor City Development Sdn. Bhd. (“JCD”), ESSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan Sukuk Ijarah dan Perjanjian Kemudahan Induk Tawarruq dengan Affin Investment Bank Berhad (“Affin Investment”), Bank Islam Malaysia Berhad (“BIMB”) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (“Bank Rakyat”), Affin Islamic Bank Berhad (“Affin Islamic”) dan Pacific Trustees Berhad (“Trustees”) pada 24 Jun 2013 untuk mendapatkan yang berikut:
 - (i) Sekuriti Islam di bawah prinsip Ijarah (“Sukuk Ijarah”) sehingga RM184 juta dalam nilai nominal dengan tempoh matang antara 3 hingga 10 tahun. Sukuk Ijarah ini tertakluk kepada kadar keuntungan antara 6.55% hingga 6.77% (2014: 6.85% hingga 7.33%) setahun.
 - (ii) Pembentukan Berjangka Islam Bersindiket (“i-TF”) sehingga RM235 juta dengan tempoh matang antara 3 hingga 10 tahun. i-TF ini tertakluk kepada kadar keuntungan antara 6.50% hingga 6.62% (2014: 5.82% hingga 6.35%) setahun; dan
 - (iii) WCF sehingga RM10 juta untuk TLP. Kemudahan ini adalah untuk tempoh 1 atau 3 bulan dan tertakluk kepada semakan tahunan. WCF ini tertakluk kepada kadar keuntungan Kos Dana Islam (“i-COF”) ditambah 2.25% setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

- (e) Sukuk Ijarah, i-TF dan WCF adalah dicagar berasaskan “pari passu” kepada nisbah jumlah nominal Sukuk Ijarah, i-TF dan WCF yang belum jelas, oleh berikut memihak kepada Pemegang Amanah:

- (i) Caj tetap dan caj terapung pihak ketiga melalui debentur atas aset-aset sedia ada dan masa hadapan TLP tidak termasuk dua dermaga yang sedang dalam pembinaan dan dikenal pasti sebagai Dermaga 8 (terletak bersebelahan dengan Dermaga 5 di jeti cecair) dan Dermaga 9 (terletak bersebelahan dengan Dermaga 1 di jeti cecair);
- (ii) Pihak ketiga menyerahkan semua hasil daripada TLP dan sehingga 60% daripada hasil yang diperoleh daripada operasi Dermaga 8 dan Dermaga 9;
- (iii) Surat ikatan penyerahan hak pihak ketiga oleh Johor Corporation bagi 649.021 ekar tanah perindustrian termasuk hak ke atas hasil jualan di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat (“TLIA”) termasuk perjanjian yang diperlukan untuk menyempurnakan penyerahan hak bagi semua cagaran termasuk untuk mendapatkan penerbitan dokumen hak milik masing-masing apabila penguatkuasaan yang sama;
- (iv) Penyerahan hak dan caj ke atas Akaun Bertanda oleh ESSB dan TLP hak masa kini dan hak masa depan, hakmilik, manfaat, dan kepentingan masing-masing dalam dan di bawah Akaun Bertanda dan semua tunai yang ada dalam kredit Akaun Bertanda;
- (v) Suatu penyerahan hak oleh ESSB ke atas Perjanjian Ijarah dimeterai di antara ESSB dan Johor Corporation.
- (vi) Sesuatu penyerahan hak perolehan oleh Johor Corporation di bawah Perjanjian Pajakan sebanyak 5.0 ekar tanah perindustrian kepada KTL Offshore Pte. Ltd;
- (vii) Sesuatu penyerahan hak perolehan oleh Johor Corporation di bawah mana-mana perjanjian pajakan masa depan tanah dikenalpasti sebagai PLO 3, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru dengan jumlah keluasan tanah 3.572 ekar dalam TLIA;
- (viii) Debentur mewujudkan caj tetap dan caj terapung ke atas aset sedia ada dan aset masa depan milik ESSB;
- (ix) Surat Aku Maklum dari Johor Corporation;
- (x) Penyerahan hak pihak ketiga dengan semua polisi takaful/insurans yang berkenaan dengan tanah di TLIA dan Pelabuhan Tanjung Langsat, dalam bentuk dan kandungan yang memuaskan kepada Peguamcara/Pemegang-pemegang Sukuk dan Pembiaya i-TF;
- (xi) Penyerahan oleh pihak ketiga ke atas hak-hak, geran, kepentingan dan manfaat semasa dan manfaat masa hadapan Johor Corporation di dalam dan di bawah Perjanjian Jual Beli (“SPA”) yang dimeterai antara Johor Corporation dan TLP berhubung dengan tanah seluas 148.424 ekar;
- (xii) Penyerahan oleh pihak ketiga ke atas hak-hak, geran, kepentingan dan manfaat semasa dan manfaat masa hadapan Johor Corporation di dalam dan di bawah SPA yang dimeterai antara Johor Corporation dan DASB berhubung dengan tanah seluas 109.323 ekar; dan
- (xiii) Penyerahan oleh pihak ketiga ke atas hak-hak, geran, kepentingan dan manfaat semasa dan manfaat masa hadapan Johor Corporation di dalam dan di bawah SPA yang dimeterai antara Johor Corporation dan JCD berhubung dengan tanah seluas 188.697 ekar.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

(e) *Waad-waad Penting Kewangan*

Di bawah Sukuk Ijarah, ESSB hendaklah mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan (“FSCR”) tidak kurang daripada 1.25 kali.

FSCR ditakrifkan sebagai Aliran Tunai Bersih Operasi Disatukan bagi tahun semasa dan baki mula tunai ESSB (termasuk baki yang dikekalkan di dalam Akaun Bertanda) yang dibahagikan dengan jumlah Perkhidmatan Kewangan untuk tempoh 12 bulan.

Aliran Tunai Bersih Operasi Disatukan ditakrifkan sebagai aliran tunai bersih operasi ESSB ditambah dengan aliran tunai bersih operasi TLP dan hasil daripada penjualan TLIA yang menjadi sebahagian daripada cagaran di bawah Sukuk Ijarah, i-TF dan WCF.

Perkhidmatan Kewangan ditakrifkan sebagai agregat bagi:

- (a) Semua caj kewangan (termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah pengagihan berkala, keuntungan, komisen dan/atau yuran) yang perlu dibayar berkaitan dengan semua kemudahan pembiayaan ESSB dan TLP dalam tempoh yang berkaitan; dan
- (b) Semua bayaran balik bersih prinsipal/penebusan yang dibuat berkaitan dengan semua kemudahan pembiayaan ESSB dan TLP dalam tempoh yang berkaitan.

FSCR hendaklah diuji pada setiap tahun, dimana ESSB dikehendaki menyediakan pengesahan bertulis yang ditandatangani oleh juruaudit ESSB untuk memperakui pematuhan perjanjian kewangan dalam tempoh 120 hari dari akhir tahun fiskal masing-masing.

Butiran Kemudahan Pinjaman

Tujuan kemudahan itu adalah untuk membayai Program di mana Johor Corporation memperoleh semua aset tidak mudah alih TLP serta semua tanah perindustrian atau harta tanah yang menjadi sebahagian daripada TLIA meliputi kira-kira 649.021 ekar (“Aset Ijarah”) milik TLP, DASB dan JCD, yang kesemuanya syarikat anak milik penuh Johor Corporation.

Di bawah Program ini, TLP, DASB dan JCD telah memeterai beberapa SPA dengan Johor Corporation bagi penjualan geran-geran dan hak milik bermanfaat Aset Ijarah.

Sebagai wakil kepada Pemegang-pemegang Sukuk, ESSB telah memeterai Perjanjian Pembelian Aset dengan Johor Corporation di mana Johor Corporation menjual hak milik bermanfaat Aset Ijarah dengan harga sehingga mencecah RM411 juta.

Sebagai balasan, ESSB telah menerbitkan Sukuk Ijarah kepada Pemegang-pemegang Sukuk masing-masing. Sukuk Ijarah akan mewakili Pemegang-pemegang Sukuk masing-masing yang berkadar dengan kepentingan yang tidak berbelah bahagi dalam Aset Amanah.

Di bawah Perjanjian Pembelian Aset, perolehan dari Sukuk Ijarah dan i-TF akan digunakan bagi pembelian Aset Ijarah (hanya meliputi 202.577 daripada 649.021 ekar tanah). Sewaan Ijarah akan ditentukan setiap enam bulan pada margin yang dipersetujui berbanding penanda aras dipersetujui.

Apabila selesai Perjanjian Pembelian Aset, ESSB telah memeterai Perjanjian Ijarah dan Khidmat Agensi dengan Johor Corporation untuk pajakan Aset Ijarah dan melantik keduanya sebagai ejen khidmat untuk bertanggungjawab, ke atas prestasi, penyelenggaraan, pemberian struktur, perbelanjaan yang berkaitan dan perbelanjaan pemilikan yang berkenaan dengan Aset Ijarah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

- (e) Sekiranya sebahagian daripada tanah yang merupakan Aset-aset Ijarah hendak dijual kepada pihak ketiga, ESSB bersetuju untuk memeterai satu Perjanjian Penjualan Aset untuk menjual sebahagian Aset-aset Ijarah kepada Johor Corporation. Perolehan yang diterima daripada Johor Corporation atas Perjanjian Penjualan Aset akan digunakan untuk memenuhi obligasi pembayaran Sewaan Ijarah milik Johor Corporation.

ESSB telah melantik pemegang amanah bebas, Pacific Trustee Berhad sebagai Pemegang Amanah Sukuk untuk bertindak bagi pihak Pemegang-pemegang Sukuk.

Apabila mencapai tempoh matang Sukuk Ijarah dan tiada sebarang kegagalan berlaku, Aset-aset Ijarah akan dipulangkan semula kepada Johor Corporation sama ada secara pemberian hibah atau penjualan pada nilai nominal.

- (f) Pinjaman-pinjaman KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”).

(i) KPJ mempunyai pinjaman-pinjaman yang dicagar seperti berikut :

- (a) caj tetap ke atas sebahagian harta tanah KPJ;
- (b) caj tetap dan caj terapung ke atas aset-aset tertentu KPJ melalui debentur;
- (c) surat makluman, surat jaminan dan surat subordinasi dari Johor Corporation;
- (d) ikrar negatif ke atas kebanyakan aset tetap dan aset terapung KPJ;
- (e) caj tetap pertama dan caj terapung ke atas beberapa aset mudahalih dan aset tidak mudahalih KPJ;
- (f) pajakan kewangan adalah dicagar secara efektif di mana aset yang dipajak akan dikembalikan kepada pihak pemberi pajakan, sekiranya berlaku pelanggaran perjanjian;
- (g) sesuatu penyerahan perolehan daripada pelupusan bangunan;
- (h) jaminan korporat disediakan oleh KPJ kepada syarikat anak; dan
- (i) jaminan bersama oleh Pengarah-pengarah KPJ.

- (ii) Kertas Komersil Islam / Nota Jangka Sederhana Islam (“KKI/NJSI”)

Ciri-ciri utama KKI/NJSI adalah sebagaimana berikut:

- (a) Jumlah tertunggak nilai nominal bagi KKI dan NJSI (dikenali bersama sebagai “Nota”) tidak boleh melebihi RM500 juta.
- (b) Tempoh kemudahan adalah sehingga 7 tahun dari tarikh asal penerbitan ke atas mana-mana Nota (25 April 2011) di bawah kemudahan tersebut.
- (c) KKI mempunyai tempoh matang samada 1, 2, 3, 6, 9 dan 12 bulan dan mempunyai penebusan mandatori pada nilai nominal sehingga tarikh matang, di mana tempoh luput adalah 16 November 2014.
- (d) NJSI mempunyai tempoh matang 1 tahun tetapi tidak boleh melebihi 7 tahun dan dengan syarat tempoh matang NJSI tersebut tidak melebihi tarikh luput tempoh kemudahan tersebut. NJSI tersebut mempunyai penebusan mandatori pada nilai nominal pada tarikh matang. Faedah ke atas NJSI adalah dibayar secara ansuran setiap setengah tahun sehingga matang.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

- (f) (ii) (e) Kemudahan KKI/NJSI diterbitkan melalui asas bersih dan dibayar sepenuhnya pada akhir tempoh tamat kemudahan tersebut.
- (f) Kemudahan KKI/NJSI ini dicagarkan oleh Caj Memorandum ke atas akaun tertentu yang dikenali sebagai Akaun Rizab Servis Pembiayaan (“ARSP”) dan Perjanjian Jaminan Korporat telah dikeluarkan oleh KPJ sebagai pemegang amanah (dikenali sebagai “Jaminan Pemegang Amanah”).

Pada tahun kewangan sebelumnya, pelaburan KPJ di dalam syarikat sekutu, Al-‘Aqr Healthcare REIT, yang berjumlah RM234,963,962 (2014: RM234,963,962) telah digunakan sebagai aset asas yang dikehendaki di bawah Kemudahan Islam.

KKI/NJSI telah dijelaskan sepenuhnya dan dibatalkan pada 16 November 2014.

Perolehan yang diraih dari terbitan KKI semasa tahun kewangan telah digunakan oleh KPJ mengikut cara yang berikut:

	2015	2014
Pada 1 Januari	-	499
Diterbitkan dalam tahun kewangan sebagai modal kerja	800	-
Pembayaran penuh KKI tertunggak	-	(499)
 Pada 31 Disember	 800	 -

(iii) Pembiayaan penyambung

Kemudahan pembiayaan penyambung bagi syarikat anak milik KPJ telah diperolehi daripada sebuah institusi kewangan tempatan dengan kadar faedah 5.15% setahun. Kemudahan ini telah dicagarkan dengan Jaminan Korporat dari KPJ.

Kemudahan ini telah diperolehi dengan kadar asas jangka pendek bagi pembiayaan semula jumlah tertunggak KKI/NJSI sebanyak RM499 juta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

31. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan 2015	2014	Johor Corporation 2015	2014
Semasa				
Pemiutang perdagangan	765	715	9	4
Lain-lain pemiutang	1,002	837	536	683
Jumlah ter hutang kepada syarikat berkaitan	-	-	356	917
Jumlah ter hutang kepada syarikat anak	-	-	20	-
Akruan perdagangan	179	232	9	8
Tuntutan terakru (pembangunan harta tanah)	-	79	-	-
Jumlah ter hutang kepada lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak	3	7	-	-
Jumlah ter hutang kepada syarikat-syarikat bersekutu	8	13	6	8
Peruntukan	77	77	-	-
	2,034	1,960	936	1,620
Bukan semasa				
Jumlah ter hutang kepada syarikat anak	-	-	352	453
Jumlah	2,034	1,960	1,288	2,073

(a) Pemiutang perdagangan

Jumlah ini adalah tanpa faedah. Pemiutang perdagangan biasanya diselesaikan dalam jangka masa 60 hari (2014: 60 hari).

(b) Lain-lain pemiutang

Jumlah ini adalah tanpa faedah. Lain-lain pemiutang biasanya diselesaikan dalam jangka masa purata enam bulan (2014: purata enam bulan).

(c) Jumlah ter hutang kepada syarikat berkaitan, syarikat sekutu dan lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak

Amaun ini tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

(d) Jumlah ter hutang kepada syarikat anak

Jumlah ini adalah tidak bercagar, faedah yang dikenakan antara 6.55% hingga 6.77% (2014: 5.82% hingga 7.33%) setahun. Jumlah ter hutang kepada syarikat anak hendaklah dibayar dalam tempoh di antara 3 hingga 10 tahun selaras dengan Perjanjian Ijarah yang dimeterai di antara syarikat anak dan Johor Corporation pada 24 Jun 2013.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

32. RIZAB

(a) Rizab modal

Rizab modal merangkumi terutamanya Rizab Waran, Rizab ESOS, dan lain-lain rizab yang disimpan oleh syarikat-syarikat anak dalam Kumpulan.

(b) Rizab penilaian semula aset

Rizab penilaian semula aset mewakili lebihan daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan bagi harta prisihatir.

(c) Rizab perubahan matawang

Rizab perubahan matawang terdiri daripada semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang berfungsi adalah berbeza daripada matawang persembahan Kumpulan.

(d) Rizab pelarasan nilai saksama

Rizab pelarasan nilai saksama terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset-aset kewangan sedia dijual sehingga pelaburan tersebut dinyahiktirafkan atau dirosotnilai.

(e) Rizab urusniaga ekuiti

Rizab urusniaga ekuiti terdiri daripada perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam syarikat anak yang diambilalih/dijual dan balasan telah dibayar/diterima.

(f) Rizab hasil

Rizab hasil terdiri sebahagian keuntungan perniagaan yang disimpan oleh Kumpulan dan Johor Corporation untuk pelaburan di masa hadapan.

33. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan sepunya atau pengaruh ketara sepunya. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Selain daripada dinyatakan dalam penyata kewangan, transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2015	2014	Johor Corporation 2015	2014
Telah dibayar/perlu dibayar kepada syarikat-syarikat anak:				
Pembelian buah tandan segar	-	-	41	-
Yuran pengurusan	-	-	4	14
Pembelian harta, loji dan kelengkapan	-	-	31	-
Belanja sewaan	-	-	1	5
Belanja faedah	-	-	32	-
Belanja penyelenggaraan	-	-	14	-
Belanja konsesi	-	-	2	-
Belanja pemasaran	-	-	14	-
Jumlah hutang daripada pihak berkaitan	-	-	-	2

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

33. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain daripada dinyatakan dalam penyata kewangan, transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut (sambungan):

	Kumpulan 2015	2014	Johor Corporation 2015	2014
Penerimaan/akan diterima daripada entiti berkaitan kerajaan:				
Jualan tanah industri kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	23	-	23	-
Penerimaan/akan diterima daripada syarikat-syarikat anak:				
Jualan harta, loji dan kelengkapan	-	-	-	17
Jualan barang	-	-	84	-
Pendapatan faedah	-	-	-	46
Dividen	-	-	324	126
Belanja yuran pengurusan	-	-	1	1
Perkongsian keuntungan	-	-	1	-
Pendapatan sewa	-	-	24	10
Yuran konsesi	-	-	-	24

34. KOMITMEN

(a) Komitmen modal

	Kumpulan 2015	2014	Johor Corporation 2015	2014
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan:				
Telah dikontrakkan	332	217	-	29
Tidak dikontrakkan	290	497	-	-
	622	714	-	29
Dianalisa seperti berikut:				
Harta, loji dan kelengkapan	456	502	-	-
Perbelanjaan pembangunan	12	29	-	29
Hartanah pelaburan	154	183	-	-
	622	714	-	29

(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai penerima pajak

Segmen perniagaan hartanah Kumpulan telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak boleh-batal bagi kegunaan tanah dan bangunan. Pajakan ini mempunyai tempoh purata 15 tahun dan tiada pilihan pembaharuan atau belian yang dinyatakan dalam kontrak pajakan. Kontrak-kontrak tertentu juga memasukkan klausa pertambahan atau pengaturan sewa kontingen yang dikira berdasarkan jualan yang dicapai manakala yang lain termasuklah sewa tetap untuk purata 3 tahun. Tiada sekatan yang dikenakan ke atas Kumpulan untuk memasuki pajakan ini.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

34. KOMITMEN (SAMBUNGAN)

(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai penerima pajak (sambungan)

Sewa minima masa hadapan yang perlu dibayar di bawah pajakan operasi tidak boleh batal pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2015	2014
Bayaran minima pajakan pada masa hadapan:		
Tidak lebih dari 1 tahun	37	150
Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun	137	332
Lebih daripada 5 tahun	91	194
	265	676

35. LIABILITI LUAR JANGKA

(a) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (“TLP”)

- (i) Dalam bulan Mac 2011, salah satu pelanggan kepada Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (“TLP”) telah memberi notis awal berkenaan tuntutan kerugian produk akibat daripada kebakaran yang berlaku di Tanjung Langsat Port pada tahun 2008. Walaubagaimanapun, tuntutan tersebut perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Resolusi Pertikaian (“JRP”) di peringkat awal di bawah Klausa 26.1 dalam Perjanjian Penyimpanan yang mana telah dimeterai diantara TLP dengan pelanggan tersebut.

Pihak pelanggan menuntut untuk mendapatkan ganti rugi untuk kerugian produk dan kerugian yang tidak diinsurangkan dalam anggaran diantara USD36 juta hingga USD226 juta yang timbul daripada penutupan kemudahan tersebut kesan daripada kejadian kebakaran pada tahun 2008.

TLP mungkin mempunyai tuntutan balas berjumlah RM115 juta bagi kehilangan fi yang kena dibayar oleh pelanggan kepada TLP untuk kemudahan dan kos yang ditanggung oleh TLP berkenaan dengan kerja-kerja pembaikan yang dijalankan ke atas premis yang musnah.

Tribunal Timbang Tara telah ditubuhkan. Perbicaraan timbang tara bermula dari 2 Mei 2013 dan telah membuat kesimpulan pada 8 Mei 2013. Sepanjang perbicaraan, keterangan lisan saksi-saksi daripada kedua-dua pihak telah direkodkan.

Pada 23 Disember 2013, Tribunal Timbang Tara telah menyampaikan keputusan atas semua perkara melainkan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu kos. Majoriti Tribunal Timbang Tara memberikan relif-relif berikut, yang memihak kepada pelanggan:

- (i) USD20,747,275 yang merupakan nilai produk pelanggan yang telah musnah dalam kejadian kebakaran;
- (ii) USD2,108,497 sebagai kos tambahan, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pelanggan akibat kejadian kebakaran;
- (iii) USD368,547 sebagai bayaran balik lebihan Bayaran Pendahuluan Yuran Penyimpanan yang dibayar oleh pelanggan kepada TLP;
- (iv) USD118,374,250 yang meliputi ganti rugi untuk kerugian pihak yang menuntut atas penggunaan kemudahan itu untuk jangka hayat minimum Perjanjian Penyimpanan, iaitu suatu tempoh selama 7 tahun sehingga 31 Mei 2015; dan
- (v) TLP perlu membayar faedah mudah kepada pihak yang menuntut ke atas semua jumlah wang yang diputuskan pada 3 bulan Kadar Tawaran Antara Bank London (“LIBOR”) dalam USD pada tarikh keputusan ditambah 1% yang dikira dari tarikh Keputusan sehingga pembayaran penuh jumlah wang yang telah diputuskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

35. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

(a) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (“TLP”) (sambungan)

- (i) Pada 1 April 2014, TLP telah memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk mengetepikan keputusan timbang tara sebanyak USD141,230,022 dan perbicaraan bagi permohonan ini akan bermula pada tahun 2015. Pada 13 November 2015, mahkamah telah menolak permohonan ini. TLP telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan berhubung keputusan itu dan perbicaraan rayuan ini telah bermula pada 16 Februari dan menunggu untuk prosedur seterusnya. TLP juga telah memulakan prosiding timbang tara terhadap Kejuruteraan, Pemerolehan Pembinaan dan Pentaulahan (“EPCC”) kontraktor pada 7 April 2014 untuk membayar ganti rugi pada asas berbalik dan Perbicaraan timbang tara tersebut telah ditetapkan pada Ogos 2016 dan September 2016. Sejak dengan inisiatif di atas, para Pengarah TLP memutuskan bahawa TLP dan Kumpulan tidak membuat peruntukan tambahan bagi jumlah wang USD22,855,772 (RM75,316,626.13) dan juga berpendapat bahawa jumlah ini tidak sepatutnya tertakluk kepada mana-mana turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Pada 31 Disember 2015, peruntukan USD23,224,319 berkenaan dengan perkara (i), (ii) dan (iii) di atas telah diambilkira dalam penyata kewangan TLP. Bagi item (iv) di atas, para Pengarah TLP, berdasarkan pendapat pakar undang-undang, berpendapat bahawa Keputusan tersebut boleh dicabar dan diketepikan.

- (ii) Pada 10 Oktober 2014, TLP telah diberikan Notis Timbang tara daripada salah satu pelanggan kerana kegagalan TLP untuk menyediakan jeti berlabuh dan kemudahan dermaga yang mencukupi. Prosiding itu masih di peringkat awal dan pihak-pihak yang terlibat sedang berbincang mengenai penzahiran dokumen bagi penentuan oleh timbang tara. Tiada jumlah tuntutan telah layak oleh kedua-dua pihak. Perbicaraan telah ditetapkan dari 28 November 2016 sehingga 16 Disember 2016.

(b) KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”)

- (i) KPJ adalah tertakluk kepada tindakan undang-undang perniagaan yang timbul daripada operasi hospital syarikat anak. Para Pengarah berpendapat, berdasarkan kepada khidmat nasihat guaman dan khidmat perlindungan penyelewengan, tiada kepentingan yang memerlukan pendedahan.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

36. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

	2015	2014	Dinyatakan semula
Kumpulan			
Pembentukan dan pengutang:			
Pengutang perdagangan dan lain-lain (Nota 23)	1,609	991	
Baki tunai dan bank (Nota 28)	2,401	1,048	
Lain-lain pelaburan (Nota 13)	1	43	
	4,011	2,082	
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:			
Lain-lain pelaburan (Nota 13)	136	97	
Swap kadar faedah (Nota 27)	1	2	
	137	99	
Aset kewangan sedia dijual:			
Lain-lain pelaburan (Nota 13)	260	106	
	397	205	
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:			
Pembiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 31)	2,034	1,960	
Pembentukan dan pinjaman (Nota 30)	8,017	8,176	
	10,051	10,136	
Johor Corporation	2015	2014	
Pembentukan dan pengutang:			
Pengutang perdagangan dan lain-lain (Nota 23)	492	354	
Baki tunai dan bank (Nota 28)	111	85	
	603	439	
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:			
Lain-lain pelaburan (Nota 13)	121	46	
	121	46	
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:			
Pembiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 31)	1,288	2,073	
Pembentukan dan pinjaman (Nota 30)	3,025	3,036	
	4,313	5,109	

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

lanya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan menggunakan perakaunan aliran tunai lindung nilai ke atas hubungan lindung nilai yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

(a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan tertunggak sekiranya satu pihak gagal menjelaskan tanggungannya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan cuba untuk mendapatkan pelaburan aset tunai yang selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan syarikat-syarikat anak yang operasinya signifikan bahawa polisi penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambil kira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi syarikat-syarikat anak yang signifikan, tiada berlakunya pemberian had kredit yang melampaui sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak yang tidak produktif.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh nilai bawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan Kewangan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material.

Profil tumpuan risiko kredit

Selain daripada jumlah terutang daripada syarikat anak kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain-lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 23. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan diletakkan dalam institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang tinggi dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 23.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasan tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

Analisis instrumen kewangan menurut baki matang

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak.

		Atas permintaan			Lebih 5 tahun	Jumlah
		atau dalam 1 tahun	1 hingga 5 tahun			
Pada 31 Disember 2015						
Kumpulan						
Liabiliti kewangan:						
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan	2,034	-	-	-	2,034	
Pinjaman dan pembiayaan	1,304	2,768	4,203	8,275		
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	3,338	2,768	4,203	10,309		
Johor Corporation						
Liabiliti kewangan:						
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan	936	397	-	-	1,333	
Pinjaman dan pembiayaan	57	408	2,563	3,028		
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	993	805	2,563	4,361		
Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)						
Kumpulan						
Liabiliti kewangan:						
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan	1,960	-	-	-	1,960	
Pinjaman dan pembiayaan	2,295	2,408	3,724	8,427		
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	4,255	2,408	3,724	10,387		
Johor Corporation						
Liabiliti kewangan:						
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan	1,620	484	-	-	2,104	
Pinjaman dan pembiayaan	62	419	2,601	3,082		
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,682	903	2,601	5,186		

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, perubahan 100 mata asas ("ma") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

	Kumpulan 2015	2014	Johor Corporation 2015	2014
Kadar faedah:				
Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 100 ma	741	711	297	295
Menurun dalam kadar faedah sebanyak 100 ma	(741)	(711)	(297)	(295)

(d) Risiko mata wang asing

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Urus niaga ini didenominasi adalah terutamanya dalam Dolar Amerika Syarikat ("USD").

Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai pendedahan risiko mata transaksi wang asing.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahan mata wang asing. Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai risiko terjemahan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing, berdasarkan nilai bawa pada tarikh laporan berakhir adalah:

	Kumpulan Didenominasi dalam USD 2015	2014
Pembiayaan perdagangan	(48)	(1)
Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan	(48)	(1)

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko mata wang asing (sambungan)

Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar pertukaran USD berbanding mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah konstan.

	Keuntungan bersih selepas cukai 2015	2014	Pendapatan komprehensif lain bersih selepas cukai	
			2015	2014
USD				
Dikukuhkan 5% (2014: 5%)	(18)	(40)	(1)	4
Disusutkan 5% (2014: 5%)	18	40	1	(4)

(e) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga pasaran (selain daripada faedah atau pertukaran kadar).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia adalah disenaraikan di Bursa Malaysia. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi atau aset-aset kewangan tersedia untuk dijual.

Harga komoditi

Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan derivatif (jualan dan belian hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima dan menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya. Perakaunan aliran tunai lindung nilai diaplikasikan ke atas risiko harga derivatif. Sepanjang tahun kewangan semasa Kumpulan tidak mempunyai pendedahan yang signifikan kepada risiko harga komoditi.

Nilai saksama

Instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan nilai yang dibawa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama.

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran nilai saksama yang munasabah:

	Nota
Penghutang dagangan dan lain-lain	23
Pembentangan dan pinjaman (kecuali untuk sebahagian pinjaman dan pembentangan dimana nilai saksamanya dinyatakan di dalam Nota 30)	30
Pembiayaan dagangan dan lain-lain	31

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Nilai saksama (sambungan)

Nilai bawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang dihargakan semula pada kadar faedah pasaran, pada atau berdekatan tarikh laporan.

Nilai saksama lain-lain pembiayaan (bukan semasa) dan pinjaman dianggarkan dengan mendiskalun aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pinjaman meningkat bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

Instrumen ekuiti tersiar harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

Derivatif

Kontrak tukaran faedah dinilai menggunakan teknik penilaian dengan input yang boleh diperhatikan di pasaran. Teknik yang paling kerap digunakan atas penilaian termasuklah model harga hadapan dan kajian, menggunakan pengiraan nilai kini. Model ini menggabungkan pelbagai input termasuklah kualiti kredit pihak balas, tempat pertukaran mata wang asing, kadar hadapan dan keluk kadar faedah.

Jaminan kewangan

Kumpulan menyediakan jaminan kewangan kepada bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat-syarikat anak tertentu. Nilai saksama untuk jaminan tersebut adalah tidak dijangka akan menjadi material memandangkan kemungkinan kegagalan syarikat anak membuat bayaran adalah terkawal.

Hierarki nilai saksama

Kumpulan mempunyai instrumen-instrumen kewangan berikut yang dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan:

Kumpulan

Pada 31 Disember 2015

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	210	210
Saham tersiar harga	44	-	-	44
Waran tersiar harga	74	-	-	74
Pelaburan dana	-	68	-	68
Instrumen kewangan derivatif	-	1	-	1
Hartanah pelaburan	-	-	3,272	3,272
	118	69	3,482	3,669

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	91	91
Saham tersiar harga	65	-	-	65
Waran tersiar harga	32	-	-	32
Pelaburan dana	-	15	-	15
Instrumen kewangan derivatif	-	2	-	2
Hartanah pelaburan	-	-	4,045	4,045
Deposit tetap	-	-	43	43
	97	17	4,179	4,293
 Johor Corporation Pada 31 Disember 2015				
Johor Corporation Pada 31 Disember 2015	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	23	23
Saham tersiar harga	30	-	-	30
Waran tersiar harga	68	-	-	68
Hartanah pelaburan	-	-	1,391	1,391
	98	-	1,414	1,512
 Johor Corporation Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)				
Johor Corporation Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	4	4
Saham tersiar harga	14	-	-	14
Waran tersiar harga	28	-	-	28
Hartanah pelaburan	-	-	1,177	1,177
	42	-	1,181	1,223

Sepanjang tarikh laporan berakhir 31 Disember 2015 dan 2014, tiada sebarang pindahan di antara Tahap 1 dan Tahap 2 hierarki nilai saksama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

38. PENGURUSAN MODAL

Objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, unjuran keuntungan, unjuran aliran tunai, unjuran perbelanjaan modal dan unjuran peluang pelaburan strategik.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearan ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearan ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman di tolak tunai dan kesamaan tunai.

	Kumpulan 2015	2014	Dinyatakan semula
Pinjaman bank (Nota 30)	8,017	8,176	
Tolak: Tunai dan baki bank (Nota 28)	(2,401)	(1,048)	
 Hutang bersih	 5,616	 7,128	
 Jumlah ekuiti	 7,721	 7,329	
 Nisbah hutang kepada ekuiti	 0.73	 0.97	

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada sebuah syarikat anak tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

39. MAKLUMAT SEGMENT

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berdasarkan segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berdasarkan struktur pengurusan dan pelaporan dalaman Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas dasar yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun kewangan semasa untuk membeli harta tanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

Segmen bisnes

Segmen-segmen bisnes utama Kumpulan adalah seperti berikut:

- Minyak sawit
 - Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak kelapa sawit mentah, perkhidmatan perundingan dan pengurusan perladangan
- Prisihatin
 - Hospital dan perkhidmatan kesihatan
- Hartanah
 - Pembangunan harta tanah, perumahan, pelaburan harta tanah dan pelaburan amanah harta tanah
- Intrapreneur ventures
 - Pengangkutan laut, pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukal dan percetakan
- Restoran khidmat cepat
 - Kedai Pizza Hut, Ayamas and Kentucky Fried Chicken

Lain-lain operasi Kumpulan terutamanya terdiri daripada operasi-operasi yang saiznya tidak memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

Segmen-segmen geografi

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan atas dasar seluruh dunia, beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia
 - Terutamanya operasi perladangan, prisihatin, harta tanah, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan
- Indonesia
 - Terutamanya operasi perladangan

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen-segmen geografi, segmen pendapatan adalah berdasarkan lokasi geografi para pelanggan. Segmen aset adalah berdasarkan lokasi geografi aset-aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAIUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

Kumpulan Pada 31 Disember 2015	Minyak sawit	Prisihatin	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Hasil dari pihak luar	847	2,847	695	64	58	807	5,318
Hasil antara segmen	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah hasil	847	2,847	695	64	58	807	5,318
Keputusan							
Keputusan segmen (luaran)	60	216	488	2	(26)	233	973
Pendapatan tidak diperuntukkan							34
Kos tidak diperuntukkan							(107)
Keuntungan daripada operasi							900
Kos kewangan							(411)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu							24
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama							36
Keuntungan sebelum cukai							549
Cukai							(125)
Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan							424
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan							1,316
Keuntungan bagi tahun kewangan semasa							1,740

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2015 (sambungan)	Minyak sawit	Prisihatin	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Lain-lain informasi							
Aset-aset segmen	5,385	3,864	3,720	92	1,065	3,131	17,257
Syarikat-syarikat bersekutu	-	71	118	-	-	78	267
Syarikat-syarikat usahasama	-	-	-	-	1,287	-	1,287
Aset-aset tidak diperuntukkan	-	-	-	-	-	-	2
Jumlah asset disatukan	426	2,257	2,108	82	16	5,906	18,813
Liabiliti segmen							10,795
Liabiliti tidak diperuntukkan							297
Jumlah liabiliti disatukan	308	367	15	-	4	245	11,092
Perbelanjaan modal	74	140	5	2	4	149	939
Susutnilai dan pelunasan							374

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUIN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)	Minyak sawit	Prisihatin	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Hasil dari pihak luar	779	2,512	761	204	-	331	4,587
Hasil antara segmen	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah hasil	779	2,512	761	204	-	331	4,587
Keputusan							
Keputusan segmen (luaran)	131	199	522	35	1	150	1,038
Pendapatan tidak diperuntukkan						49	49
Kos tidak diperuntukkan						(113)	
Keuntungan daripada operasi							974
Kos kewangan							(370)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu						24	24
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama						(27)	(27)
Keuntungan sebelum cukai							601
Cukai							(121)
Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan							480
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan							247
Keuntungan bagi tahun kewangan semasa							727

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2014 (dinyatakan semula)	Minyak sawit	Prisihatin	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Lain-lain informasi							
Aset-aset segmen	6,020	3,190 107	3,410 (4)	894	1,038	2,197 165	16,749 268
Syarikat-syarikat bersekutu	-	-	-	-	-	-	1,246 2,085
Syarikat-syarikat usahasama	-	-	-	-	1,246	-	
Aset-aset tidak diperuntukkan							
Jumlah asset disatukan	3,635	1,920	1,482	484	-	5,494	13,015 4
Liabiliti segmen							
Liabiliti tidak diperuntukkan							
Jumlah liabiliti disatukan	441	584 119	373 5	150 35	-	73 51	13,019 1,621 551
Perbelanjaan modal							
Susutnilai dan pelunasan							

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes

Kumpulan	Jualan (Luaran)		Jumlah Aset 2015	Perbelanjaan Modal 2015	Perbelanjaan Modal 2014
	2015	2014			
Malaysia	5,214	4,493	16,663	18,614	939
Indonesia	53	49	143	130	-
Lain-lain negara	51	45	446	83	-
					-
					-
5,318	4,587	17,252	18,827	939	1,621
Syarikat-syarikat bersekutu		267	268		
Syarikat-syarikat usahasama		1,287	1,246		
Aset-aset tidak diperuntukkan		7	7		
Jumlah aset	18,813	20,348			



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

1. Johor Corporation (“Johor Corporation”)

- (a) Pada 25 Mac 2015, Johor Corporation telah menandatangani Penerimaan Tawaran untuk membeli sebidang tanah seluas kira-kira 128.88 ekar, PLO 11 - PLO 16, Mukim Sedenak dari syarikat anak milik penuh, TPM Technopark Sdn Bhd (“TPM”). Pihak-pihak bersetuju secara nyata bahawa terma-terma dan syarat-syarat tawaran ini terikat kepada pihak-pihak dan atas penerimaan yang akan membentuk jual beli antara kedua-duanya.

Pertimbangan pembelian berjumlah RM22,456,052 akan dibayar mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang akan dipersetujui bersama antara kedua-dua pihak.

Pada 3 September 2015, Johor Corporation telah memeterai Perjanjian Jual Beli dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar untuk menjual sebidang tanah dengan jumlah pertimbangan RM22,456,052.

Penjualan tersebut telah disempurnakan dalam tahun kewangan semasa.

- (b) Sejumlah 45,352,100 waran percuma telah dipegang oleh Johor Corporation sempena pecahan saham dan terbitan bonus oleh Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”) pada 28 Februari 2011. Waran tersebut mempunyai jangkamasa perlaksanaan selama lima (5) tahun bermula 28 Februari 2011 dan berakhir pada 27 Februari 2016. Nilai dibawa pada tarikh laporan adalah berjumlah RM48,526,747.

Lanjutan daripada tahun kewangan berakhir, pengurusan tidak melaksanakan waran selepas tempoh tamat selaras dengan rancangan KMB untuk melaksanakan Pengurangan Modal Terpilih (“SCR”) dan pembayaran balik dijalankan seperti yang dinyatakan dalam Nota 40.2(d).

2. Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”)

- (a) Pada 10 Disember 2014, KMB mengumumkan bahawa Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd (“KENSB”), syarikat anak milik penuh KMB telah memeterai Perjanjian Langganan dan Pembelian Saham Bersyarat (“CSSPA”) dengan PT Citra Sarana Energi (“CSE”) dan pemegang saham yang sedia ada iaitu, PT Wisesa Inspirasi Sumatera dan PT Inti Energi Sejahtera, untuk mengambil alih 60% kepentingan ekuiti dalam CSE untuk mengambil bahagian dalam penerokaan dan pembangunan bidang Minyak dan Gas di South West Bukit Barisan Block, Pusat Sumatera, Indonesia untuk pertimbangan tunai sebanyak USD133.55 juta (bersamaan kira-kira RM466.81 juta).

Pada 11 November 2015, KMB mengumumkan bahawa pihak yang terlibat telah mencapai persetujuan untuk melanjutkan tempoh Syarat-syarat Utama selama enam (6) bulan dari 7 November 2015 hingga 6 Mei 2016.

Pada 10 Februari 2016, KMB mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu perjanjian tambahan bertarikh 7 Februari 2016 untuk menyemak semula pertimbangan tunai di bawah CSSPA dari USD133.55 juta kepada USD80 juta. Di samping itu, perjanjian tambahan termasuk pilihan panggilan untuk KENSB untuk memperoleh 5% kepentingan ekuiti tambahan dalam CSE bagi suatu balasan USD4.67 juta (bersamaan kira-kira RM19.79 juta). Opsyen belian akan tamat setahun dari tarikh perjanjian tambahan.

Pada tarikh laporan, Kumpulan KMB masih dalam proses untuk menyiapkan pelbagai syarat-syarat sebagaimana yang ditakrifkan dalam CSSPA.

- (b) Pada 6 Mac 2015, KMB mengumumkan bahawa Asia Economic Development Fund Limited (“AEDFL”), syarikat anak KMB telah pada 5 Mac 2015, memeterai perjanjian seperti yang berikut:
 - (i) Perjanjian jualan saham dengan Johor Logistics Sdn Bhd (“JLSB”), sebuah syarikat anak Johor Corporation berhubung dengan cadangan pengambilalihan 2,109,212 saham biasa dalam Asia Logistics Council Sdn Bhd (“Saham ALC”) yang mewakili kira-kira 30% kepentingan ekuiti dalam ALC, untuk pertimbangan berjumlah kira-kira RM23.17 juta (kemudiannya disemak semula kepada RM51.19 juta melalui perjanjian tambahan bertarikh 25 Februari 2016) yang akan dipenuhi melalui penerbitan sebanyak 158,958 saham biasa dalam AEDFL (“Cadangan Pengambilalihan”);

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

2. Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”) (sambungan)

- (b) (ii) Perjanjian langganan bersyarat dengan KMB berhubung dengan langganan 271 Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Tidak Terkumpul (“RCPS”) baru dalam AEDFL pada nilai nominal USD13.55 juta (bersamaan kira-kira RM47.36 juta); dan
- (iii) Perjanjian pinjaman pemegang saham dengan ALC adalah untuk memberikan dan menyediakan ALC pinjaman sehingga USD25.0 juta (bersamaan kira-kira RM87.38 juta).

Urus niaga di atas telah disempurnakan dalam tahun kewangan semasa.

- (c) Pada 9 Oktober 2014, Sime Darby Plantation Sdn Bhd (“SDP”) menyerahkan notis pengambilalihan ke atas NBPOL dan telah mengumumkan hasratnya untuk membuat tawaran tunai bagi membeli semua saham NBPOL pada harga tawaran sebanyak GBP7.15 atau PNG Kina 28.79 setiap saham NBPOL (“Tawaran”).

Pada 23 Oktober 2014, KMB mengumumkan bahawa telah menerima dokumen tawaran rasmi (“Dokumen Tawaran”) daripada SDP dan Tawaran tersebut akan dibentangkan kepada para pemegang saham KMB pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (“EGM”) yang akan bersidang untuk mempertimbangkan Tawaran tersebut.

Penerimaan Tawaran yang tersebut akan melibatkan KMB untuk melupuskan keseluruhan daripada kepentingan ekuitinya di dalam NBPOL yang terdiri daripada 73,482,619 saham biasa di dalam NBPOL, kepada SDP untuk pertimbangan pelupusan lebih kurang sebanyak GBP525.4 juta (bersamaan kira-kira RM2.86 bilion).

Pada 3 Disember 2014, para pemegang saham KMB mengundi untuk menerima tawaran daripada SDP dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang bersidang untuk mempertimbangkan Tawaran tersebut.

Pada 27 Januari 2015, Sime Darby Berhad (“Sime Darby”), syarikat induk kepada SDP, telah mengumumkan bahawa SDP telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Eropah bagi cadangan pengambilalihan NBPOL.

Pada 18 Februari 2015, Sime Darby telah mengumumkan bahawa ke semua syarat-syarat utama di dalam Dokumen Tawaran telah dipenuhi dan Tawaran tersebut kini menjadi tanpa syarat.

Pada 26 Februari 2015, KMB telah mengumumkan bahawa pelupusan NBPOL telah sempurna berikutkan penerimaan tunai daripada SDP. Oleh itu, NBPOL tidak lagi menjadi syarikat anak Kumpulan KMB pada tarikh tersebut.

- (d) Pada 5 November 2015, KMB telah mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah KMB (“Lembaga”) telah menerima surat daripada pemegang saham utamanya, Johor Corporation dan pihak yang bertindak bersama-sama, meminta kepada KMB untuk menjalankan Pengurangan Modal terpilih (“SCR”) dan pembayaran semula menurut Seksyen 64 Akta Syarikat, 1965 (“Akta”) (“Tawaran” atau “Cadangan SCR”). Cadangan SCR melibatkan pembayaran balik modal dengan jumlah tunai yang dicadangkan sebanyak RM4.10 bagi setiap saham biasa RM0.25 setiap satu dalam KMB dipegang oleh para pemegang saham KMB pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Pada 18 November 2015, KMB telah mengumumkan bahawa Lembaga dalam mesyuarat yang diadakan pada 17 November 2015 membincangkan kandungan Surat Tawaran dan telah memutuskan untuk membentangkan Cadangan SCR kepada pemegang saham KMB untuk pertimbangan.

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

2. Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”) (sambungan)

- (d) Pada 14 Disember 2015, KMB telah mengumumkan bahawa Lembaga, pada 14 Disember 2015, melantik Am Investment Bank Berhad sebagai Penasihat Bebas untuk menasihati Pemegang Saham Yang Layak dan pengarah tidak berkepentingan dalam KMB berhubung dengan Cadangan SCR.

Cadangan SCR sedang dijalankan dan dijangka sempurna pada separuh kedua tahun 2016.

- (e) Pada 4 Januari 2016, KMB mengumumkan bahawa ia telah memperolehi persetujuan Johor Corporation mempercepatkan perletakkan hak segala opsyen saham yang tidak diletak hak di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (“ESOS”) KMB.

Di bawah ESOS KMB, opsyen saham yang ditawarkan kepada kakitangan yang layak telah dibahagikan kepada 5 pecahan yang terletak hak pada 31 Disember 2013, 31 Disember 2014, 31 Disember 2015, 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017. Memandangkan Cadangan SCR (maklumat lanjut dinyatakan dalam Nota 2 (d)) dijangka siap sebelum perlaksanaan pilihan 2 pecahan terakhir opsyen saham, Jawatankuasa ESOS telah mencadangkan untuk mempercepatkan perletakkan hak pecahan yang tinggal.

Opsyen saham bagi peletakkan hak telah dipercepatkan dan disempurnakan pada Januari 2016 dan akan diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2016.

- (f) Pada 20 Januari 2016, KMB mengumumkan bahawa, pada 19 Januari 2016 ia telah menyempurnakan pengambilalihan 51% kepentingan ekuiti dalam Classrum Technologies Sdn Bhd (“CRTSB”) dengan jumlah balasan sebanyak RM2.142 juta.

CRTSB terlibat dalam perniagaan maklumat, komunikasi dan teknologi (“ICT”).

- (g) Pada 10 Februari 2016, KMB mengumumkan bahawa syarikat anak di Indonesia yang dimiliki sebanyak 74%, PT Wisesa Inspirasi Nusantara (“PT Win”) telah memeterai 4 perjanjian pembelian saham bersyarat (“CSPA(s)”) dengan syarikat-syarikat Indonesia yang berikut:

- (i) PT Agro Maju Raya (“PT AMR”) dan PT Mitra Plantation (“PT MP”) berhubung dengan cadangan pengambilalihan 95% kepentingan ekuiti dalam PT Nusa Persada Indonesia (“PT NPI”);
- (ii) PT AMR berhubung dengan cadangan pengambilalihan 95% kepentingan ekuiti dalam PT Surya Panen Subur (“PT SPS”);
- (iii) PT Agri Capital Resources (“PT ACR”) berhubung dengan cadangan pengambilalihan 95% kepentingan ekuiti dalam PT Tempirai Palm Resources (“PT TPR”); dan
- (iv) PT ACR berhubung dengan cadangan pengambilalihan 95% kepentingan ekuiti dalam PT Rambang Agro Jaya (“PT RAJ”).

Secara kolektif, PT NPI, PT SPS, PT TPR dan PT RAJ dirujuk sebagai Syarikat Sasaran manakala PT AMR, PT MP dan PT ACR dirujuk sebagai pihak Penjual.

Keseluruhan jumlah balasan untuk Syarikat Sasaran ialah IDR 1.64 trilion (kira-kira RM509.35 juta) terdiri daripada:

- (i) pertimbangan pembelian IDR781.01 bilion (kira-kira RM242.89 juta); dan
- (ii) penyelesaian pinjaman pemegang saham dan pendahuluan daripada Syarikat Sasaran IDR856.79 bilion (kira-kira RM266.46 juta)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

2. Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”) (sambungan)

- (g) Pada 31 Disember 2015, jumlah simpanan tanah yang dipegang oleh Syarikat Sasaran adalah kira-kira 105,000 hektar (di bawah Ijin Usaha Perkebunan), di mana kira-kira 83,000 hektar adalah di bawah Hak Guna Usaha dan 34,000 hektar telah ditanam.

Pada masa ini, KMB dan Penjual sedang memenuhi pelbagai syarat-syarat utama dalam pelbagai CSPAs.

3. Larkin Sentral Management Sdn Bhd (“LSM”)

Pada tahun 2004, syarikat anak tidak langsung Kumpulan, LSM memeterai perjanjian tiga pihak pertama, boleh diperbaharui pada setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad (“PJB”) dan Amanah Raya Berhad (“ARB”), pengurus dan pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor (“ASJ”) dan Dana Johor (“DJ”) masing-masing bagi pelaksanaan skim kebangkitan semula harga (“PRS”) bagi pemegang unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, pemegang unit boleh meminta PJB untuk membeli balik sehingga lima ratus unit atau 10% pegangan saham ketika itu dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi, pada harga pembelian semula masing-masing RM1 dan RM0.50 bagi setiap unit ASJ dan DJ. Dalam skim ini, peranan LSM adalah untuk membeli unit ASJ dan DJ daripada PJB yang mana PJB perlu untuk membeli balik daripada pemegang unit ASJ dan DJ.

Pada 4 Februari 2008, LSM memeterai perjanjian tiga pihak yang kelima di mana LSM telah tidak lagi ditawarkan untuk membeli unit daripada PJB, bagaimanapun LSM terus menyediakan dana yang diperlukan bagi membolehkan PJB untuk membeli balik unit daripada pemegang unit pada harga PRS secara ‘ex-gratia’.

Pada bulan Jun 2008, skim ASJ telah ditamatkan atas resolusi untuk penamatkan yang telah diluluskan dalam mesyuarat pemegang unit ASJ selaras dengan Garis Panduan Tabung Unit Amanah.

Sebelum 2012, LSM telah memeterai perjanjian tiga pihak yang kesepuluh dengan PJB dan AmanahRaya Trustees Berhad (“ART”) untuk menyediakan peruntukan wang secara ‘ex-gratia’ bagi unit DJ yang dibeli semula oleh PJB.

LSM kemudiannya memeterai Perjanjian tiga pihak kedua belas pada 26 Jun 2012 dengan PJB dan ART untuk melaksanakan Skim Penambahbaikan Dana Johor (“SDJ1”), penambahbaikan kepada PRS terdahulu di mana pemegang unit DJ telah ditawarkan untuk menjual unit mereka kepada PJB pada harga RM1.00 seunit dan akan dibayar bayaran tambahan sebanyak RM0.50 seunit untuk semua unit yang dibeli balik di bawah PRS sebelumnya. Tempoh tawaran adalah antara 2 Julai 2012 hingga 1 Julai 2013. Di bawah perjanjian ini, peranan LSM ialah sebagai ejen kepada Johor Corporation untuk membeli unit DJ dari PJB pada harga SDJ1 bernilai RM1.00 seunit dan LSM yang memegang unit-unit yang dibeli semula yang diamanahkan oleh Johor Corporation yang mana adalah pemilik mutlak unit-unit tersebut.

Pada 10 Mei 2013, perjanjian yang ketiga belas telah dimeterai di mana LSM, bersetuju untuk melanjutkan tempoh yang berkaitan dengan pembelian unit DJ sehingga 31 Disember 2013 dan seterusnya menandatangani perjanjian tiga pihak keempat belas untuk melanjutkan tempoh sehingga 31 Mac 2014.

Pada 21 Januari 2014, perjanjian tiga pihak yang kelima belas telah dimeterai antara LSM, PJB dan ART yang mana pihak-pihak ini bersetuju untuk melanjutkan tempoh hingga 30 Jun 2014 dan untuk melaksanakan tempoh akhir SDJ1 ke satu tarikh yang dipersetujui bersama dan LSM adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dana yang mencukupi bagi pembayaran ‘ex-gratia’. Di samping itu, berkuatkuasa 1 Januari 2014, LSM telah tidak lagi diperlukan untuk membeli unit DJ dari PJB. Walau bagaimanapun, LSM hendaklah memberikan kepada PJB dana yang mencukupi bagi perbezaan di antara RM1.00 dan nilai aset bersih DJ dan juga bayaran tambahan sebanyak RM0.50 setiap unit di bawah PRS sebelumnya.

Pada 9 Disember 2015, perjanjian keenam belas telah dimeterai antara LSM, PJB dan ART, di mana pihak-pihak ini bersetuju untuk melaksanakan SDJ1 bagi Suku Keempat berkuatkuasa dari 7 September 2015 hingga 31 Disember 2015 (atau tarikh lain yang akan ditentukan oleh pihak-pihak ini).

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

40. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

3. Larkin Sentral Management Sdn Bhd (“LSM”) (sambungan)

LSM bertanggungjawab ke atas bayaran ‘ex-gratia’ bagi pemegang unit yang layak dan berhak kepada suatu jumlah ‘ex-gratia’ sebanyak RM200 atau kurang. Bagi mereka yang berhak menerima ‘ex-gratia’ melebihi RM200, penyelesaian akan dilakukan melalui peruntukan yang bersamaan dengan unit dalam Al-Salam REIT yang pada mulanya diperuntukkan untuk Damansara Assets Sdn Bhd.

Pada 31 Disember 2015, jumlah ‘ex-gratia’ yang akan dibayar oleh LSM kepada pemegang unit yang layak berjumlah RM419.

4. Al-Salām REIT (“Al-Salām”)

Al-Salām telah ditubuhkan pada 26 Mac 2015 dan disenaraikan pada 29 September 2015 dengan 580,000,000 unit saham di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Ia telah ditubuhkan atas dasar pelaburan yang besar untuk melabur samada, secara langsung dan tidak langsung, dalam pelbagai portfolio yang mematuhi kehendak Syariah dengan bangunan-bangunan yang menghasilkan pendapatan daripada perniagaan runcit, pejabat dan harta tanah industri dan aset berkaitan termasuk kompleks membeli-belah, bangunan pejabat, bangunan kolej, gudang dan kedai runcit.

Al-Salām diuruskan oleh Damansara REITS Managers Sdn Bhd (“DREIT”), sebuah syarikat anak Damansara Assets Sdn Bhd (“DASB”), yang merupakan syarikat anak milik penuh Johor Corporation.

Pada 31 Disember 2015, Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak secara kolektifnya memegang 63.6% kepentingan ekuiti dalam Al-Salam.

5. KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”)

Pada 3 November 2014, Point Zone (M) Sdn Bhd (“Point Zone”) (syarikat anak milik penuh KPJ) telah menerima kebenaran dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menubuhkan Program Sukuk. Program Sukuk adalah cadangan Kertas Komersial Islam (“KKI”) menurut suatu Program KKI dan cadangan Nota Jangka Sederhana Islam (“NJSI”) menurut suatu Program NJSI, dengan had gabungan sehingga RM1.5 bilion dalam Nilai Nominal untuk Program Sukuk dan sub had RM500 juta dalam Nilai Nominal bagi Program KKI, berdasarkan kepada prinsip Syariah Murabahah. Perolehan yang timbul daripada Program Sukuk itu hendaklah digunakan untuk membiayai semula jumlah yang terhutang di bawah Program Kertas Komersil Islam/Nota Jangka Sederhana Islam yang sedia ada sehingga RM450 juta dan untuk didahulukan kepada KPJ untuk membiayai pengembangan dan keperluan modal kerja perubatan Kumpulan KPJ dan yang berkaitan perniagaan penjagaan kesihatan kumpulan itu (termasuk untuk pembiayaan/pembiayaan semula pinjaman yang dilakukan berhubung dengannya).

Program KKI ini mempunyai tempoh masa 7 tahun daripada tarikh terbitan pertama manakala Program NJSI akan mempunyai tempoh masa 10 tahun daripada tarikh terbitan pertama.

6. Al-'Aqar Healthcare REIT (“Al-'Aqar”)

Pada tahun kewangan semasa, dana yang dikeluarkan 32 juta unit baru (2014: RM tiada) dengan harga terbitan RM1.25 setiap unit bersamaan dengan RM40 juta (2014: RM tiada) dan perbelanjaan penyenaraian dimodalkan berjumlah RM284,373 (2014: RM tiada).

7. Langsat Marine Terminal (“Langsat”)

Pada 8 Julai 2015, Langsat memeterai perjanjian sub-pajakan dengan pihak ketiga untuk pajakan tanah yang dikenali sebagai PLO 232, terletak di Mukim Sg. Tiram, Daerah Johor Bahru berukuran lebih kurang 20 ekar. Tempoh pajakan adalah 30 tahun untuk pertimbangan RM33,149,138 (tidak termasuk cukai barang dan jualan) dan perlu dibayar dalam tempoh 36 bulan pertama bermula pada 8 Julai 2015.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

41. PELARASAN TAHUN TERDAHULU

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation membuat pelarasan bagi tahun lepas seperti berikut:

- (i) Kumpulan sebelum ini telah salah mengklasifikasi beberapa hartaan sebagai hartaan pelaburan sebagaimana syarikat anak telah mengklasifikasikan hartaan tersebut sebagai hartaan pelaburan, kerana ianya telah disewakan kepada syarikat anak lain di dalam Kumpulan. Selaras dengan FRS 116 ‘Hartaan, Loji dan Kelengkapan’, pelarasan telah dibuat kepada baki pembukaan dan maklumat perbandingan yang berkaitan untuk mengklasifikasi hartaan tersebut daripada hartaan pelaburan kepada hartaan, loji dan kelengkapan (diiktiraf oleh Kumpulan pada nilai saksama kerana Kumpulan menggunakan model penilaian semula ke atas hartaannya), termasuk pelarasan yang perlu untuk membalikkan pelarasan nilai saksama yang diiktiraf sebelum ini dan mengembalikan semula rizab penilaian semula.
- (ii) Dalam tahun 2014, Kumpulan telah membuat penyelesaian liabiliti melalui pembelian 150,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus - Islam (“RPS-i”) yang dikeluarkan oleh syarikat anak, Business Chronicles Sdn Bhd (“BCSB”) daripada seorang pemegang RPS-i. Premium yang dibayar ke atas pembelian berjumlah RM49 juta sebelum ini telah diiktiraf sebagai muhibah dan faedah yang sebelum ini terkumpul sebanyak RM21 juta kepada pemegang RPS-i sebelumnya tidak dibalikkan. Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah membuat pelarasan tahun terdahulu yang sesuai untuk perbelanjaan muhibah dan faedah terakru sebelum ini sebanyak RM28 juta dan maklumat perbandingan yang berkaitan Kumpulan telah dinyatakan semula.
- (iii) Kumpulan sebelum ini telah salah mengklasifikasi hartaan sebagai hartaan, loji dan kelengkapan dan bukan sebagai hartaan pelaburan, walaupun hartaan itu dipegang untuk tujuan sewaan. Selaras dengan FRS 140 ‘Pelaburan Hartaan’, pelarasan telah dibuat kepada baki pembukaan dan maklumat perbandingan yang berkaitan untuk mengklasifikasi hartaan daripada hartaan, loji dan kelengkapan kepada hartaan pelaburan termasuk pembalikan susut nilai dikenakan dan untuk mengiktiraf pelarasan nilai saksama hartaan kepada hartaan pelaburan.
- (iv) Liabiliti cukai tertunda berkenaan dengan perubahan nilai saksama hartaan pelaburan tidak diiktiraf sebelum ini oleh Johor Corporation, seperti yang dikehendaki oleh FRS 112 ‘Cukai Pendapatan’. Pelarasan telah dibuat kepada baki pembukaan dan maklumat perbandingan yang berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation telah dinyatakan semula.
- (v) Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan model nilai saksama untuk mengiktiraf hartaan pelaburan. Perubahan nilai saksama bagi hartaan pelaburan tertentu telah tidak diambilkira sebelum ini oleh Johor Corporation, seperti yang dikehendaki oleh FRS 140 ‘Pelaburan Hartaan’. Oleh itu, pelarasan telah dibuat kepada baki pembukaan dan maklumat perbandingan yang berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation telah dinyatakan semula.

Di samping itu, perbandingan tertentu telah dinyatakan semula untuk disesuaikan dengan pembentangan tahun semasa.

Kesan pelarasan tahun terdahulu dan penyataan semula angka perbandingan adalah seperti berikut:

Kumpulan

- (a) Kesan ke atas penyata pendapatan komprehensif Kumpulan:

	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014				
	Seperti dilaporkan sebelumnya RM	Penyataan semula angka perbandingan RM	Seperti dilaporkan sebelumnya (selepas penyataan semula) RM	Pelarasan tahun terdahulu RM	Seperti dinyatakan semula RM
Hasil	4,695	(108)	4,587	-	4,587
Lain-lain pendapatan	809	-	809	44	853
Perbelanjaan pentadbiran	976	(108)	868	21	889
Lain-lain perbelanjaan	208	-	208	49	257
Keuntungan sebelum cukai	627	-	627	(26)	601
Cukai	98	-	98	23	121

SEKSYEN 1

SEKSYEN 2

SEKSYEN 3

SEKSYEN 4

SEKSYEN 5

SEKSYEN 6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

AMAUN DALAM RM JUTA MELANKAN DINYATAKAN SELAINNYA

41. PELARASAN TAHUN TERDAHULU (SAMBUNGAN)

Kumpulan (sambungan)

- (b) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan Kumpulan:

	Seperti dilaporkan sebelumnya RM	Penyataan semula angka perbandingan RM	Pada 1 Januari 2014 Seperti dilaporkan sebelumnya (selepas penyataan semula) RM	Pelarasan tahun terdahulu RM	Seperti dinyatakan semula RM
Harta, loji dan kelengkapan (nilai bawa)	8,631	-	8,631	1,155	9,786
Hartanah pelaburan	3,554	-	3,554	(1,248)	2,306
Aset cukai tertunda	97	(2)	95	-	95
Liabiliti cukai tertunda	(977)	2	(975)	(57)	(1,032)
Rizab modal	(1,056)	766	(290)	-	(290)
Rizab penilaian semula aset	-	(766)	(766)	(7)	(773)
Rizab hasil	(1,598)	-	(1,598)	157	(1,441)

	Seperti dilaporkan sebelumnya RM	Penyataan semula angka perbandingan RM	Pada 31 Disember 2014 Seperti dilaporkan sebelumnya (selepas penyataan semula) RM	Pelarasan tahun terdahulu RM	Seperti dinyatakan semula RM
Harta, loji dan kelengkapan (nilai bawa)	6,044	-	6,044	1,168	7,212
Tanah yang dipegang untuk pembangunan hartenanah	50	69	119	-	119
Hartanah pelaburan	4,045	(146)	3,899	(1,213)	2,686
Aset tidak zahir	351	-	351	(49)	302
Lain-lain pelaburan	203	43	246	-	246
Kos pembangunan hartenanah	785	77	862	-	862
Baki tunai dan bank	1,091	(43)	1,048	-	1,048
Liabiliti cukai tertunda	(263)	-	(263)	(80)	(343)
Pembiayaan dan pinjaman	(8,197)	-	(8,197)	21	(8,176)
Rizab modal	(1,064)	772	(292)	-	(292)
Rizab penilaian semula aset	-	(772)	(772)	(12)	(784)
Rizab hasil	(1,972)	-	(1,972)	165	(1,807)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

41. PELARASAN TAHUN TERDAHULU (SAMBUNGAN)

Johor Corporation

- (a) Kesan ke atas penyata pendapatan komprehensif Johor Corporation:

	Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014				
	Seperti dilaporkan sebelumnya RM	Penyataan semula angka perbandingan RM	Seperti dilaporkan sebelumnya (selepas penyataan semula) RM	Pelarasan tahun terdahulu RM	Seperti dinyatakan semula RM
Lain-lain pendapatan	238	-	238	48	286
Keuntungan sebelum cukai	160	-	160	48	208
Cukai	36	-	36	(23)	13

